

Pak Lah
dan Pendidikan

TELAH DISEMAK

25 MAR 2005
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB

01167577

Pak Lah **dan Pendidikan**

Penyusun

Mohd Zuber Zain
Abdul Halim Ali
Raja Ahmad Shalaby

PENERBIT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM • 2005

Cetakan Pertama / First Printing, 2005
© Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya, tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel: 05-4506000, Fax: 05-4583603
Laman Web/Website: www.upsi.edu.my
E-mail: penerbit@upsi.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
MALINDO PRINTERS SDN BHD
Lot 3, Jalan Ragum, Seksyen 15/17,
46000 Shah Alam, Selangor D.E.
MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /
Cataloguing-in-Publication Data

Pak Lah dan dunia pendidikan / [penyusun Abdul Halim Ali, Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Zubir Zain].

Bibliografi: ms. 115

1. Abdullah Haji Ahmad Badawi, Dato Seri, 1939- --Contributions in education.
2. Education and state--Malaysia. I. Abdul Halim Ali. II. Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan. III. Zubir Zain. IV. Judul. 370.9595

ISBN 983-2620-54-6

u
370 9595
PAK

KANDUNGAN

Pembuka Bicara	vii
Ku Cari Damai Abadi	xi
Bab 1 : Pak Lah : Membesar Di Gedung Ilmu	13
Bab 2 : Wajah Keturunan Ilmuan	32
Haji Abdullah Fahim (1869-1961)	32
Ahmad bin Haji Abdullah Fahim (1907-1977)	34
Bab 3 : Menyilau Kenangan Di Kementerian Pelajaran	38
Perjalanan Panjang 38 Tahun	38
Dua Tahun Yang Bermakna	39
Usaha Menaik Taraf MPSI	41
Guru Mesti Berjiwa Pendidik	49
Bab 4 : Paradigma Pendidikan Perdana	56
Guru Dalam Era Dunia Tanpa Sempadan	56
Universiti Pusat Tamadun Dan Kecemerlangan	65
Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan raya	
Nasional ke-11 Mengenai Pendidikan	77
Bab 5 : Menuju Kegemilangan Pendidikan	78
Angin Perubahan	78
Pengurusan Sektor Pendidikan Lebih Berfokus	81
Meninggikan Martabat Guru	84
Persiapan Menghadapi Era Globalisasi	86
Membangunkan Keperibadian Mulia Pelajar	89
Keterbukaan Sikap Terhadap Pelajar	91
Skim Pembiayaan Pengajian Pelajar	93
Sekolah Kebangsaan Institusi Asas Perpaduan	96
Penyeragaman Jadual Waktu untuk ICT	99
Sekolah Bestari	100
Pendidikan Sains dan Teknologi Diperkukuh	101
Pendidikan Vokasional dan Teknik	104
Pendidikan Swasta	107
Bab 6 : Penutup	111
Selepas Setahun Menyemai Benih	111
Harapan dan Cabaran	112
Bibliografi	115

Pembuka Bicara

Pada 31 Oktober 2004 yang lalu genaplah tempoh setahun Pak Lah sebagai Perdana Menteri Malaysia. Menjadi kelaziman, tempoh setahun pertama tersebut dijadikan kayu ukur bagi menilai prestasi atau keupayaan seseorang pemimpin. Dalam setahun yang pertama tersebut disorot pelbagai dimensi kepimpinan pemimpin tersebut, antaranya dari segi pemikiran dan idea, pendekatan dan keutamaan, gaya dan corak kepimpinan, kekuatan dan juga kelemahan. Setelah genap setahun pertama, setelah melepasi tempoh pantang, ternyata Pak Lah telah membuktikan beliau cukup bersedia untuk meneruskan agenda pembangunan negara yang diwarisi daripada Tun Dr Mahathir, malah kendirinya sebagai seorang pemimpin berkaliber terserlah dalam banyak perkara.

Kata bijak pandai 'perjalanan seribu batu bermula dengan langkah yang pertama' dan Pak Lah telah melangkah tapak yang pertama. Tentunya perjalanan yang panjang penuh pelbagai masalah dan cabaran. Setidak-tidaknya dalam tempoh setahun itu Pak Lah telah berjaya menangani pelbagai masalah yang tentu tidak kecil, baik masalah yang datangnya dari dalam kerajaan, parti mahupun yang ditimbulkan oleh pihak yang berada di luar kerajaan dan partinya. Cara Pak Lah memimpin dan menyelesaikan masalah sudah tentu berbeza dengan cara Tun Dr Mahathir kerana gaya, personaliti dan latar belakang mereka yang berbeza. Tun Dr Mahathir terlatih sebagai seorang doktor perubatan dan membesar sebelum negara merdeka sedangkan Pak Lah terdidik dalam persekitaran pendidikan agama dan membesar selepas negara mencapai kemerdekaan. Rakyat cukup sedar akan perbezaan antara Tun Dr Mahathir dan Pak Lah dan menerima perbezaan tersebut dengan seadanya.

Setelah merdeka 47 tahun negara kita telah mengalami peralihan kuasa di antara empat Perdana Menteri. Dari era Tunku ke era Tun Razak, dari era Tun Razak ke era Tun Hussein, dari era Tun Hussein ke era Tun Dr Mahathir dan kini dari era Tun Dr Mahathir ke era Pak Lah. Masa terus berlalu dan masa baharu membawa persekitaran dan cabaran-cabaran baharu.

Tun Dr Mahathir telah memilih Pak Lah sebagai pengganti beliau dan sejak itu bermulalah era kepimpinan Pak Lah. Tidak perlu rakyat atau sesiapa pun membuat perbandingan antara Pak Lah dengan Tun Dr Mahathir kerana untuk maju rakyat perlu memandang ke hadapan bukan ke belakang. Rakyat perlu memberi sokongan yang kuat kepada kepimpinan Pak Lah selaku Perdana Menteri Malaysia yang baharu dan sokongan ini menjadi kenyataan dalam Pilihan raya Nasional ke-11 yang lalu di mana parti UMNO dan Barisan Nasional telah mendapat mandat yang cukup besar.

Kembali kepada isu menilai prestasi Pak Lah selama tempoh setahun memimpin negara, ternyata pelbagai lapisan masyarakat memberi markah penuh kepada beliau selepas setahun menerajui kepimpinan negara. Mereka sependapat menyatakan bahawa, Pak Lah telah berjaya melaksanakan beberapa dasar baharu yang berjaya memakmurkan ekonomi negara dan mewujudkan masyarakat progresif melalui pengenalan Islam Hadhari (*Berita Minggu*, 31 Oktober 2004). Jika Tun Dr Mahathir memperkenalkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara seperti Bersih, Cekap, Amanah dan Kepimpinan Melalui Teladan, Pak Lah maju setapak lagi dengan gagasan Islam Hadhari dan Pelan Integriti Nasional.

Kalangan warga asing di Malaysia, khususnya duta-duta dan pegawai dagang menyifatkan daya kepimpinan Pak Lah terserlah berikutan beberapa pendekatannya dalam memacu jentera pentadbiran negara ke arah yang lebih cemerlang dan terbilang. Demikianlah halnya dengan pandangan, sambutan dan penerimaan pelbagai lapisan masyarakat yang secara keseluruhannya mengesahkan karismatik Pak Lah sebagai Perdana Menteri.

Sebagaimana tindakannya yang membuka jalan rangsangan kepada bidang ekonomi dan kestabilan negara, Pak Lah juga memberi lebih tumpuan kepada perkembangan sektor pendidikan. Keprihatinan beliau terhadap sektor ini terbukti dengan tindakan beliau menubuhkan satu lagi kementerian, iaitu Kementerian Pengajian Tinggi bagi menguruskan hal-ehwal pendidikan tinggi negara, di samping Kementerian Pelajaran (dulunya Kementerian Pendidikan) yang akan menguruskan hal-ehwal pendidikan sekolah.

Pandangan dan wawasan Pak Lah terhadap sektor pendidikan dapat kita telusuri daripada ucapan yang disampaikan sempena pembentangan Bajet 2005. Daripada ucapan itu, terserlah sikap dan pendirian Pak Lah yang mahukan

sesuatu yang lebih kemas, tersusun, maju dan futuristik berlaku dalam sektor pendidikan. Selain mutiara yang dapat disunting daripada ucapan pembentangan Bajet 2005 itu, idea-idea baharu Pak Lah dapat juga ditelusuri daripada kenyataan-kenyataan akhbar.

Buku kecil yang diberi judul 'Pak Lah dan Pendidikan' ini mengulas idea-idea Pak Lah yang memberi fokus kepada pembangunan pendidikan negara. Secara umumnya, terdapat 12 isu yang berlegar di sekitar dunia pendidikan negara yang telah dimajukan oleh Pak Lah dalam tempoh setahun pertama menjadi Perdana Menteri.

Mengamati dan mengulas idea-idea ini, terbukti jelas Pak Lah mahukan pembaharuan dilakukan supaya sektor pendidikan benar-benar menjadi nadi yang akan mencergas dan memajukan bidang-bidang pembangunan lain. Aspek pendidikan yang berasaskan pembentukan akhlak mulia dan moral yang baik menjadi tunjang kelahiran generasi baharu yang mantap kerohaniannya. Justeru, pendidikan bahasa Arab, al-Quran dan Sivik diperhebatkan.

Pak Lah juga melihat soal perpaduan sebagai isu besar yang perlu kepada pemupukan persefahaman di peringkat sekolah. Sekali lagi kita dapat menyaksikan kebergantungan Pak Lah kepada pendidikan untuk menjayakan visi perpaduan negara. Sekolah kebangsaan menjadi pilihan Pak Lah sebagai institusi yang asas untuk menanam nilai-nilai kebersamaan, perpaduan dan persefahaman di kalangan murid-murid pelbagai kaum.

Bukan sekadar untuk menjayakan cita-cita perpaduan dan muhibah, malah untuk mempercepat usaha membawa Malaysia menuju tahun 2020 juga, Pak Lah mengembalikan harapannya kepada pendidikan. Dalam hal mendidik dan membekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi yang perlu untuk pembangunan negara, pengajaran mata pelajaran berasaskan sains, teknologi dan multimedia diperkukuh. Sebagai pelengkap kepada usaha itu, Pak Lah mahu supaya bidang vokasional dan teknikal dipertingkatkan, bidang bioteknologi dan ICT diperkenalkan sebagai persediaan mempersiapkan negara untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 nanti. Pendidikan menjadi akar yang menunjangi segala perancangan pembangunan negara. Pendidikanlah yang menulangi setiap gerak kerja.

Justeru tidak menghairankan, Pak Lah memperuntukkan satu peruntukan yang besar iaitu RM 21.5 bilion untuk pembangunan dan kemajuan sektor

pendidikan negara, satu peruntukan yang paling tinggi berbanding sektor-sektor lain. Jumlah peruntukan yang tinggi ini juga membayangkan kesanggupan dan komitmen yang tidak berbelah bagi, Pak Lah melakukan pelaburan untuk masa depan negara.

Dengan memberi fokus kepada aspek pendidikan yang sedemikian sifatnya, buku ini tentulah tidak sama dan berlainan dengan buku-buku lain yang ditulis oleh penulis lain sebelum ini. Maklumat dan ulasan yang dikemukakan dalam buku ini dapat menjadi asas bagi memanjang perbincangan tentang peringkat-peringkat perubahan yang bakal berlaku selepas tempoh setahun pertama Pak Lah menjadi Perdana Menteri.

Dalam usaha mencari signifikasi kepada beberapa perkara baharu yang dibawa oleh Pak Lah dalam bidang pendidikan untuk selama setahun pertama menjadi Perdana Menteri ini, maka beberapa usaha dan program yang pernah diperkenalkan beliau sewaktu menjawat jawatan Menteri Pelajaran (1984-86) dibincangkan bersama. Daripada perbincangan itu, jelas kelihatan idea-idea yang berkaitan dengan pendidikan pada hari ini bertemali dengan perancangan yang pernah diusahakan 20 tahun dahulu, umpamanya usaha memartabatkan perkhidmatan perguruan, pengenalan mata pelajaran Sivik dan penekanan kepada bidang teknik dan vokasional.

Berasaskan sikap dan pendirian Pak Lah, kita dapat merumuskan pendidikan pada pandangan Pak Lah, ialah jantung pembangunan kemanusiaan dan negara. Baik pendidikan, maka baiklah bidang-bidang pembangunan lain. Jika bidang ini pincang, maka pembangunan akan menemui jalan buntu, perancangan akan menjadi haru-biru dan masyarakat pula makin jauh ketinggalan. Dalam hal ini, tidak keterlaluan, fokus pembangunan negara di tangan Pak Lah bertunjang kepada asas yang benar dan selari dengan kehendak ajaran Islam yang sangat mementingkan ilmu (pendidikan), kebersihan hati, kekuatan akhlak dalam sebarang gerak kerja dan tindakan.

Semoga buku kecil ini dapat membekalkan sebahagian daripada maklumat yang sangat diperlukan oleh pembaca, terutama yang mahu melihat secara langsung visi Pak Lah terhadap pembangunan pendidikan negara.

Kucari Damai Abadi

Nukilan;
Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi

Aku cari bukan harta bertimbun-timbun
Untuk hidup kaya
Aku cari bukan wang berjuta-juta
Untuk hidup bergaya
Aku cari bukan kawan-kawan
Untuk hidup sekadar berfoya-foya
Aku cari
Mana dia Al-Ghazali
Aku cari
Mana dia Al-Shafie
Kita bongkar rahsia kitab suci
Cari pedoman
Kita bongkar rahsia sunnah Nabi
Cari panduan
Aku hidup kerana Dia Rabbi
Dialah teman
Dialah wali
Dia mencukupi
Aku hidup bererti
Menikmati damai abadi

Bab 1

Pak Lah: Membesar Di Gedung Ilmu

Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah dilahirkan pada 26 November 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Selepas tempoh pantang ibunya berakhir, Abdullah dibawa tinggal bersama bapa dan datuknya di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Pada waktu itu, datuk beliau, Sheikh Abdullah Fahim ialah mudir di Madrasah Idrisiah, manakala bapanya, Hj. Ahmad Badawi turut mengajar di madrasah berkenaan. Apabila Perang Dunia Kedua meletus, Datuk Seri Abdullah dan keluarganya pulang ke Kepala Batas, Pulau Pinang. Di pekan kecil di utara Seberang Prai itulah beliau membesar dan menghabiskan zaman kanak-kanak dan remajanya.

Apabila cukup umur tujuh tahun, beliau masuk sekolah rendah di Sekolah Melayu Permatang Bertam, Kepala Batas. Selepas enam tahun di sekolah ini beliau mengambil peperiksaan Special Malay Class (SMC) dan lulus bersama empat pelajar lain, Abdullah melanjutkan pelajaran di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam (BM High School) hingga tingkatan lima. Selepas itu, beliau meneruskan pengajian tingkatan enam di Methodist Boys School, Pulau Pinang. Semasa di sekolah menengah, guru-guru beliau mengingati Datuk Seri Abdullah sebagai pelajar yang berdedikasi, rajin dan popular. Beliau pernah menjadi ketua pasukan pengakap sekolahnya di Bukit Mertajam. Ketika berada di tingkatan lima, beliau menjadi editor majalah sekolah. Guru-gurunya turut mengakui Datuk Seri Abdullah mempunyai kemahiran mengarang yang baik, dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Amat jelas sekali sejak kecil lagi, Datuk Seri Abdullah telah dipersiapkan dengan latar belakang pendidikan yang seimbang antara keperluan dunia dan akhirat. Selain bersekolah biasa di Sekolah Melayu Permatang Bertam, Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Methodist Boys School Pulau Pinang, beliau juga melalui pendidikan agama pada sebelah petang di sekolah agama yang diasaskan oleh datuknya Sheikh Abdullah Fahim pada tahun 1924 sekembalinya



dari Mekah, iaitu sekolah agama pondok Daeratul Maarif Al-Wataniah. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran dalam bidang sastera dengan pengkhususan dalam pengajian Islam di Universiti Malaya. Semasa menuntut di universiti inilah beliau terpilih untuk memimpin GPMS (1962-64).

Hakikat bahawa Datuk Seri Abdullah memiliki akhlak yang mulia dan keperibadian yang amat disenangi ialah sesuatu yang diakui umum. Baik kawan mahupun lawan, mereka sependapat keperibadiannya yang unggul bukanlah sesuatu yang dibuat-buat, sebaliknya sesuatu yang tulen dan asli. Lantaran itu, beliau digelar sebagai *Mr Nice* dan *Mr Clean*. Pemupukan keperibadian yang baik ini jelas dipengaruhi oleh cara beliau dididik oleh keluarganya, Datuk Ahmad Badawi dan datuk beliau, Sheikh Abdullah Fahim. Bapanya menjadi guru besar di sekolah agama Daeratul Maarif Al-Wataniah pada peringkat awal, manakala datuknya selaku pengasas dinobatkan selaku "Ustaz Kabir", sebelum dilantik menjadi Mufti pertama Pulau Pinang pada tahun 1951. Selain mengaji agama pada sebelah petang pada sebelah malamnya pula beliau mengaji al-Quran termasuk tafsir daripada datuknya. Di samping itu beliau terdedah kepada amalan datuk dan bapanya yang berpegang kuat kepada "amal makruf nahi mungkar" atau prinsip menegakkan apa yang disuruh dan menjauhi apa yang dilarang dalam Islam.

Selain itu, Datuk Seri Abdullah juga mewarisi sifat-sifat mulia datuk dan bapanya selaku keluarga pendidik. Seorang pendidik, guru atau ustaz perlu memiliki jiwa yang tenang, akal yang rasional dan perlu banyak bersabar dalam mendidik dan mengajar murid yang bermacam-macam ragam. Ketenangan, kesabaran dan kegigihan merupakan sifat-sifat yang terpuji, yang juga dimiliki oleh para rasul dan nabi yang diutuskan Allah Taala untuk membawa risalah kebenaran. Sifat-sifat mulia ini terserlah dalam peribadi Datuk Seri Abdullah, menjadikan beliau seorang manusia yang hampir sempurna, yang ideal. Sahabat karibnya, Allahyarham Abdul Fatah, melihatkan sifatnya yang cukup sabar dalam menghadapi pancaroba hidup khususnya dalam dunia politik yang penuh intrik, lakonan, drama dan tipu helah. pernah menyifatkan Datuk Seri Abdullah sebagai "keramat hidup", mungkin kerana Pak Lah tidak berdendam dan cukup pemaaf.

Bakat kepimpinan Datuk Seri Abdullah terserlah sejak di bangku sekolah lagi. Seawal tahun 1958, ketika menuntut di Bukit Mertajam High School, beliau muncul sebagai Yang Dipertua Persatuan Pelajar Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai (PPMPPSP). Berdasarkan bakat, kebolehan dan keupayaan beliau memimpin, maka pada 1962, ketika beliau menuntut di Universiti Malaya, Abdullah atau lazimnya dipanggil "Cik Lah" ketika itu, telah diberi kepercayaan oleh badan-badan Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang lain untuk menjadi presiden gabungan itu. Ketika memimpin GPMS beliau sering mengadakan pertemuan dengan Cikgu Aminuddin Baki selaku pengasas dan penaung GPMS, yang ketika itu menjadi Penasihat Pelajaran di Kementerian Pelajaran, untuk berbincang mengenai isu-isu pendidikan khususnya yang menyentuh pelajar dan guru Melayu. Jika Cikgu Aminuddin Baki terkenal dengan Program Obor menyedarkan pelajar Melayu betapa pentingnya pendidikan, Cik Lah pula semasa memimpin GPMS terkenal dengan program Kelas Bimbingan yang mengusahakan pelajar Melayu yang lemah dalam pelajaran diberi kelas tambahan, tuisyen dan motivasi untuk membaiki prestasi mereka.

Selepas lulus dari Universiti Malaya beliau menyertai perkhidmatan awam atau Malaysian Civil Service (MCS) dan ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Setelah setahun di sini pada tahun 1965 beliau bertemu jodoh dengan rakan sepejabat seorang gadis kacukan Melayu Jepun bernama Endon Mahmood. Bapa Endon, En. Mahmood Ambak merupakan tokoh usahawan terkenal di Kuala Lumpur dan semasa persandingan di rumah Endon di Kuala Lumpur antara tetamu khas yang turut hadir ialah DYMM Sultan Selangor dan YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Abdul Razak.

Setelah lima tahun sebagai Penolong Setiausaha, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dinaikkan pangkat menjadi Ketua Penolong Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri dan ditempatkan di Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) sejurus selepas peristiwa 13 Mei 1969. Selama 21 bulan berkhidmat dengan MAGERAN, Datuk Seri Abdullah menerima latihan dalam kenegaraan yang cukup membantu dalam karier politik kemudiannya. Beliau menyaksikan bukan saja penubuhan Majlis Muhibah Negara, bahkan pada bulan Oktober 1969, YAB Tun Razak selaku Pengarah Operasi MAGERAN mengumumkan



penubuhan Majlis Perundangan Negara yang ahli-ahlinya terdiri daripada wakil pelbagai kumpulan seperti ekonomi, politik, profesional, agama dan yang lain lagi. Sekarang setelah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-5, tugasnya di MAGERAN di Jabatan Perdana Menteri dahulu, dilihat telah memberi pendedahan awal yang berguna kepada beliau dalam memahami pengurusan krisis politik pada peringkat tertinggi. Pengalaman selama hampir dua tahun sebagai pegawai perkhidmatan awam nombor dua terkanan dengan MAGERAN dipercayai turut memantapkan beliau sebagai pemimpin politik.

Selepas pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditamatkan dan Malaysia kembali kepada pemerintahan demokrasi berparlimen pada bulan Februari 1971, Datuk Seri Abdullah berpindah ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di situ beliau dilantik ke jawatan Pengarah Belia, iaitu satu jawatan baru yang diwujudkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Selaku seorang yang pernah aktif dalam persatuan pelajar dan pengakap di Pulau Pinang dan pernah pula memimpin persatuan pelajar nasional GPMS, jawatan ini amat serasi dengan beliau, umpama belut pulang ke lumpur, sirih pulang ke gagang. Dengan jawatan ini beliau dapat menjelajah ke seluruh negara melawat persatuan-persatuan belia di peringkat negeri dan daerah, merasmikan kursus dan seminar belia dan berjumpa kawan-kawan lama yang pernah bersama terlibat dalam pergerakan belia dan memimpin persatuan pelajar pada satu masa dahulu.

Seyogianya disebut ketika ini khususnya pada tahun 1974-75 dunia sedang bergolak khususnya krisis antara blok Barat yang diketuai USA dengan Blok Komunis Soviet. Di Amerika pula berlaku penentangan terhadap Kerajaan Nixon dan perang Vietnam yang dipelopori oleh pelajar universiti, yang melahirkan "student power" dan sentimen *anti-establishment* di seluruh dunia. Di Kuala Lumpur berlaku demonstrasi pelajar yang didalangi pemimpin mahasiswa. Pelantikan Dr Mahathir selaku Menteri Pelajaran dan kebijaksanaan beliau menggubal Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) berjaya menyekat elemen subversif daripada memperalatkan pelajar untuk kepentingan peribadi atau politik.

Ketika itu juga Tan Sri Ghazali Shafie selaku Menteri Dalam Negeri telah bertindak meminda Undang-Undang Pertubuhan lalu persatuan belia dan sukan

tidak dibenarkan terlibat dalam politik dan mana-mana pemimpin belia yang cenderung berpolitik dinasihatkan meletakkan jawatan dan menyertai parti politik.

Setelah hampir lapan tahun (1971-78) bertindak sebagai ketua birokrat yang bertanggungjawab membangunkan belia negara khususnya memajukan persatuan-persatuan belia dalam Majlis Belia Malaysia (MBM), MAYC, ABIM, Belia 4B, GPMS, Belia FELDA, Pandu Puteri, Pengakap, Hindu Sanggam dan sebagainya, tentunya Datuk Seri Abdullah berpuas hati dengan apa yang telah dilakukan. Beliau bukan saja berjaya menjadi jambatan yang berkesan antara golongan belia dengan kerajaan yang satu waktu dahulu membawa haluan masing-masing, malahan beliau juga berjaya mengembalikan sokongan golongan muda kepada pihak kerajaan atau *pro-establishment*.

Perjalanan politik Datuk Seri Abdullah Badawi bermula apabila beliau dijemput bertanding pada pilihanraya umum 1978 oleh orang-orang kuat UMNO dan penyokong Allahyarham ayahanda beliau di Kepala Batas. Ayahanda beliau Hj. Ahmad Badawi merupakan ADUN Kepala Batas, EXCO Negeri dan Ketua Bahagian UMNO Kepala Batas telah meninggal dunia pada tahun 1977 dan wujud "vacuum" dalam pucuk pimpinan UMNO Kepala Batas, maka itu Abdullah menjadi pilihan utama.

Pada mulanya beliau menolak kerana jawatan dan pangkat dalam kerajaan sudah memadai dan jika beliau terus berada dalam perkhidmatan awam, besar kemungkinan beliau akan dilantik ke jawatan yang lebih tinggi lagi. Lagi pun beliau tidak berminat terjun ke gelanggang politik, setelah melihat pengalaman arwah bapanya beliau amat maklum dan faham dunia politik yang perjalanannya cukup sukar. Tetapi apabila dua tiga kali para penyokong mendesaknya beliau tidak sampai hati untuk menghampakan harapan mereka yang bersungguh-sungguh itu. Maka akhirnya setelah berfikir panjang dan mendapat restu daripada ibunya, beliau menerima pelawaan rombongan UMNO Kepala Batas tersebut. Peristiwa ini jelas menunjukkan politik yang mencari Pak Lah dan bukan Pak Lah yang mencari politik.

Sebaik menang bertanding di Parlimen Kepala Batas pada tahun 1978, beliau dipilih oleh YAB Perdana Menteri Tun Hussein Onn dan dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Wilayah Persekutuan dan rombak kabinet



pada tahun 1979 beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri di kementerian yang sama. Pada tahun 1981 pula beliau menyertai Kabinet sebagai menteri penuh sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1981-83), kemudian Menteri Pelajaran (1984-86) dan Menteri Pertahanan (1987).

Dalam kerjaya politik parti pula, beliau telah memanjat kejayaan demi kejayaan sejajar dengan kemajuan yang dicapai dalam kerajaan. Setahun selepas menjadi wakil rakyat, pada tahun 1979 Abdullah dipilih untuk menjadi Ketua UMNO Kepala Batas yang satu waktu dipimpin oleh Allahyarham bapanya. Pada pemilihan Perhimpunan Agung UMNO 1981, beliau terpilih sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT), manakala pada Perhimpunan Agung UMNO 1984 pula, Abdullah naik setakah lagi, dinobatkan sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO, kedudukan ketiga terpenting dalam parti selepas Presiden dan Timbalan Presiden.

Perjalanan politik yang dilalui beliau walaupun nampak cerah dan panas hingga ke petang rupanya tidak seperti yang disangkakan kerana tiba-tiba dibasahi oleh hujan di tengah hari. Selepas Perhimpunan Agung UMNO 1987, Datuk Seri Abdullah mendapati kerjaya politiknya berada di jalan mati kerana berada dalam kem atau Team B yang kalah melawan Team A yang diketuai Dr Mahathir dan Ghafar Baba. Walaupun beliau berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai Naib Presiden pada pemilihan itu, tetapi Team B yang diketuai Tengku Razaleigh dan Musa Hitam, telah kalah dengan undi yang kecil. Akibatnya beliau telah digugurkan daripada Kabinet Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tetapi kekalahan Team B dan kehilangan jawatan menteri ada hikmahnya. Tuhan ingin menduga apakah beliau dapat bersabar dalam kesusahan, lalu beliau terus berjuang dalam kepayahan dan tidak ada kemudahan. Ternyata apabila tercampak ke dalam *political wilderness* selama 3 tahun 8 bulan ramai rakan dan penyokong akan membawa diri dan yang tinggal dan membantu hanyalah mereka yang jujur, ikhlas dan setia. Ketika terpinggir inilah tahulah beliau siapa kawan dan siapa *opportunist*.

Selaku Naib Presiden UMNO beliau tidak dimasukkan dalam senarai hitam, sebaliknya beliau diberi tugas oleh Presiden UMNO Dr Mahathir mewakili UMNO dalam Majlis Penilaian Semula DEB (MAPEN) yang tamat pada tahun 1990 itu. Beliau melakukan tugas dengan baik, bahkan beliau tetap bekerja kuat untuk

parti UMNO Baru, menentang Parti Semangat 46 yang ditubuhkan oleh ramai kawan-kawannya pemimpin daripada Team B dahulu.

Bahawa dengan bertindak menerima keputusan pemilihan 1987 sebagai takdir dan asam garam dalam berpolitik dan terus memegang moto UMNO "Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat" Datuk Seri Abdullah Badawi bukan saja berjaya kembali ke arus perdana UMNO, malah beliau juga dilibatkan dalam UMNO Baru yang dihidupkan semula oleh Dr Mahathir selepas diharamkan oleh Mahkamah Tinggi pada 4 Februari 1988. Beliau dilantik sebagai salah seorang anggota penaja UMNO Baru dan kekal sebagai salah seorang Naib Presidennya. Apabila beliau berjaya mempertahankan kedudukan Naib Presiden pada pemilihan UMNO 1990, beliau dibawa kembali oleh Dr Mahathir ke dalam Kabinet. Pada 15 Mac 1991, beliau dilantik sebagai Menteri Luar. "Cuti sabatikal" selama tiga tahun lapan bulan berakhir dan beliau meneruskan tugas kabinetnya semula.

Perjalanan politik Datuk Seri Abdullah selepas kembali sebagai Menteri Luar dalam kabinet Dr Mahathir pada tahun 1991, sekali lagi diuji dengan getirnya pada pemilihan UMNO 1993. Beliau kali ini berada di belakang Tun Ghafar Baba yang mempertahankan "status quo" kerusi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri. Team Wawasan yang cukup popular dan cekap jentera kempenya membawa gelombang besar menumbangkan Team Tun Ghafar dan Pak Lah kecundang sebagai Naib Presiden, disebabkan oleh kebangkitan dan kekuatan pengaruh Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin ABIM yang dibawa masuk ke dalam UMNO pada tahun 1982.

Anwar dikenal pasti, dididik dan diasuh untuk menjadi pelapis kepada kepimpinan parti dan negara pada masa akan datang. Dengan payung dan dorongan dari atas, Anwar bergerak pantas dalam hierarki UMNO - bermula sebagai Ketua Pemuda UMNO dan kemudian Naib Presiden UMNO, dalam masa 10 tahun atau dua penggal sahaja Anwar kini sudah berada di posisi nombor 2 dalam UMNO dan juga kerajaan. Beliau diberi jawatan-jawatan penting dan strategik - Menteri Pertanian (1984-86), Menteri Pelajaran (1986-91) dan Menteri Kewangan (1991-97).

Selepas kekalahan Naib Presiden itu dan selepas Datuk Seri Anwar yang berasal dari Permatang Pauh Pulau Pinang, sama negeri dengannya, berjaya



menempatkan dirinya sebagai Timbalan Presiden, yang kemudiannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, pemerhati politik mengandaikan bahawa kerjaya atau karier politik Pak Lah sebagai Menteri Luar itu berada pada jalan mati sekali lagi. Bintang baru membawa gerhana kepada Pak Lah. Ada yang menganggap oleh sebab Datuk Seri Anwar yang jauh lebih muda daripadanya sudah berada di atasnya, maka kehadiran beliau tidak lagi relevan. Jawatan beliau selaku Menteri Luar tidak membantu dan jenis kerjanya yang tidak ada kena mengena dengan ahli-ahli UMNO memberi kesukaran untuk merampas kembali kedudukannya sebagai Naib Presiden. Meskipun dilantik sebagai ahli MT, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa karier politik beliau tidak akan bergerak ke mana.

Namun, tidak semua percaturan politik dapat diramal. "Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia Tuhan sahaja yang tahu". Manusia merancang, Allah juga merancang dan perancangan Allah yang berlaku. Pada mesyuarat dan pemilihan UMNO tahun 1996, YAB Presiden UMNO melancarkan perang total terhadap rasuah politik dan politik wang, Datuk Seri Abdullah yang terkenal sebagai "*Mr Clean*" telah mendapat restu perwakilan dan terpilih kembali sebagai Naib Presiden UMNO di tempat kedua.

Oleh sebab beliau menduduki tempat kedua dan pada satu waktu pernah menentang Datuk Seri Dr Mahathir, maka beliau tidak diramalkan untuk menggantikan tempat Datuk Seri Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila Datuk Seri Anwar dipecat daripada parti dan kabinet pada 2 September 1998. Datuk Seri Mohd Najib, selaku Naib Presiden pertama telah disebut-sebut akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Akan tetapi sekali lagi ayat hikmat berulang apabila manusia hanya merancang, Allah Taala yang menentukan. Di luar dugaan banyak pihak, pada 8 Januari 1999, empat bulan selepas pemecatan Datuk Seri Anwar, Datuk Seri Abdullah telah diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri yang keempat di bawah kerajaan pimpinan Dr Mahathir - selepas Tan Sri Musa Hitam (1982-1987), Tun Ghafar Baba (1987-93) dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (1993-98). Pada pemilihan UMNO tahun 2000 yang diadakan selepas pilihan raya umum akhir tahun 1999, Datuk Seri Abdullah dinobatkan sebagai Timbalan Presiden UMNO tanpa bertanding.

Setelah hampir lima tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri (dari Januari 1999 hingga Oktober 2003), dan 13 tahun menjadi menteri selama sejak tahun 1981 (setelah ditolak cuti sabatikal 3 tahun 8 bulan) Datuk Seri Abdullah tidak dapat disangkal lagi merupakan salah seorang anggota Kabinet yang kanan dan yang amat berpengalaman. Perkhidmatannya juga merangkumi bidang yang luas iaitu daripada pelajaran kepada pertahanan, luar negeri dan dalam negeri. Perlu diingat sebelum menyertai kerajaan beliau merupakan pegawai MCS yang agak senior dan telah menimba pengalaman di JPA, JPM, MAGERAN dan jawatan akhir sekali selaku Pengarah Belia selama lapan tahun.

Meskipun beliau tidak pernah mengendalikan kementerian yang berurusan dengan hal-ehwal ekonomi dan kewangan secara langsung seperti Kementerian Kewangan atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, ini tidak bermakna beliau tiada pengalaman mengurus dua bidang itu. Atas sifatnya sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang bertindak sebagai badan yang membincangkan dan memutuskan dasar-dasar utama ekonomi dan kewangan negara. Semasa Datuk Seri Dr Mahathir bercuti atau melawat ke luar negara, Datuk Seri Abdullah lazimnya memangku tugas Menteri Kewangan, selain menjalankan tugas-tugas Perdana Menteri. Malah selama dua bulan pada Mac dan April 2003, semasa Datuk Seri Mahathir bercuti, beliau menjadi Pemangku Perdana Menteri. Lantaran itu, apabila beliau memulakan tugas sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003, Datuk Seri Abdullah sudah terdedah kepada selok-belok untuk menjadi Ketua Eksekutif *Malaysia Incorporated* serta menjadikan pegangan "tegas, adil dan saksama" itu sebagai *guiding principle* atau lampu suluh beliau untuk memimpin negara.

Kini Pak Lah telah memimpin Malaysia selama 385 hari dan daripada penilaian pemimpin dan rakyat jelata ternyata beliau telah lulus dengan cemerlang. Seperti mana Dr Mahathir ketika menduduki kerusi Perdana Menteri beliau dicurigai akan menjadi "ultra Malay", Pak Lah juga dibimbang akan menjadi pemimpin yang kurang tegas berbanding dengan karakter Dr Mahathir yang agak keras dan kurang diplomasi. Tetapi setelah setahun berlalu Pak Lah bukan sahaja mengekalkan imejnya selaku "Mr Nice" dan "Mr Clean" tetapi



dalam masa itu beliau menterjemahkan imej kepimpinan yang baik dan bersih melalui Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Nasional (IIN), sebagai kesinambungan kepada dasar Bersih, Cekap dan Amanah yang dipelopori Dr Mahathir. Selain itu, Pak Lah mendesak jentera kerajaan supaya lebih efisien dalam memberi khidmat kepada pelanggan dan rakyat melalui meningkatkan mutu pegawai awam yang berasaskan skim Penilaian Tahap Kecekapan (PTK). Dalam wawancaranya kepada akhbar nasional, beliau dilaporkan berkata bahawa yang menjadi fokus beliau ialah membina manusia atau "software" ke tahap yang lebih tinggi, selaras dengan fasiliti moden yang kita miliki. Jika Dr Mahathir menyuntik keyakinan melalui slogan "Malaysia Boleh" maka Pak Lah berhasrat memacu kejayaan yang lebih tinggi melalui slogan Malaysia "Cemerlang, Gemilang, Terbilang".



Semasa kecil



Di pangkuan datuk



Bersama ayah



Bersama rakan
Abdul Fatah Abdullah



Pengakap BM High School



Penuntut Daeratul Maarif Al-Wataniah



Bersama rakan dalam GPMS



Abdullah dan Endon



Di jinjang pelamin



Jamuan Makan



Berkhidmat dengan MAGERAN (1969-1971)



Di Majlis Penyampaian Sijil MPSI



Mesra pelajar



Selepas menghadiri mesyuarat
Kabinet kali pertama
tahun 1981



Harapan negara



Mewujudkan kementerian baharu bagi
memberi fokus kepada pengajian tinggi



Tun Dr Mahathir memilih Datuk Seri Abdullah
pengganti beliau sebagai Presiden UMNO



Tun Dr Mahathir memilih Datuk Seri Abdullah
pengganti beliau sebagai Perdana Menteri



Datuk Seri Abdullah menerima watakah daripada Yang Di-Pertuan Agong



Datuk Seri Abdullah menerima fail meja daripada Tun Dr Mahathir sebagai simbol peralihan kuasa



Datin Seri Endon Mahmood



Pasangan bahagia



Menyambut harijadi cucu



Bersama keluarga

Bab 2

Wajah Keturunan Ilmuwan



Haji Abdullah Fahim (1869-1961)

Tuan Guru Haji Abdullah bin Ibrahim, atau lebih dikenali sebagai Sheikh Abdullah Fahim, dilahirkan di Mekah pada tahun 1869. Ayahandanya bernama Haji Ibrahim bin Tahir berasal dari Kampung Kubur Panjang, Kedah. Haji Ibrahim berhijrah ke Tanah Suci, iaitu di Shib'b Ali, berhampiran dengan Kaabah dan beliau mengajar ilmu al-Quran di sana. Mekah dan Madinah ketika itu merupakan kota tumpuan ilmuwan

Islam untuk mencari dan mendalami pengetahuan serta ilmu-ilmu agama. Haji Ibrahim juga pernah dilantik sebagai ahli Lembaga Masjidilharam kerana ketokohnya.

Tuan Guru Haji Ibrahim mendidik anaknya menjadi alim ulama. Seperti bapanya Sheikh Abdullah Fahim mempunyai ramai murid yang terdiri dari serata pelosok negara Nusantara seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Patani, India dan China. Setelah sekian lama menuntut dan mengajar di Tanah Suci, Sheikh Abdullah akhirnya pulang ke tanah air pada tahun 1916 dan menetap di rumah pusakanya di Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang. Memandangkan beliau seorang yang berwibawa dalam ilmu agama, beliau menjadi rebutan sekolah-sekolah agama pondok di Semenanjung. Beliau diterima mengajar di Pondok Haji Wan Sulaiman Wan Sidik, Alor Setar, kemudiannya dilantik sebagai guru agama kepada Sultan Kedah.

Pada tahun 1924, Sheikh Abdullah pulang semula ke kampung halamannya di Kepala Batas untuk membuka pondok dan mengajar ilmu agama di sana. Selepas enam tahun kemudiannya, iaitu pada tahun 1931, Sultan Perak menjemputnya ke Perak dan melantiknya sebagai Mudir dan mengajar di Madrasah Idrisiyah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Di sinilah beliau menerbitkan

dua buah kitab, iaitu *Khutbah Penyedar* dan *Takwim Solat*. Beliau akhirnya ditamatkan jawatannya sebagai mudir di madrasah tersebut menjelang Perang Dunia Kedua akibat daripada fitnah yang disebarikan oleh pihak Inggeris.

Sheikh Abdullah kembali ke Kepala Batas dan menggerakkan kembali sekolah agamanya sendiri yang diberi nama Daeratul Maarif Al-Wataniah. Sementara menunggu pembinaannya siap, beliau memulakan pengajian kelas agama di Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas di samping mengajar di rumahnya sendiri. Rumah beliau ini dikenali sebagai Rumah Sejarah kerana di sinilah beliau mengesyorkan tarikh kemerdekaan negara pada tanggal 31 Ogos 1957.

Sebagai seorang ulama yang berwibawa, Sheikh Abdullah tidak menghadkan kegiatannya dengan mengajar dan menyebarkan syiar Islam semata-mata, tetapi juga ilmu-ilmu dunia dan isu-isu semasa berkenaan negara dan bangsa. Kebolehan dan kepintarannya memang tidak dapat dinafikan, di samping seorang mufassir, ahli falak dan ahli hadis, beliau juga seorang yang pintar dalam syair-syair Arab. Beliau juga adalah seorang nasionalis tulen yang memiliki semangat kebangsaan yang tinggi. Bukan itu sahaja, Sheikh Abdullah turut memainkan peranan dalam meniup semangat kebangsaan menentang penjajahan Inggeris. Beliau menggunakan bakatnya berceramah dalam menyampaikan mesej nasionalis kepada anak-anak muridnya. Beliau telah mengubah nasyid dan nazam bagi menyampaikan mesej-mesej yang sama.

Selepas perang, Sheikh Abdullah bersama murid-muridnya turun ke gelanggang politik dan menyertai gerakan massa bagi menentang Malayan Union. Apa yang ditentang oleh Sheikh Abdullah dan muridnya ialah dua perkara yang merugikan orang Melayu, iaitu pemindahan kuasa Raja-raja Melayu ke tangan Inggeris dan memberikan taraf kewarganegaraan kepada semua kaum pendatang berasaskan prinsip *jus soli*. Prinsip *jus soli* bermakna orang-orang imigran yang telah bermastautin di Tanah Melayu dan Singapura sebelum tarikh penguatkuasaan Malayan Union secara automatik dianggap warganegara. Demikian juga dengan bukan Melayu yang lahir di Tanah Melayu pada atau selepas Malayan Union dikuatkuasakan. Mereka semua secara automatiknya, tanpa mengira kewarganegaraan asal akan menjadi warga Malayan Union.



Persatuan-persatuan negeri ditubuhkan untuk mengatur strategi perjuangan. Sheikh Abdullah memainkan peranan mewujudkan Persatuan Melayu Seberang Prai, dan beliau menjadi pengerusinya. Persatuan ini merupakan saluran penting untuk membangkitkan semangat Melayu menentang penjajah. Persatuan itu mewakili orang Melayu Seberang Prai dalam Kongres Melayu yang diadakan untuk menubuhkan sebuah persatuan politik nasional di Kuala Lumpur pada Mac 1946 dan di Johor Bahru pada 11 Mei 1946. Dengan ini tertubuhlah UMNO yang memperjuangkan nasionalisme Melayu sehinggalah akhirnya negara mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957.

Sebagai ulama tersohor pada zamannya, Sheikh Abdullah sering dijadikan pakar rujuk, tempat mendapatkan nasihat dan bimbingan oleh para pemimpin negara ketika itu seperti Dato' Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman. Beliau meninggal dunia pada tahun 1961 ketika berusia 92 tahun.



Ahmad bin Haji Abdullah Fahim (1907-1977)

Allahyarham Datuk Ahmad Badawi atau nama asalnya Ahmad bin Haji Abdullah Fahim dilahirkan di Tanah Suci Mekah pada 13 Oktober 1907. Gelaran Badawi diberikan oleh masyarakat tempatan sempena nama salah seorang daripada empat orang ulama (Qutub Empat) di Mesir. Ketika berusia lapan tahun, beliau telah dibawa pulang oleh ayahandanya ke Tanah

Melayu melalui jalan darat Turki, India, Burma, Siam dan terus ke Pulau Pinang.

Semasa kecilnya, Ahmad Badawi tidak mendapat pendidikan formal. Beliau diajar oleh bapanya sendiri dalam bidang agama di madrasah tempat Sheikh Abdullah Fahim mengajar. Namun beliau seorang murid yang cerdas dan bijak. Setelah berusia 23 tahun, beliau dihantar ke Mekah oleh bapanya untuk menuntut pelbagai bidang ilmu agama. Selama lapan tahun di sana, iaitu antara tahun 1930 hingga 1940, Ahmad Badawi mengikuti jejak bapa dan datuknya mendalami ilmu-ilmu Islam di Tanah Suci.

Setelah menamatkan pengajiannya pada tahun 1940, beliau kembali ke tanah air dan bertugas sebagai guru di Sekolah Agama Deratul Maarif Al-Wataniah (SADMW), di Kepala Batas yang diasaskan oleh bapanya. Beliau juga mengajar di kelas-kelas dewasa dan di masjid dan menjadi Mudir (Pengetua/Guru Besar) SADMW dari tahun 1947 sehingga tahun-tahun 1970-an. Ahmad Badawi pernah menjadi Ahli Jemaah Pengurus sekolah-sekolah di sekitar tempat tinggalnya seperti Sekolah Rendah Hashim Awang, Sekolah Rendah Permatang Bertam dan yang lain di antara tahun 1968-1977 serta menjawat jawatan Pengerusi Jemaah Pengurus Sekolah Menengah Inggeris Kepala Batas.

Ahmad Badawi telah dijodohkan dengan Khailan Hassan, seorang gadis yang berasal dari Bayan Lepas. Anak sulungnya, Abdullah dilahirkan pada 26 November 1939. Seperti ayahandanya juga, Ahmad Badawi bukan sahaja berperanan sebagai ulama, tetapi bertindak sebagai seorang ahli politik sejak awal lagi. Beliau sama-sama mengambil bahagian dalam penubuhan Persatuan Melayu Seberang Perai (PMSP) untuk menentang penjajah Inggeris selepas Perang Dunia Kedua. Seajar dengan usianya yang masih muda, beliau diberi peranan untuk menjadi Ketua Pemuda, PMSP yang pertama. Apabila PMSP dibubarkan dan ahli-ahlinya diserapkan ke dalam UMNO pada awal tahun 1947, Ahmad Badawi dipilih mengetuai Ketua Pemuda UMNO Bahagian Seberang Prai Utara selama empat tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 1947 hingga 1951. Beliau juga telah dilantik menjadi wakil Pemuda UMNO bagi seluruh Malaya ke Persidangan Agung UMNO 1949/50. Pada perhimpunan UMNO tahun 1952 yang berlangsung di Seberang Prai, beliau terpilih sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO Tanah Melayu. Beliau memegang jawatan tersebut selama 12 tahun (1952-1964) dengan Sardon Jubir sebagai Ketua Pemudaanya.

Semangat muda Ahmad Badawi yang begitu berkobar-kobar itu menjadikannya seorang pejuang yang agresif. Beliau menjadi jurucakap Pemuda UMNO yang lantang dan bersemangat waja. Bersama-sama ketuanya, Sardon Jubir beliau menjelajah ke setiap pelosok tanah air untuk menyebarkan perjuangan UMNO. Rumah beliau sentiasa dikunjungi oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada waktu itu seperti Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Ibu Zain dan juga ulama-ulama dari seluruh tanah air. Beliau



seorang pejuang UMNO yang cukup gigih dan banyak mengorbankan masa, tenaga, harta dan wang ringgit semata-mata untuk memastikan kejayaan perjuangan UMNO.

Walaupun jawatan dalam parti dan kerajaan bukan menjadi matlamatnya, namun pengorbanan Ahmad Badawi akhirnya dihargai oleh pucuk pimpinan negara. Apabila Tanah Melayu mengadakan pilihan raya yang pertama pada tahun 1959, pucuk pimpinan UMNO mencalonkan beliau bertanding merebut kerusi Kepala Batas. Oleh sebab kedudukannya sebagai ulama yang dihormati, Ahmad Badawi tiada masalah untuk menewaskan pencabarnya daripada parti PAS. Dalam pertandingan pertama yang disertainya, Ahmad Badawi mendapat 3,969 undi mengalahkan calon PAS yang mendapat 1,659 undi. Sejak itu beliau tidak menoleh ke belakang lagi. Beliau menjadi calon setiap kali pilihan raya diadakan.

Sejajar dengan kedudukannya dalam parti, Ahmad Badawi menyertai kerajaan Pulau Pinang sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dengan memegang portfolio Agama Islam pada tahun 1972. Ahmad Badawi dilantik memegang jawatan Ketua UMNO bahagian Kepala Batas, menjadi Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang selepas Barisan Nasional dibentuk pada tahun 1974 dan pernah dilantik menjadi Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO (MKT) pada tahun 1962-1963. Semasa hayatnya, beliau juga pernah menjadi Kadi, menjadi Pengerusi Zakat di Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan pernah memangku jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang pada tahun 1975 apabila Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu bercuti ke luar negara. Beliau yang pernah menjadi Senator di Dewan Negara.

Beliau telah meninggal dunia pada 7 Mei 1977 ketika berusia 70 tahun. Beliau meninggalkan seorang isteri Kailan Hassan dan empat orang anak, tiga lelaki dan seorang perempuan. Anak sulungnya Abdullah adalah Perdana Menteri Malaysia Kelima, kedua Aminah, ketiga Ibrahim dan yang bongsu Mohamad Tahir.



Tunku Abdul Rahman merasmikan bangunan baharu Sekolah Agama Daeratul Maarif Al-Wataniah



Sekolah pondok Daeratul Maarif Al-Wataniah

Bab 3

Menyilau Kenangan Di Kementerian Pelajaran

Perjalanan Panjang 38 Tahun

Karier Pak Lah dalam perkhidmatan awam bermula sebagai pegawai Penolong Setiausaha di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 1964 setelah lulus ijazah sarjana muda dari Universiti Malaya. Selepas peristiwa 13 Mei 1969 beliau berpindah ke Jabatan Perdana Menteri selaku Ketua Penolong Setiausaha di Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Pada tahun 1971 beliau berpindah ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengarah Belia. Pada tahun 1974 beliau dilantik Timbalan Ketua Setiausaha di kementerian yang sama. Perjalanan pengalaman beliau dalam perkhidmatan awam berakhir pada tahun 1978 dengan jawatan tersebut apabila secara rasmi menyertai bidang politik.

Pilihanraya nasional 1978 menandakan perjalanan baru Pak Lah dalam bidang politik. Beliau menyertai parti UMNO untuk bertanding kerusi Parlimen Kepala Batas. Beliau menang selesa. Bertolak dari detik itu bintang kecemerlangan Pak Lah dalam politik mula menampakkan sinarnya. Kerajaan pimpinan Tun Hussein Onn memberi kepercayaan tinggi kepada Pak Lah untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Wilayah Persekutuan. Dalam rombakan kabinet pada tahun 1980 beliau dinaik pangkat selaku Timbalan Menteri di kementerian yang sama. Apabila Dr Mahathir mengambil alih kepimpinan negara pada tahun 1981 Pak Lah menyertai Kabinet Malaysia selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sejak pertama kali menjadi Menteri pada tahun 1981 Pak Lah telah menerajui beberapa kementerian yang sekali gus menyumbang banyak pengalaman pentadbiran dalam pelbagai bidang pembangunan. Bermula dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1981- 83), Menteri Pelajaran (1984- 86) dan Kementerian Pertahanan (1987). Akibat krisis antara Team A dan Team B dalam UMNO, Pak Lah kehilangan kerusi Menteri selama 3 tahun 8 bulan.

Pak Lah kembali ke dalam kerajaan pada tahun 1991 dan dilantik Menteri di Kementerian Luar Negeri hingga tahun 1999. Krisis antara Tun Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998 yang membawa kepada perlucutan jawatan dalam kerajaan dan juga parti UMNO yang dipegang Datuk Seri Anwar telah memberi peluang kepada Pak Lah untuk memimpin negara. Pada bulan Februari 1999 Dr Mahathir telah memilih Pak Lah sebagai Timbalan Perdana Menteri dan melantik beliau ke satu jawatan penting Menteri di Kementerian Dalam Negeri. Pengalaman Pak Lah merimbun kematangan yang telah mengukuhkan kekuatan diri dan peribadinya untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi selepas itu. Pada bulan Oktober 2003 dengan pengunduran sukarela Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri memberi peluang kepada Pak Lah memimpin negara.

Dua Tahun Yang Bermakna

Sebelum menjawat Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri, Pak Lah mengakui bahawa, beliau sangat senang dan selesa dengan Kementerian Pelajaran. Bagi Pak Lah pelajaran ialah bidang yang paling diminati dan beliau menaruh harapan untuk melakukan banyak perkara sewaktu menjadi menteri di kementerian itu. Terbukti kenyataan beliau itu benar kerana tidak sampai sebulan selepas menyandang jawatan itu, beliau muncul dalam program Wawancara di TV1 dan menggariskan hala tuju dunia pendidikan di bawah kepimpinan beliau. (Chamil Wariya, 2003).

Dalam temu ramah itu, beliau memperincikan tiga landasan penting yang akan dilaksanakan dalam dasar pelajaran kebangsaan, iaitu pelajar dalam sekolah, pelajar dalam keluarga dan pelajar dalam masyarakat yang akan membawa persoalan kepada penglibatan para guru, ibu bapa serta murid-murid dalam semua aspek pembangunan sekolah (Chamil Wariya, 2003).

Peluang menerajui Kementerian Pelajaran selama dua tahun digunakan sepenuhnya oleh Pak Lah untuk melakukan usaha penambahbaikan sektor ini. Skim perkhidmatan pendidikan dirombak supaya lebih memberi kebaikan kepada golongan guru, penekanan bidang vokasional teknik, pengenalan



Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), penekanan kepada aspek kokurikulum sebagai sebahagian daripada aspek penting dalam penilaian pembelajaran, mempertingkatkan jumlah pelajar cemerlang belajar dalam negara, penekanan kepada pendidikan sejarah dan sivik, konsep universiti berkembar dan selainnya lagi.

Dalam kenyataan terakhir sebagai Menteri Pelajaran, dengan nada yang sedikit kecewa, beliau menyatakan rasa puas hati terhadap prestasinya di kementerian itu. Ini termasuklah menjadikan sekolah sebagai institusi masyarakat melalui kokurikulum, memperbaiki perkhidmatan perguruan dan skim perkhidmatan, mewujudkan jawatan-jawatan baharu untuk kenaikan pangkat di sekolah-sekolah rendah, melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), mewujudkan fakulti-fakulti kejuruteraan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Sains Malaysia, mengembalikan fungsi Maktab Perguruan Bahasa dan menaikkan taraf Maktab Perguruan Sultan Idris sebagai sebuah institut atau kolej universiti (Chamil Wariya, 2003).

Tempoh dua tahun amat singkat untuk Pak Lah merealisasikan pelbagai cadangan pembaharuan dalam sektor pendidikan. Namun, tempoh yang singkat itu ialah masa yang sangat penting bagi kejayaan-kejayaan yang berikutnya. Dua tahun ialah tahun menyemai. Ada di antara semaian dapat dituai penghujung tempoh, tetapi sebahagian besarnya matang pada waktu Pak Lah sudah beralih gelanggang.

Bagi sebuah maktab yang berkembang daripada kegemilangan sejarah SITC, MPSI pada waktu itu, boleh berbangga dengan cadangan dan usaha Pak Lah yang menggerakkan usaha menaik taraf maktab tersebut menjadi sebuah institut, salah satu usaha Pak Lah yang sangat penting dan bermakna. Bagi seluruh warga maktab, usaha Pak Lah itu meletakkan institusi perguruan ini pada tahap yang lebih tinggi dari lain-lain maktab perguruan, sesuai dengan peranannya dan sejarah kegemilangan yang diwarisi daripada SITC.

Kecenderungan Pak Lah dalam sebarang tindakan ke arah menambah baik sektor pendidikan memperlihatkan semangat reformasi yang menyeluruh terhadap sektor ini. Reformasi yang dimaksudkan ini, bukannya suatu tindakan mengubah semata-mata atas dasar ingin perubahan, tetapi satu proses

menggerakkan apa juga cadangan perubahan ke arah pembaikan dalam teori dan amalan pendidikan. Tujuan tindakan ini adalah supaya dapat diambil usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi pendidikan agar dapat memenuhi matlamat-matlamat yang telah ditetapkan (Idris Jauzi,1991:2).

Meskipun dua tahun merupakan tempoh yang singkat, namun masa yang ada dimanfaatkan sepenuhnya untuk melakukan sesuatu yang memberi kebaikan kepada pendidikan negara dari semua segi, baik yang melibatkan pelajar, guru dan masyarakat.

Usaha Menaik Taraf MPSI

Seperti yang disebutkan sebelum ini, salah satu jasa Pak Lah yang sangat penting kepada Maktab Perguruan Sultan Idris ialah, usaha beliau menaikkan taraf maktab ini kepada sebuah institut. Cadangan ini bergerak maju dengan penubuhan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran ketika itu. Atas daya usaha Pak Lah, maktab ini akhirnya secara rasmi dinaikkan tarafnya menjadi sebuah institut pada tahun 1987.



Datuk Abdullah merasmikan KONPEN anjuran
Persatuan Suluh Budiman



Bagi mengimbuai pandangan Pak Lah terhadap peranan maktab ini pada masa itu, dan masa hadapan, dikemukakan sedutan ucapan Pak Lah sewaktu merasmikan Konvensyen Pendidikan (KONPEN) pada tahun 1985:

"Beberapa catatan pada peringkat awal penubuhan SITC sungguh menarik. Meskipun pengetuanya pertama O.T. Dussek bukannya berdarah Melayu, namun, beliau pernah menyatakan : "SITC benar-benar hendak memberi pelajaran yang sebaik mungkin dan inilah sepatut menjadi tujuan besar maktab ini, iaitu memberi sebaik mungkin pelajaran kepada orang-orang Melayu dari kelas pertanian dan nelayan dan ketahuilah kamu sekalian kemajuan bangsa Melayu adalah di tangan kamu".

Di samping itu, kalangan tenaga pengajar di SITC turut meniupkan semangat kebangsaan Melayu menerusi pelbagai cara. Antaranya mereka yang tidak harus kita lupa ialah Za'ba, Abdul Hadi Hasan, Buyung Adil, Ahmad Abdullah, Aminuddin Baki dan beberapa lagi. Nyatalah SITC bukan sekadar pusat pendidikan Melayu tertinggi pada masa itu, tetapi SITC lebih dari itu. Ia merupakan maktab yang mula-mula memperkenalkan pelajaran menengah Melayu. Ia merupakan tapak semaian semangat kebangsaan Melayu khususnya bagi mengembangkan pelajaran orang-orang Melayu. Ia merupakan tempat bertunasnya tokoh-tokoh dan pengasas politik negara seperti Senu Abdul Rahman, Abdul Ghafar Baba, Syed Nasir, Abdul Rahman Talib, Pengeran Yusuf Rahim (Brunei), Ahmad Zaidi (Sarawak), Embong Yahaya dan sebagainya. Ia merupakan pusat percetusan semangat kemelayuan serantau memandangkan penuntut-penuntutnya datang dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan juga Brunei.

Ia juga ialah pusat pembentukan jiwa kepimpinan. Demikianlah timbunan kekayaan sejarah yang terdapat di maktab ini, kegemilangan dengan kehebatan yang mengagumkan. Segala kegemilangan, kejayaan dan kehebatan itu ialah sejarah lalu. Memanglah sejarah itu dapat memberi satu kebanggaan kepada bangsanya yang mewarisi sejarah itu. Namun demikian, kegemilangan itu tidak akan terus kekal semata-mata berlandaskan kepada kekuatan sejarah lalu. Jika kita sekadar berkhayal

dengan kegemilangan sejarah pada masa silam, maka lama-kelamaan kita akan hanya tinggal dalam mimpi gembira yang mengasyikkan.

Oleh itu, tema seminar kali ini, "MPSI ke arah tahun 2000" ialah tema yang sangat menepati hasrat dan matlamat. Ada dua pilihan yang dapat dibincangkan berhubung dengan tema ini.

Pertama: Kita cuba bersifat ahli nujum, membuat ramalan tentang tahun 2000, lalu mengatur persediaan kita bergantung ketetapan ramalan kita. Dalam kepesatan pergolakan dunia kini, ketepatan ramalan amatlah sukar dicapai, memandangkan pergolakan ramalan cuaca untuk tempoh 24 jam ke hadapan pun sangat sukar untuk menepati apatah lagi ramalan bagi tempoh 15 tahun yang akan datang.

Kedua: Kita bertekad untuk merencanakan perancangan yang terperinci hari ini supaya kita yang akan mewarna corakkan tahun 2000 itu nanti.

Jika kita membuat pilihan pertama perbincangan kita akan lebih bercorak jangkauan, lebih berbentuk ilmiah, lebih mirip kepada andaian dan lebih berlandaskan kepada teori. Oleh sebab saya bukan ahli falak, saya lebih tertarik untuk membuat pilihan kedua.

Bagi saya pilihan kedua lebih berlandaskan keadaan kenyataan dan realiti yang ada. Berasaskan sejarah yang telah dicipta, berasaskan penilaian kita kepada kejayaan yang telah dicapai dan kegagalan yang ditemui, kita dapat mengaturkan perancangan untuk mewarna corakkan tahun 2000 nanti. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan beberapa permasalahan negara khususnya dari sudut pendidikan, dahulu, hari ini dan masa hadapan.

Kita perlu menyedari peranan dan kepentingan ilmu dalam kemajuan seseorang insan dan sesuatu bangsa. Umat yang gagal pada akhir zaman ialah umat yang kurang mempunyai penguasaan dan kekuatan ilmu pengetahuan. Malah mukjizat yang dikurniakan kepada Rasul terakhir sendiri ialah sebuah kitab al-Quran yang bermula dengan surah "Iqra'q" bermaksud "bacalah". Masyarakat sejak dahulu mencintai ilmu dan dahaga akan ilmu hingga ada yang sanggup bertapa di gunung dan gua,



ada yang merantau semata-mata untuk menuntut dan mencari ilmu. Itulah nilai ilmu pada zaman dahulu.

Dalam sistem pendidikan moden, lebih-lebih lagi di negara yang sudah merdeka, ilmu dibawa kepada bakal penuntut. Para guru dalam zaman moden ialah pendidik yang khusus diberikan kemahiran dan latihan, berbanding dengan guru pada zaman lampau, yang mendapat pengiktirafan sebagai guru secara "self made". Sekolah, institusi pengajian dan tenaga pendidikan disediakan di merata pekan dan kota, desa dan kampung. Pada saat ini pula minat terhadap ilmu bagaikan mula pudar. Ponteng sekolah, penderhakaan kepada guru mula berlaku. Perangkaan dalam tahun 1984 menunjukkan bahawa seramai 36,858 pelajar terlibat dalam kes ponteng sekolah, 3,265 pelajar dikenakan tindakan tatatertib kerana merokok, 2,600 pelajar dikenakan tindakan kerana kesalahan disiplin, sementara 206 dipecat dari sekolah. Di peringkat universiti tempatan pula, seramai 914 mahasiswa/i diambil tindakan tatatertib, sementara 11 orang dipecat.

Telah berkata bidalan Melayu, "Kalau guru kencing berdiri, murid akan kencing berlari". Perangkaan tahun 1984 menunjukan 535 guru dikenakan tindakan tatatertib. Di antara tahun 1982-1984, seramai 34 orang guru telah dipecat. Di peringkat universiti pula seramai 20 orang pensyarah diambil tindakan tatatertib dan dua orang dipecat.

Hanya beberapa tahun yang lalu, perkhidmatan perguruan tidak mendapat tempat bagi kebanyakan para siswazah. Malah ada antara pemegang biasiswa perguruan sendiri pun, mencari pelbagai helah untuk melepaskan diri daripada menjadi guru. Ada sebahagiannya pula yang memilih dan menjadikan profesion perguruan sebagai pilihan terakhir. Hari ini, dalam keadaan sektor perkhidmatan awam, bukan sahaja sudah "saturated" malah mahu dikesilkan, dan menyedari bahawa perkhidmatan perguruan akan tetap berkembang. Adakah ini satu kemungkinan bahawa walaupun kita mempunyai bilangan guru yang begitu ramai, namun, tidak semuanya berjiwa pendidikan yang tulen?

Perkhidmatan perguruan akan tetap berkembang. Termaktub dalam RML untuk melatih 40 ribu orang guru menjelang 1990, kerana sekolah

akan terus bertambah memandangkan bilangan pelajar akan terus meningkat berikutan dengan pertambahan penduduk negara. Ini bermakna perkhidmatan perguruan akan bertambah besar. Dengan itu masalah perguruan tidak akan hanya tertumpu kepada masalah sekolah dan bilik darjah sahaja.

Soal pengurusan dan pentadbiran pendidikan akan merupakan faktor penting untuk menjamin perkhidmatan perguruan tidak akan dilanda oleh masalah-masalah yang boleh membosankan perasaan guru yang pastinya menjejaskan moral dan prestasi mereka sewaktu melaksanakan tugas.

Pertumbuhan lapangan pendidikan berlaku dengan pesatny. Dari hanya sebuah SITC dalam tahun 1922, kita telah mempunyai 28 buah maktab perguruan, enam buah universiti, Institut Teknologi Mara, di samping ribuan infrastruktur pendidikan di peringkat menengah dan rendah. Setiap tahun ribuan siswazah yang masuk ke pasaran pekerjaan. Kebanyakan mereka tidak lagi mempunyai peluang untuk berkhidmat dengan kerajaan. Ke manakah mereka akan pergi?

Apakah perasaan dan pendirian mereka terhadap kerajaan? Apakah penghargaan mereka sebagai seorang siswazah akan dipenuhi dan jika tidak bagaimanakah pula reaksi mereka? Apakah kita sudah sampai pada peringkat menuntut ilmu adalah semata-mata untuk kepentingan ilmu (knowledge for the sake of knowledge)? Adakah bilangan universiti kita sudah cukup, sudah melebihi ataupun perlu ditambah lagi menjelang tahun 2000 nanti? Apakah sebenarnya kita perlu menyusun semula penekanan corak ilmu dan pelajaran kita bagi menghadapi tahun 2000 nanti? Kita sebenarnya boleh terus menimbulkan seribu satu bentuk soalan.

Kita juga perlu sedar aspek perpaduan negara yang perlu dicapai melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan. Soal polarisasi banyak diperkatakan. Perkara-perkara yang telah diputuskan bagaikan mahu diungkit semula. Sejauh mana lagi pengorbanan yang harus diberi sebagai harga untuk mewujudkan perpaduan?

Kita juga perlu bersungguh-sungguh dalam soal intergrasi nasional. Jangan hendaknya pada tahun 2000 nanti, pelajar di Batu Pahat lebih mengetahui Kota Paris dari bandar Kuching, sementara pelajar di Kudat



lebih mengenali Manila dari Kuala Lumpur. Malah di kalangan masyarakat Melayu sendiri, dapatkah dicapai satu perasaan kebangsaan Melayu yang lebih menyeluruh dengan mengikis fahaman kedaerahan serta senegerian?

Dalam usaha meningkatkan kefahaman kebangsaan yang meluas dan memecah benteng perkauman, kita menghadapi pula kumpulan yang kononnya berpegang kepada aliran universalisme. Kebanyakannya tunas-tunas muda bangsa yang mendapat pendidikan di seberang laut atas usaha gigih kerajaan-kerajaan. Orang-orang ini bagai mahu melupakan bahawa di kampungnya sendiri masih terdapat kemiskinan dan kemunduran dan orang-orang ini perlu diingatkan bahawa dialah yang menjadi harapan negara untuk membasmi kemiskinan dan membawa kemajuan di kampung asalnya. Di situlah sepatutnya dia memulakan perjuangan untuk membela bangsanya. Namun kerana telah taksub dengan perjuangan universalisme, dia terlupa ini semua. Malah, sifatnya bagaikan si tanggung setelah balik dari merantau, orang tua sendiri tidak dikenali, dipandang jijik, jelek dan dibenci. Kumpulan ini harus disedarkan, supaya air yang ada di tempayan, jangan cepat dicurahkan. Walaupun guruh berdentum di langit hujan belum tentu turunnya.

Rancangan Malaysia Kelima baru dilancarkan. Tempoh Dasar Ekonomi Baru berada pada tahap terakhir. Kejayaan mencapai matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan dinilai pencapaiannya. Di negara kita, kemiskinan dan masyarakat luar bandar bagaikan satu fenomena yang berkembar. Jika kemiskinan mahu dihapuskan, tumpuan kita adalah di luar bandar.

Sejak turunnya al-Quran, kita memperoleh iktibar tentang peranan ilmu yang dapat mengubah nasib sesuatu kaum; daripada kemunduran kepada kemajuan, daripada kejahilan kepada kebahagiaan. Harus disedari masyarakat desa banyak bergantung kepada guru untuk mengilmukan anak-anak mereka. Ibu bapa di desa umumnya kurang arif untuk membantu anak-anak daripada urusan persekolahan. Mereka juga kurang mampu untuk membiayai kelas-kelas tuisyen persendirian. Justeru, atas nama keadilan, sewajarnya anak-anak di desa dibekalkan dengan guru-guru yang berpengalaman dan disediakan infrastruktur pendidikan yang terbaik. Dalam melaksanakan hasrat murni ini, kerajaan memerlukan sikap

positif para guru dan sokongan badan-badan perguruan. Penempatan di kawasan desa hendaklah dilihat sebagai satu perjuangan yang mulia untuk melaksanakan satu mission atas nama negara.

Satu fenomena penting yang perlu disentuh ialah kesedaran umat terhadap Islam dan menjadi kewajipan yang tidak boleh dipertikaikan tentang keagungan Islam sebagai kunci yang dapat membawa kesejahteraan ummah tanpa mengira bangsa. Tidak ada percanggahan pendapat tentang hal ini. Oleh itu, tidak sepatutnya persoalan ini dipolitikkan. Yang perlu ialah niat murni semua pihak untuk menjayakannya dengan semangat penuh persaudaraan dan saling membantu. Kefahaman terhadap Islam terlebih dahulu perlu ditingkatkan kepada semua pihak, bukan dengan percakapan semata-mata dan tidak juga dengan paksaan, tetapi melalui perilaku yang meyakinkan, yang ditunjukkan oleh umat Islam itu sendiri.

Jika soal sesama Islam dahulu dapat kita elakkan maka peringkat pertama cita-cita telah tercapai. Persoalan ini adalah sukar untuk mewujudkan perdamaian jika yang menyeru kepada perdamaian sendiri mengisytiharkan peperangan, tidak mungkin persaudaraan terjalin jika yang mahukan persaudaraan sendiri menciptakan permusuhan.

Demikanlah beberapa realiti yang sedang berlaku dan mencabar yang berada di hadapan kita. Jika kita dapat memastikan satu formula bertindak yang berkesan, maka satu persatu permasalahan ini akan dapat dihapuskan untuk selama-lamanya. Demi menjamin kestabilan negara ini pada tahun 2000, kita tidak harus mengetepikan atau memilih jalan berliku-liku untuk mengelakkan permasalahan tersebut. Cara yang demikian hanyalah menangguhkan masalah tersebut kepada generasi yang akan datang. Janganlah kita hendaknya menangguhkan masalah tahun 1986 untuk diselesaikan dalam tahun 2000.

Dari segi MPSI sendiri saudara-saudara sedia maklum bahawa telah diputuskan supaya Muzium Pendidikan Nasional, sebuah muzium pendidikan yang ulung di rantau ini ditempatkan di Bangunan Suluh Budiman. Saya berharap pihak persatuan dapat membantu untuk lebih menjayakan projek Muzium Pendidikan Nasional ini. Semoga keluarga Suluh Budiman dan para pendidik di seluruh negara yang mempunyai



pelbagai bahan sejarah yang berhubung dengan MPSI akan dapat mendermakannya kepada kita, sebarang bantuan khususnya dalam bentuk kewangan sangat-sangat dialukan. Sukalah saya mempelawa Persatuan Suluh Budiman untuk membantu kementerian dalam projek ini.

Di samping itu saya juga sedang meneroka pelbagai pendapat untuk mengembalikan imej MPSI kepada satu martabat yang setimpal dengan sejarah dan peranannya. MPSI wajar mendapat penghormatan yang sedemikian. MPSI harus dikekalkan keperibadiannya sebagai tapak semaian untuk melahirkan pemimpin kebangsaan yang berkaliber melalui pendidikan. Atas kesedaran inilah saya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran bertujuan untuk menaikkan taraf MPSI kepada sebuah institusi bertaraf KOLEJ UNIVERSITI.

Demikianlah, pandangan Pak Lah terhadap peranan institusi ini yang dianggap sangat penting dan perlu kepada status yang lebih baik dan kedudukan yang lebih menggambarkan sifatnya. Hari ini, MPSI yang dinaikkan taraf menjadi Institut Perguruan Sultan Idris pada tahun 1987, kemudiannya dinaikkan lagi tarafnya menjadi sebuah universiti pada 1 Mei 1997. Ini hasil tuaian berkat semaian Pak Lah dua puluh tahun lalu.



Pak Lah berjasa menaik taraf MPSI kepada sebuah institut IPSI

Guru Mesti Berjiwa Pendidik



Ketika Menteri Pelajaran

Tanggungjawab guru sebagai pendidik dan penyampai ilmu pengetahuan sentiasa penting dan relevan sepanjang zaman. Malah, dari segi profesionalisme, keupayaan dan kemampuan guru pada hari ini lebih penting dan mencabar berikutan pelbagai perubahan baharu dalam sistem pendidikan, terutamanya ketika negara berhadapan dengan era globalisasi. Perkembangan baharu hari ini cenderung kepada bentuk pembangunan berasaskan kemajuan sains, teknologi dan multimedia.

Tugas dan tanggungjawab guru tidak pernah surut dan mengecil akibat daripada perkembangan ini, sebaliknya tugas itu menjadi semakin kompleks dan rumit. Selain tugas di bilik darjah, guru juga menjalankan tugas sosial membantu negara membasmi kemiskinan, kemunduran, pengangguran, buta huruf dan selainnya. Bukan sebarang manusia yang boleh menjalankan tugas besar ini, melainkan insan yang benar-benar ikhlas dan berjiwa pendidik mampu menjalankan tugas ini.

Mengimbu pandangan Pak Lah dua puluh tahun dahulu, kita dapat menyelami isi hati beliau yang sangat memuliakan dan membesarkan profesion keguruan. Pandangan itu kekal sebagai satu keyakinan tidak berbelah bagi Pak Lah terhadap insan bergelar guru. Namun, Pak Lah tidak melulu, menilai dan mengakui peranan guru. Guru yang diiktiraf oleh Pak Lah ialah guru yang sifatnya mendidik. Menjadi guru dan pendidik adalah dua perkara yang berbeza dalam perkiraan Pak Lah. Menjadi pendidik dan berjiwa pendidik menjadi seseorang guru lebih luas tanggungjawab, lebih intim dan lebih dalam rasa kemanusiaan berbanding dengan guru yang hanya mementingkan gaji, bekerja semata-mata kerana tugas yang diarahkan dalam ruang lingkup bilik darjah yang terbatas. Justeru, Pak Lah mahu seseorang guru itu berjiwa pendidik.

Sebagai satu imbasan pandangan yang pernah diutarakan dua puluh tahun dahulu, diperturunkan temu bual Editor majalah *Dewan Masyarakat* pada bulan



Mei 1985, Jalil A.Rahman dan Penolong Editor, N.Z. Abidin dengan Pak Lah sewaktu menjadi Menteri Pelajaran.

DM : Guru pernah diharapkan sebagai penggerak untuk mencapai integrasi nasional menerusi tugas mereka. Bagaimanakah ini boleh dilakukan dengan lebih berkesan?

DA : Pada pandangan saya, kalau seseorang guru itu mempunyai kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap peranannya, serta melaksanakan segala-galanya dengan baik, seperti mana yang dilatih; dan kalau dia berusaha untuk meningkatkan taraf profesionalismenya, saya percaya matlamat itu akan tercapai.

DM : Pada keseluruhannya sikap masyarakat terhadap guru jauh berubah berbanding dengan zaman penjajah dan selepas merdeka. Mengapakah ini berlaku?

DA : Pada suatu masa dahulu, guru dianggap sebagai orang yang terpelajar, yang berkelulusan tinggi kerana yang menjadi pegawai lain di sesuatu tempat pada waktu itu amat sedikit; yang ada ialah mata-mata dan penghulu. Pegawai-pegawai kerajaan ini sangat berpengaruh di kampung-kampung. Jadi, dalam situasi itu guru telah muncul sebagai pendidik kepada anak-anak, pembimbing dan penasihat kepada masyarakat; kerana dialah yang boleh dianggap sebagai orang yang terpelajar di kalangan orang yang bekerja dengan kerajaan. Tetapi, sekarang banyak individu lain yang dianggap sebagai pemimpin masyarakat seperti pegawai daerah, pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam bidang pertanian, kejuruteraan dan sebagainya. Di samping itu, ahli-ahli yang berhormat bertambah ramai, baik di peringkat negeri, ataupun parlimen. Ini semuanya meramaikan lagi pemimpin yang terpelajar. Dalam konteks inilah nampaknya peranan guru semacam sudah berkurangan, kerana sudah ada suatu 'perkongsian' dengan kumpulan-kumpulan lain.

DM : *Jadi, perubahan ini bukan berpunca daripada sikap guru?*

DA : *Perubahan ini adalah perubahan *historical*. Dalam situasi yang berlainan pada masa sekarang, mungkin guru tidak diperlukan lagi berperanan seperti dahulu, kerana ada orang-orang lain yang juga boleh melaksanakan peranan itu. Yang keduanya, oleh sebab guru mengetahui ada orang lain yang boleh memainkan peranan itu, mungkin mereka sendiri tidak lagi mahu mengambil perhatian berat terhadap hal-hal demikian, walaupun ada sebilangan kecil yang masih aktif. Ada guru-guru dahulu yang aktif sudahpun menjadi pemimpin masyarakat ataupun ahli politik yang terkemuka.*

DM : *Oleh sebab perkembangan perindustrian, ekonomi dan sosial yang begitu pesat, kaum guru seolah-olah tertekan sehingga tidak bertanggungjawab seperti dahulu. Betulkah ini berlaku?*

DA : *Itu tidak betul. Tanggungjawab guru sebagai pendidik, sebagai penyampai ilmu pengetahuan tetap ada pada hari ini dan tidak pernah kurang pentingnya dari zaman dahulu. Yang kita bincangkan tadi ialah berhubung dengan kurangnya peranan guru dan imej yang berbeza dalam konteks mereka sebagai pemimpin masyarakat, sebagai penasihat kepada masyarakat. Dahulu pegawai-pegawai kerajaan dalam kawasan luar bandar hanyalah terdiri daripada guru, penghulu dan mata-mata. Inilah tiga golongan yang tahu lebih banyak hal yang berlaku. Jadi, orang kampung sentiasa meminta bantuan, nasihat dan pertolongan daripada mereka.*

DM : *Sekarang peranan guru semacam tidak ketara sangat. Kalau dahulu mereka sanggup datang pada hari minggu misalnya, membuat kerja-kerja sukarela, tetapi sekarang tidak lagi. Apa pandangan Datuk mengenai hal ini?*



- DA : Dalam hal ini, bilangan guru sekarang lebih banyak dari dahulu. Jadi kegiatan mereka dahulu itu boleh dibahagi-bahagikan. Dahulu bilangan guru kecil, maka mereka terlibat dalam segala-galanya. Sekarang, soal sama ada mereka boleh meluangkan masa untuk kegiatan-kegiatan yang lain, tergantung pada situasi. Pada pandangan saya, soal peranan guru tidak ketara, sebenarnya kemampuan dan keupayaan mereka pada hari ini lebih penting dengan adanya segala kemudahan latihan.
- DM : *Kejayaan atau kemudahan murid sentiasa dikaitkan dengan usaha guru. Ibu bapa menyalahkan guru apabila anak mereka mundur, sebaliknya, membelakangkan guru apabila anak mereka maju.*
- DA : Saya tidak tahu ada sikap yang sebegitu. Tetapi, saya beranggapan ibu bapa hari ini mengetahui selok-belok dunia pelajaran, lebih mengetahui masalah, peluang dan keperluan pelajaran. Ertinya, ibu bapa hari ini lebih menyedari masalah, keperluan dan peluang yang ada dalam alam pelajaran anak-anak mereka.
- DM : *Guru sentiasa dipengaruhi oleh satu-satu perkembangan. Misalnya, apabila berlaku pertukaran menteri, mereka terpaksa mengalami perubahan walaupun belum sempat hendak memamatkan sistem yang baru diperkenalkan. Bukankah itu bererti mereka yang menanggung beban?*
- DA : Sebagai contoh KBSR dimulakan oleh Datuk Musa, diteruskan oleh Datuk Sulaiman; saya tidak fikir dasar baharu yang saya bawa pada hari ini, yang berkaitan dengan program-program itu, memerlukan masa yang begitu panjang untuk memahami dan melaksanakannya. Apa yang kita perlukan ialah perubahan dari segi penekanan kepada aspek-aspek tertentu dahulu supaya sesuai dengan kehendak-kehendak perkembangan masa ini.

- DM : *Dengan harapan yang begitu tinggi yang kita letakkan pada guru sepatutnya ganjaran untuk mereka juga harus berpatutan. Tetapi sekarang mereka tidak mendapat layanan, gaji dan faedah sampingan yang setimpal berbanding dengan kakitangan kerajaan lain.*
- DA : *Yang pentingnya, guru perlu menghayati peranannya sebagai guru dengan lebih bererti dan berhasil; dengan itu barulah dia mencapai kepuasan bekerja. Jadi dalam hal ini, kepuasan bekerja tidak ada hubung kait dengan kemudahan material. Biasanya orang yang bertugas di kawasan pedalaman ada *mission*, dia menjalankan sesuatu dan benar-benar merasakan bahawa bekerja dalam makmal, bertungkus-lumus mencucuk tikus putih berulang kali sepanjang tahun. Kita berasa pelik, tetapi dia tahu dia sedang membuat sesuatu dan akan menghasilkan sesuatu daripada kajiannya. Dia paling seronok dengan kerja itu. Walaupun begitu ini tidak bermakna kita tidak boleh berbuat apa-apa lagi untuk memperbaiki kerjaya guru, baik dari segi kenaikan pangkat mahupun dari segi kemajuan kerjayanya termasuk latihan-latihan lanjutan. Kita mestilah berusaha supaya melahirkan suatu minat dan kepuasan untuk mereka bekerja.*
- DM : *Jadi, ertinya orang yang hendak menjawat jawatan guru itu mesti benar-benar sanggup?*
- DA : *Mesti berjiwa pendidik. Guru jenis itulah yang akan benar-benar berjaya bukan mereka yang jadi guru sebagai *last choice* atau pilihan terakhir.*
- DM : *Kalau begitu mengapakah guru-guru pelatih dan juga guru-guru yang sedang berkhidmat masih disekat ataupun kurang berpeluang untuk melanjutkan pelajaran?*
- DA : *Perkara seperti ini tidak akan terjadi lagi sekarang sebab kita sudah ubah sistem dahulu. Sesiapa yang hendak melanjutkan pelajaran, kita tidak menghalangnya lagi.*



DM : *Jika ramai yang berbuat begini, tidakkah pula berlaku kekurangan guru secara mengejut?*

DA : Tidak. Sistem dua semester latihan maktab perguruan akan meramai dan mempercepat pengeluaran guru apabila ditokoh tambah dengan pengambilan 50 peratus ke atas bilangan pengambilan biasa itu.

DM : *Soal guru menceburkan diri dalam bidang-bidang lain, seperti perniagaan pernah disentuh. Sejauh manakah diberikan keizinan untuk berbuat demikian?*

DA : Apabila guru yang berniaga sudah dianggap sebagai *business man*, itu ertinya ia mengganggu profesionnya. Dari segi peraturan memang salah untuk berniaga kerana kita sudah mempunyai tugas dan tanggungjawab. Saya sendiri kenal secara peribadi seorang guru yang menjadi tauke ayam di Kedah. Setiap hari berpuluh-puluh ekor ayam dihantar ke pasar selepas waktu subuh. Kemudian dia pergi mengajar. Apabila saya tanya mengenai hal ini, dia menjawab bahawa itu ialah cara yang halal untuk menambahkan pendapatannya. Kebetulan ini tidak menjejaskan kerjayanya sebagai guru. Apa yang ditegah ialah berniaga terlalu banyak dan besar sehingga kita terkenal sebagai usahawan dan bukan sebagai guru lagi.

DM : *Bagaimanakah pula mereka yang terlibat dalam politik?*

DA : Tidak ada siapa yang boleh menafikan sejarah bahawa guru sebagai penggerak dalam politik tanah air, guru sebagai penggerak semangat kebangsaan dan guru sebagai penyumbang utama dalam gerakan nasionalisme yang telah membawa kita ke arah perjuangan untuk menuntut kemerdekaan sehingga berjaya. Kalau kita tidak mengharapkan guru-guru yang berada di kawasan luar bandar yang ada kebolehan, yang ada kemampuan untuk memberi kepemimpinan dalam politik, siapakah lagi yang hendak kita harapkan? Hari ini kita masih terikat dengan sejarah kita itu.

DM : *Akhir sekali, apakah pesanan Datuk kepada guru-guru semua, khususnya mengenai tugas dan tanggungjawab mereka?*

DA : Kita mesti menyedari bahawa apa juga tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita mestilah dilaksanakan dengan penuh komitmen. Hasil daripada kecemerlangan khidmat kita itu tidak akan dapat dilihat kalau tidak ada komitmen dan tanggungjawab. Satu lagi, saya harap guru dapat menyedari bahawa peranan mereka itu bukan sekadar satu peranan, tetapi satu sumbangan yang paling bermakna dan berkesan ke arah memajukan sesuatu masyarakat, membasmi kemunduran, membasmi buta huruf dan membasmi kemiskinan. Dengan memberi ilmu kepada seseorang, kita mengajar dan mendidik supaya dia menjadi baik. Itulah satu cara untuk membawa dia ke tahap yang lebih bahagia. Akhirnya kalau peranan guru dilihat dari sudut negara ada hubung kaitnya dengan perpaduan, gurulah yang boleh mengasuh anak-anak kita supaya cinta akan tanahair dan bangsa dan supaya ingin berkhidmat kepada masyarakat. Kita aku, gurulah yang dapat menanamkan semangat patriotisme dalam kalangan mereka bagi mewakili masyarakat hari esok.

Bab 4

Paradigma Pendidikan Perdana

GURU DALAM ERA DUNIA TANPA SEMPADAN

"Tenaga kerja Malaysia harus mampu bersaing dengan tenaga kerja dari negara-negara lain di dunia tanpa batas sempadan untuk menjamin keunggulan ekonomi negara kita. Ini bermakna rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan ilmu dan kepakaran yang canggih, terkini dan secukupnya. Rakyat Malaysia perlu disemai dengan sikap dan nilai dahagakan ilmu, semoga mereka sentiasa didorong memperbaiki diri dan mampu meneroka bidang kepakaran baharu menurut kehendak pasaran yang berubah."

Pada hari yang penuh bermakna ini, saya ingin mengajak semua warga guru supaya memperbaharui ikrar dan azam untuk menggunakan segala tenaga, keupayaan dan kepakaran yang ada pada diri kita untuk sama-sama membantu membangunkan bangsa Malaysia yang bersatu, berbudaya ilmu, pintar, berakhlak mulia dan dihormati dunia.

Ikrar dan azam demikian kepada atau daripada seluruh warga guru sangat diperlukan ketika ini apabila negara sedang menghadapi beberapa cabaran kritikal dan sistem pendidikan dituntut memainkan peranan yang sedemikian penting dan mencabar. Dalam hubungan ini, negara dan masyarakat meletakkan harapan yang cukup tinggi kepada saudara-saudari selaku tenaga pendidik yang menjadi penggerak utama ke arah menghasilkan perubahan-perubahan besar yang perlu dilakukan demi mencorakkan masa depan anak bangsa dan menjamin kesejahteraan rakyat di bumi Malaysia yang dicintai ini.

Pesanan ikhlas saya untuk saudara-saudari sekalian, agar menjadikan harapan yang cukup besar terhadap saudara-saudari ini sebagai satu amanah yang harus dipikul dengan penuh rasa tanggungjawab sebagai pendidik yang berperanan untuk membentuk dan mencorakkan generasi akan datang. Ini kerana guru merupakan satu-satunya golongan yang mempunyai kuasa

demikian istimewa untuk membentuk budaya, minda, nilai, sikap dan watak remaja negara yang bakal menentukan nasib bangsa Malaysia pada masa hadapan.

Ilmu Asas Kepada Pembangunan Ekonomi

Sejak negara mencapai kemerdekaan, pemimpin kita telah meletakkan gagasan tepat dalam menggubal dan merancang program pembangunan negara. Pendidikan telah dijadikan komponen penting dalam agenda pembangunan kerana fungsi dan peranannya yang utama dalam membentuk dan melengkapkan sumber manusia yang berpengetahuan sebagai tenaga penggerak yang menyumbang kepada pembangunan tersebut.

Sejarah telah membuktikan pendidikan telah berjaya membina tamadun dan keilmuan sesebuah masyarakat dan keutuhan sesebuah empayar. Misalnya, zaman keagungan kerajaan Greek dibina atas ilmu yang mantap yang diterajui oleh tokoh-tokoh ilmuwan seperti Plato, Socrates dan Aristotle. Begitu juga dengan kegemilangan zaman empayar Rom, keagungan kerajaan Islam Othmaniah, kemasyhuran Dinasti Ming di China, turut dicapai melalui penerokaan dan kepesatan pelbagai bidang ilmu termasuk ilmu sains dan teknologi, mengikut konteks dan masa masing-masing. Dalam konteks agama Islam juga disebut bahawa Allah s.w.t mengangkat darjat orang yang tinggi ilmunya di kalangan manusia.

Dalam konteks zaman moden ini, tentunya pendidikan akan terus menjadi komponen penting yang menyumbang kepada kemajuan dan keutuhan bangsa dan negara. Setiap rancangan Malaysia, bermula daripada Rancangan Malaysia Pertama sehinggalah kepada Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar peruntukan dalam sektor pendidikan dan latihan. Dalam rancangan-rancangan Malaysia yang berikutnya, pembangunan sektor pendidikan negara akan menjadi lebih penting sebagai penyumbang kepada kemajuan ekonomi berasaskan pengetahuan (*Knowledge based economy*) serta menjayakan wawasan negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.



Semangat Cinta Akan Negara

Saya yakin, kita akan berjaya mencapai matlamat tersebut tetapi dengan syarat kita bersatu merealisasikan melalui pendidikan. Kita perlu sama-sama menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Negara yang asasnya ialah pembangunan warganegara yang harmonis dan seimbang daripada segi peribadi dan akhlak, bersatupadu dan hormat-menghormati sesama kaum dari segi sosial, mantap dan teguh semangat cinta akan negara untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dan keamanan negara.

Ingatlah, tiada bangsa yang boleh maju tanpa jaminan keamanan dan kesejahteraan, terutamanya dalam sesebuah negara yang rakyatnya berbilang kaum dan pelbagai agama seperti di Malaysia ini. Oleh itu, menjadi amanah dan tanggungjawab semua pihak terutama guru-guru untuk memahami hakikat ini. Kita tidak mahu apa yang kita bangunkan melalui sistem pendidikan akhirnya menjadi sia-sia kerana kita gagal memupuk semangat muhibah, perpaduan, kesefahaman dan keharmonian di kalangan anak kita yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang kepercayaan. Ingatlah kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Sebab itu adalah penting mendedahkan pelajar-pelajar kita kepada nilai-nilai yang perlu dikongsi bersama seperti perasaan kasih sayang, hormat-menghormati, saling bantu-membantu, berbudi bahasa, cinta akan keamanan, benci akan kekejaman dan fitnah, supaya kita dapat melahirkan manusia yang mulia dan bertanggungjawab dan bukan melahirkan manusia yang tamak, angkuh dan lebih mementingkan diri sendiri. Saya percaya inilah suatu hadiah yang tidak ternilai yang boleh diberikan guru-guru kepada negara dan kepada generasi masa depan.

Program pendidikan negara kita menjurus ke arah meningkatkan ruang dan peluang pengajaran dan pembelajaran, memperbaiki kualiti dan mengurangkan jurang prestasi pelajar antara kawasan bandar dan luar bandar menjadi keutamaan dalam pelaksanaan pembangunan pendidikan negara. Suka saya tegaskan di sini bahawa prospek pendidikan di Malaysia adalah cerah kerana pihak-pihak terbabit, dalam dan luar bidang pendidikan, menunjukkan

kesungguhan dan memberi keutamaan yang berterusan untuk memajukan bidang yang penting ini. Ini jelas terbukti apabila pendidikan telah menyumbang kepada kemajuan kualiti hidup dan kadar celik huruf telah meningkat dengan ketara daripada 84.6 peratus pada tahun 1990 kepada 93.8 peratus pada tahun 2000. Begitu juga dengan kadar penyertaan murid-murid prasekolah dan tadika telah meningkat daripada 22.8 peratus pada tahun 1990 kepada 52.7 peratus pada tahun 2000. Peningkatan ini ialah hasil daripada kesedaran yang tinggi di kalangan ibu bapa tentang pentingnya pendidikan di peringkat awal kanak-kanak.

Untuk memastikan bidang pendidikan yang utuh, profesional dan dihormati, tentunya kita memerlukan daya kepimpinan yang berkualiti di kalangan guru. Kita perlu menghasilkan warga pendidik yang berwibawa. Ini bererti guru perlu mempunyai azam dan iltizam yang kuat untuk membangunkan pendidikan yang berkualiti melalui usaha kecemerlangan akademik dan sahsiah murid. Selain kecemerlangan akademik dan sahsiah murid, ukuran gagal jayanya sesuatu sistem pendidikan juga bergantung kepada sejauh manakah kita berjaya menghasilkan generasi yang mantap peribadi, bersikap positif terhadap kehidupan, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat dan tidak jemu-jemu mengejar kecemerlangan dalam apa sahaja yang dilakukan. Inilah juga aspek yang perlu diberi perhatian oleh guru-guru dan para pemimpin pendidikan.

Tema Hari Guru Kebangsaan pada tahun ini "Guru Berkualiti Aspirasi Negara", mempunyai pengertian yang amat meluas. Guru yang berkualiti ialah guru yang dapat menunaikan tanggungjawab asas dan menyediakan sumber manusia terlatih dan berpengetahuan di samping berperanan membentuk identiti bangsa Malaysia, menyemaikan perasaan kenegaraan dan membina perpaduan nasional di kalangan rakyat. Pemahaman terhadap perkara yang saya sebutkan ini adalah penting kerana guru perlu menyedari bahawa mereka ialah paksi kepada segala usaha dan harapan untuk mencapai wawasan negara, Wawasan 2020.

Untuk itu, kepimpinan pendidikan di pelbagai peringkat, khususnya guru-guru di sekolah bertanggungjawab bagi menentukan wawasan negara tercapai sepenuhnya. Matlamat, visi dan misi organisasi di peringkat sekolah hendaklah



selari dan sehaluan dengan wawasan besar negara. Pemahaman terhadap visi organisasi ini adalah penting kerana ia adalah *'guiding force'* yang menentukan hala tuju sekolah. Sebagai guru, apa yang lebih penting ialah kemampuan menterjemahkan tanggungjawab dan peranan dalam bentuk pelaksanaan tugas yang berkualiti serta bersemangat tinggi untuk memberi khidmat yang terbaik.

Semua guru mesti mempunyai satu matlamat yang jelas yang hendak dituju. Ini demikian kerana pendidikan itu merupakan alat untuk mencapai sesuatu matlamat. Jika terdapat motif sampingan di peringkat sekolah yang berbeza daripada wawasan besar negara, maka akan pincanglah pelaksanaan dasar dan amanah serta tanggungjawab yang telah diberikan. Dalam situasi sedemikian, sumber tenaga manusia menjadi kurang produktif, malah non-produktif dan negatif. Murid yang mengharap bimbingan dan panduan guru akan menjadi mangsa persekitaran pendidikan yang tidak menentu dan tidak bermutu.

Guru ialah Amanah Rakyat

Tanggungjawab serta tugas seorang guru ialah satu ibadah. Konsep ibadah yang tersirat dalam tugas guru inilah yang menjadikan seorang guru itu diakui, dihormati, disegani serta disanjung oleh masyarakat. Guru mesti mempunyai tekad dan komitmen yang tinggi untuk mendidik anak bangsa, memberi khidmat yang terbaik serta sanggup mempertahankan keagungan profesionnya, selain terus berusaha untuk meningkatkan mutu, taraf dan imejnya. Oleh yang demikian, imej profesion perguruan ini hendaklah dipelihara supaya tidak dicemari dengan unsur-unsur yang negatif, yang boleh memburukkannya. Elakkanlah melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan etika profesion perguruan. Jagalah nama baik guru supaya guru sentiasa dihormati. Kita tentu tidak mahu pelajar menjadi mangsa kepada salah laku guru. Harustlah diingat bahawa guru telah diamanahkan oleh ibu bapa untuk mendidik anak mereka dan oleh rakyat untuk mendidik anak bangsa. Oleh itu, janganlah amanah ini dikhianati dan diabaikan.

Rekod cemerlang sistem pendidikan kita dan semangat berkhidmat yang tulen di kalangan guru dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab telah berjaya menyediakan dan membekal sumber tenaga mahir dan berpengetahuan untuk mengisi keperluan negara. Memang kita terhutang budi kepada khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh para guru. Kita sendiri telah melihat hasilnya dengan jumlah cerdik pandai dan tenaga ikhtisas yang dihasilkan yang hari ini merupakan penggerak utama kepada program pembangunan negara.

Cabaran Guru ke Arah Penghijrahan Minda

Dalam tempoh 45 tahun kita merdeka, kita telah melihat kemajuan dan pencapaian yang sungguh membanggakan di bidang pendidikan. Akan tetapi kita tidak boleh hanya berpuas hati dan bermegah dengan kejayaan-kejayaan ini. Kita kini sedang berhadapan dengan cabaran-cabaran baharu, terutama cabaran kemajuan sains, teknologi dan komunikasi, dunia tanpa sempadan, globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Cabaran-cabaran baharu abad ke-21 ini, membawa kita kepada alam baharu yang tidak terbatas kepada sempadan negara kita sahaja. Cabaran baharu ini memerlukan kita menyediakan masyarakat yang berdaya saing bagi menghadapi persaingan global yang lebih mencabar lagi. Oleh itu, kita khususnya kaum guru, dituntut untuk melakukan pengubahsuaian dan penghijrahan minda untuk memastikan kita harus berupaya melonjak dan mara ke hadapan.

Untuk terus berdaya saing adalah menjadi keperluan kita membangunkan tenaga manusia yang akan menjadi *world class* atau bertaraf dunia. Tenaga manusia merupakan sumber utama kekayaan sesuatu ekonomi. Cabaran ini menjadi kian mendesak ketika ini kerana sistem ekonomi dan pasaran menjadi semakin berunsur global akibat arus globalisasi. Tenaga kerja Malaysia harus berkualiti dan berkaliber, mampu bersaing dengan tenaga kerja dari negara lain di dunia tanpa batas untuk menjamin keunggulan ekonomi negara. Ini bermakna rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan ilmu dan kepakaran yang canggih, terkini dan secukupnya. Rakyat Malaysia perlu disemai dengan nilai dahagakan



ilmu, supaya mereka sentiasa didorong memperbaiki diri dan mampu meneroka bidang kepakaran baharu menurut kehendak pasaran yang berubah.

Misalnya, pengalaman pahit krisis kewangan yang melanda negara pada tahun 1997 dan 1998, yang tidak pernah kita alami sebelum ini, membuktikan betapa kita harus menentukan produk yang dihasilkan oleh sistem pendidikan kita yang mempunyai kemampuan yang boleh mengatasi cabaran dan mampu untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara. Dengan kata lain, sistem pendidikan kita mesti berkemampuan untuk menghasilkan tenaga pekerja yang kreatif, inovatif, berkeyakinan yang tinggi dan mempunyai daya saing yang kental untuk mengurus negara dan menjana ekonomi.

Dalam hubungan inilah relevannya tema Hari Guru, iaitu "Guru Berkualiti Aspirasi Negara" yang amat bersesuaian dengan cabaran yang dihadapi dunia pendidikan. Oleh itu, guru harus mempunyai sikap untuk memperbaiki diri dan menambah nilai diri dari segi ikhtisas, akademik serta perlu pula berusaha untuk mendapatkan kelulusan yang lebih tinggi. Kita juga berharap supaya guru-guru meningkatkan kepakaran mereka menerusi kursus-kursus dalam bidang-bidang baharu seperti komputer, teknologi maklumat dan komunikasi, kepimpinan, kaunseling, kemahiran hubungan sesama individu dan pendidikan alam sekitar. Peluang yang disediakan oleh kerajaan untuk guru menaik tarafkan kelulusan masing-masing hendaklah direbut sebaik mungkin. Program-program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) tidak memerlukan mereka meninggalkan bilik darjah demi menggenggam segulung ijazah. Gunakanlah sepenuhnya peluang ini untuk menjadi pendidik yang berilmu.

Pewujudan Semula Sistem Sekolah Aliran Inggeris

Banyak pihak yang menyuarakan sokongan atau tentangan mereka mengenai cadangan untuk mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris. Perlu saya jelaskan bahawa kerajaan menolak sebarang usaha mewujudkan semula sistem sekolah aliran bahasa Inggeris kerana langkah ini bukan sahaja tidak secocok dengan dasar pendidikan kebangsaan malah akan dilihat sebagai langkah ke belakang. Tetapi sesuatu perlu kita lakukan untuk meningkatkan kecekapan pelajar

menguasai bahasa Inggeris. Apa yang kita putuskan ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek sains dan matematik bermula pada peringkat tahun satu rendah serta pengenalan subjek Kesusasteraan Inggeris Kontemporari untuk mendedahkan murid-murid kepada bahasa berkenaan.

Kerajaan akan memastikan bahawa kedudukan bahasa Melayu terus dipelihara selaras dengan peruntukan Perlembagaan Negara demi membina bangsa bersatu yang mempunyai identitinya sendiri. Namun kita harus menerima hakikat bahawa dalam era globalisasi, penguasaan sekurang-kurangnya satu bahasa asing yang utama sangat perlu dan berguna untuk meningkatkan keupayaan menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang sains dan teknologi termasuk ICT, dan meningkatkan peranan yang lebih luas dan berkesan dalam hubungan antarabangsa. Kita tidak mempunyai banyak masa untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020. Hanya mereka yang bergerak pantas dengan kekuatan ilmunya dan kemampuan menguasainya dapat berdaya saing ketika itu.

Oleh sebab ilmu itu ialah kunci kemajuan ekonomi dan penguasaan bahasa Inggeris ialah kunci yang membuka pintu yang lebih luas kepada pelbagai ilmu, maka banyak manfaat yang boleh diperolehi oleh murid dan masyarakat sekiranya kita menguasai bahasa tersebut. Misalnya, 80 peratus kandungan Internet dan ilmu-ilmu saintifik moden adalah dalam bahasa Inggeris, dan sekiranya kita lemah menguasai bahasa berkenaan maka amat sukar bagi murid-murid menerap dan mendalami ilmu tersebut. Elok juga pihak sekolah mengadakan program membudayakan penggunaan bahasa Inggeris bagi tujuan memberi kesedaran di kalangan murid tentang kepentingan menguasai bahasa tersebut dan guru sendiri sepatutnya mengambil iltizam untuk berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka sendiri.

Kepentingan Sains dan Teknologi

Sekali lagi saya tegaskan bahawa kita tidak mempunyai banyak masa untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 dan hanya mereka yang bergerak dengan kekuatan ilmunya dan berkemampuan untuk menguasainya dapat



berdaya saing ketika itu. Dasar pendidikan negara sedia akur mengenai hal ini dan menetapkan matlamat yang jelas untuk menguatkan sains dan teknologi dalam sistem pendidikan. Di sini peranan saudara-saudari sebagai guru sangat kritikal. Kita perlu menggalakkan minat kepada mata pelajaran sains dan teknologi di kalangan penuntut, dan kita perlu meningkatkan prestasi mereka dalam bidang kritikal ini. Kejayaan dalam mendorong perubahan ini banyak bergantung kepada kepintaran saudara-saudari membangunkan minat di kalangan murid, menyalurkan ilmu kepada mereka dan mendidik mereka cara menimba ilmu tersebut dengan lebih berkesan.

Meneruskan Kegemilangan Guru

Tidak dapat dinafikan pendidikan di negara ini telah berjaya melahirkan barisan pemimpin, pentadbir, pendidik dan golongan profesional dalam pelbagai bidang. Ramai antara mereka telah berjaya mencipta nama di peringkat antarabangsa dan kejayaan mereka ini diiktiraf dunia. Masyarakat dan negara menaruh harapan yang tinggi terhadap warga pendidik untuk meneruskan kegemilangan ini dan merealisasikan wawasan dan aspirasi negara. Banyak cabaran yang perlu diberi perhatian dalam sektor pendidikan. Sama-samalah kita renung dan fikirkan cabaran-cabaran yang sedang melanda kita. Insya-Allah dengan komitmen dan usaha gigih semua pihak kita akan dapat menanganinya.

Teks ucapan

YAB Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi

ketika merasmikan sambutan

Hari Guru Kebangsaan 2002

di Kota Kinabalu, Sabah.

UNIVERSITI PUSAT TAMADUN DAN KECEMERLANGAN

"Kita perlu memaknakan universiti kita. Kita perlu memastikan yang universiti ini mempunyai komitmen yang teguh untuk pembangunan bangsanya. Bukan sahaja berusaha untuk melahirkan sumber manusia yang inovatif dan kreatif dan bersifat holistik, malah manusia yang tahu bersyukur dan realistik dalam tindakan."

Kalau kita meneliti sejarah dengan teliti, kita akan mendapati penubuhan Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang ini, bukanlah berlaku dengan begitu sahaja. Malah, ia jauh lebih berliku daripada sejarah penubuhan universiti-universiti yang baru ditubuhkan beberapa tahun kebelakangan ini. Saya mengatakan demikian kerana saya sedar betapa susah payahnya para pejuang bangsa kita dahulu berusaha memartabatkan kedudukan negara dan bangsa ini bagi mengisi kemerdekaan yang baru dicapai ketika itu, dengan pandangan-pandangan besar terhadap pentingnya membina institusi-institusi ilmu seperti sekolah dan maktab latihan untuk meningkatkan kemahiran rakyat dan berdikari. Apatah lagi bagi menubuhkan sebuah universiti yang berada di luar Kuala Lumpur dan berusaha pula untuk menyediakan sumber manusia untuk memberi makna kepada kemerdekaan tersebut. Hasrat utama yang lahir ketika itu, hanyalah untuk menyediakan tenaga-tenaga muda yang berilmu untuk memimpin masyarakat dan mencorakkannya pada masa hadapan. Kesedaran yang timbul ketika itu adalah dengan mengambil kira peri mustahaknya mempunyai anak-anak muda yang berpendidikan tinggi dalam bidang sains dan teknologi. Harapan yang besar yang diletakkan pada ketika itu adalah untuk melihat pada masa hadapan negara ini akan dipimpin oleh mereka yang terdidik dalam acuannya sendiri dan menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang-bidang pelajaran kritikal, bagi mengurus dan mentadbirkan sumber-sumber yang ada dengan berkesan dan bermakna, tanpa perlu bergantung kepada orang lain.

Tentulah, kalau kita ingat, 30 tahun lalu, memasuki universiti ialah satu *privilege* yang mampu dicapai oleh sekelompok orang yang tertentu sahaja. Malah, universiti menjadi lambang pencapaian dan penghormatan dalam status sosial seseorang. Pelajar universiti dihormati dan disanjung tinggi. Ahli akademik



dianggap begitu hebat, sebagai mahaguru yang memimpin dalam bidang ilmunya. Pada awalnya universiti sebahagian besarnya diisi oleh tenaga-tenaga pengajar asing dan banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur tradisi keilmuan yang tentunya ada pro dan kontranya.

Tentulah senario dan kedudukan universiti pada hari ini sudah jauh berbeza. Melalui dekad-dekad tertentu, tradisi pengajian di universiti melalui zaman-zaman yang berbeza dengan keadaan yang telah jauh berubah. Kita harus menerima hakikat bahawa universiti hari ini bukan lagi menara gading, yang amat payah didekati seperti dahulu. Siapa sahaja kini mampu memasuki universiti, malah menjejaki kaki ke peringkat universiti kini menjadi satu keperluan (necessity). Tidak kira siapa, daripada anak petani di desa pedalaman mahupun anak seorang tokoh korporat terkemuka yang tinggal di banglo mewah, universiti menjadi tempat untuk menyambung pelajaran dan menambahkan ilmu pengetahuan. Universiti hari ini perlu berganding bahu dengan semua pihak, daripada kerajaan membawa kepada sektor swasta dan industri untuk terus "survive" dan menempatkan diri untuk bersaing. Universiti kini perlu bersikap telus dan cekap dalam pengurusannya. Konsep kebebasan "akademia total" dengan hanya berteraskan ilmu semata-mata tentunya tidak relevan lagi dalam konsep dunia pendidikan tinggi sekarang yang perlu menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat.

Pada hari ini, kita merayakan ulang tahun ke-30 Universiti Sains Malaysia, saya rasa adalah wajar untuk kita menoleh kembali makna sebuah universiti bagi kita. Saya kira juga amat wajar untuk memaknakan dalam perspektif yang sepatutnya untuk kita bersama-sama memastikan tradisi keilmuan yang tulen dapat kita lahirkan, bermuhasabah untuk mencari jalan bagi meningkatkan lagi kecemerlangannya dan akhir sekali universiti sentiasa mendepani apa jua usaha yang dilakukan.

Saya sedar, banyak sekali dakwaan yang dilemparkan terhadap sistem pendidikan yang ada. Saya juga sedar, ada perasaan yang kurang senang di kalangan akademik terhadap beberapa isu yang dikatakan tidak wajar. Malah, tentulah kita terpaksa juga mengakui, adanya kumpulan tertentu di sesetengah universiti yang mendalangi tindakan-tindakan yang tidak wajar, yang berlaku

dalam masyarakat dan dalam negara kita hari ini. Walau apapun motif mereka, saya percaya golongan ini amatlah kecil. Saya percaya sebahagian besar daripada mereka di universiti-universiti awam tidak terlibat kerana mereka sedar mereka mempunyai tanggungjawab yang cukup besar, iaitu mendidik anak bangsanya supaya menjadi manusia yang berilmu, bermoral, berdisiplin dan tahu bersyukur.

Saya tidak bermaksud untuk mengatakan yang semuanya sistem yang ada, termasuk sistem pendidikan kita dan universiti awam kita, sebagai sempurna sepenuhnya, kerana itu terus kita lakukan perubahan dan penambahbaikan yang berterusan dan bersesuaian dengan peredaran masa. Namun, melalui sistem yang kurang sempurna inilah lahirnya mereka yang hari ini cendekiawan di pelbagai institusi pendidikan. Daripada sistem inilah juga, lahir mereka yang kononnya dianggap menjadi juara kepada apa diperjuangkan. Mereka jarang melihat ketidaksempurnaan pada diri sendiri, sebaliknya menuding jari kepada pihak lain, pada kerajaan, malah kepada sistem pendidikan yang sebenarnya telah pun memberikannya peluang untuk menjadi manusia yang sedemikian bentuknya.

Refleksi Diri

Sebenarnya juga, kita jarang membuat refleksi diri, muhasabah dan merenung sedalam-dalamnya terhadap apa yang telah kita kecapai dan nikmati selama ini. Kita jarang berterima kasih dan bersyukur kerana diberi peluang menjadi rakyat yang boleh berfikir dan menguasai ilmu sehingga berada pada kedudukan sekarang. Hakikatnya, dasar dan sistem yang ada inilah yang telah berjaya melahirkan sekian besar bilangan manusia yang memimpin dalam masyarakat hari ini. Biar bagaimana lemah pun dasar dan sistem pendidikan yang ada di negara kita ini, sebenarnya kita jauh lebih baik daripada apa yang dicapai oleh negara-negara lain, sekurang-kurangnya jika kita melihat dengan penuh keinsafan apa yang terjadi di sesetengah negara. Akibat demonstrasi pengajar dan pelajar universiti terpaksa ditutup, huruhara dek perjuangan isu-isu politik



yang kabur dan tidak pasti, yang di luar bidang pendidikan, melibatkan kerugian yang sukar ditaksir terhadap pembangunan keilmuan. Malah akibat kepemimpinan pelajar universiti yang menyeleweng daripada landasan akademik, banyak lagi akibat yang terpaksa ditanggung, kononnya atas nama perjuangan, yang akhir sekali, bukan sahaja merugikan mereka yang terbabit, malah negara seluruhnya.

Janganlah kita terperangkap dan begitu berharap kepada sesuatu yang amat ideal, sempurna dan baik, yang hanya dilihat daripada perspektif yang terhad. Janganlah kita meletakkan kesempurnaan yang dilihat dalam kaca mata yang sempit dan kabur atau dipengaruhi oleh unsur-unsur yang mempunyai kepentingan yang tertentu. Sedarlah bahawa semua warga universiti daripada pentadbir, pengajar dan pelajar, ada peranan yang lebih besar, yang lebih penting dan yang lebih berguna dalam memaknakan sebuah universiti. Kita tidak boleh mengharapkan dan untuk melihat semangat dan idealisme gerakan mahasiswa pada awal dekad tujuh puluhan terjelma dalam perjuangan hari ini, yang dalam banyak keadaan, gerakan tersebut lebih bermotif dan berteraskan kepada usaha untuk memperjuangkan individu mahupun pihak yang tertentu sahaja.

Saya tidak fikir bahawa mahasiswa hari ini dangkal pemikirannya. Saya juga tidak fikir yang universiti seperti USM ini, masih mempunyai, menghargai dan memberi tempat kepada semangat juang yang berteraskan kepentingan individu atau agenda peribadi semata-mata. Saya kira mereka yang berada di universiti hari ini, lebih realistik dan lebih memandangkan ke hadapan bagi memastikan negara kita melangkah ke alaf baru dengan penuh ketahanan, keyakinan dan kekuatan. Bekalan kita bukan setakat semangat yang kental tetapi kecanggihan ilmu yang dapat membina impian untuk menjadi bangsa dan negara yang bermaruah, berdisiplin dan bertamadun besar. Dengan kekuatan ilmu kita dapat melangkah dengan penuh keyakinan tanpa perlu goyah terhadap cabaran dan pencapaian orang lain yang berada jauh di hadapan. Kita tidak terpengaruh dengan impian kosong dan perjuangan yang berteraskan kepentingan tertentu atau perjuangan yang tidak berlapikkan kepada tuntutan agama, bangsa dan negara.

Peranan Universiti Hari Ini

Universiti mempunyai visi, misi dan peranan yang bermakna untuk diperjuangkan oleh seluruh warganya, daripada profesor yang bersifat mahaguru kepada mahasiswa, yang bersifat anak murid yang berusaha untuk menguasai ilmu. Saya masih berpegang kepada semangat dan harapan para pejuang bangsa kita dahulu tatkala mengimpikan sebuah universiti seperti USM ini. Semangat dan harapan untuk melihat anak bangsanya maju ke hadapan dengan ilmu yang ada, dapat bergerak dengan kekuatan ilmunya dan kemampuannya menguasai teknologi yang selama ini berkiblatkan negara-negara tertentu yang dianggap maju, apatah lagi semangat untuk bersaing dan membuktikan kehebatan kita tanpa perlu bergantung kepada orang lain semata-mata. Tentulah generasi lama yang patriotik masih ingat lagi akan tohmahan bahawa kita tidak mungkin mampu berdiri sendiri jika merdeka, seperti yang acap kali diucapkan dahulu. Katanya, nak buat jarum sendiripun kita tidak mampu. Hari ini sebenarnya, kita telah mencapai jauh lebih daripada apa yang kita bayangkan dahulu. Lihatlah, betapa kemampuan anak-anak muda kita hari ini, bukan setakat menguasai ilmu kejuruteraan dan menghasilkan kereta nasional, mencipta perisian dan memasang peralatan komputer yang canggih, malah menguasai segala macam teknologi dan meneroka pelbagai penyelidikan, yang dahulunya dimonopoli oleh kaum dan kumpulan tertentu sahaja.

Lihat dan berbanggalah dengan sikap inovatif yang ada pada sebahagian daripada tenaga muda universiti yang sebenarnya lahir daripada sistem yang ada ini. Tatkala kerajaan memajukan Koridor Raya Multimedia, USM telah pun melahirkan anak-anak muda yang dapat menguasai teknologi komputer terkini. Di sini saya mengucapkan syabas kepada USM kerana kejayaan ini. Lihat juga keupayaan pakar-pakar USM yang meneroka dan mengubah ilmu prasejarah manusia di negara ini melalui penemuan-penemuan arkeologi yang mengkagumkan sehingga Anak Perak (Perak Man) berjaya menjelajah ke Jepun. Sukan Komanwel yang diadakan di Kuala Lumpur mendapat khidmat kepakaran ujian dadah (doping test) USM tanpa apa-apa kekurangannya. Hasil-hasil kajian USM kini diakui antara yang terbaik dan menjadi model kepada pembangunan penyelidikan di tempat lain. Semuanya ini membuktikan kemampuan yang antara



berjaya kita ketengahkan tanpa malu dan rendah diri. Sekali lagi syabas saya ucapkan kepada USM.

Saya ingin mengingatkan bahawa kita tidak mempunyai banyak masa untuk dibazirkan dengan membenarkan anak-anak muda kita, apatah lagi yang terpilih yang kini berada di universiti, untuk terlibat dalam gejala-gejala yang tidak sihat, tidak kiralah apa sahaja, termasuk dipergunakan untuk kepentingan orang-orang tertentu. Sekali lagi saya menyeru saudara-saudari supaya bersifat realistiklah dalam apa jua tindakan yang kita lakukan. Universiti telahpun dikorporatkan. Kita bukan menswastakan tetapi mengkorporatkannya dengan harapan pengurusan dan pentadbiran universiti lebih cekap, lebih telus dan mempunyai akauntabiliti. Sayangnya pula, mereka yang tidak bertanggungjawab menganggap kerajaan lepas tangan. Saya memberi jaminan bahawa institusi pengajian tinggi awam atau IPTA tetap terpelihara kepentingannya, iaitu untuk rakyat dan negara. Cuma, apabila dikorporatkan, kerajaan mengharapkan universiti menjadi lebih cekap dalam mentadbirkan sumber-sumbernya dan mengkomersilkan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D-nya.

Para akademik di universiti hari ini mempunyai tanggungjawab dan peranan yang amat mencabar dan cukup berat. Mereka bukan sahaja terikat kepada peranan asas sebagai pengajar, malah juga perlu terlibat dalam kerja-kerja R&D untuk menerokai ilmu sejauh mungkin dan menjadi satu kebanggaan jika boleh menerajuinya. Dorongan dan pengiktirafan sewajarnya harus diberi bagi melahirkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang ilmu. Namun, saya percaya, masih banyak lagi yang boleh kita lakukan. Pembangunan pesat dalam pelbagai disiplin ilmu, apatah lagi sesuai dengan adanya kemudahan dan kemajuan dalam teknologi maklumat hari ini, mendorong warga universiti bekerja dengan lebih pantas lagi sesuai dengan perkembangannya. Kerajaan telah menyediakan segala kemudahan dan keupayaan untuk bergerak ke hadapan. Terpujang kepada kita untuk membuktikan bahawa kita boleh menjadi pemimpin dalam sesuatu bidang ilmu. Saya rasa bukan mustahil, akan lahir *novel laurette* daripada negara ini, daripada kalangan profesor kita, dalam waktu yang terdekat. Soalnya ialah - apakah kita benar-benar komited dan telah berusaha untuk menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang atau masih terdapat segelintir yang masih

ketinggalan zaman, yang menganggap universiti sebagai menara gading yang hidup dalam idealisme lama, sempit, dangkal dan sukar difahami.

Kita di universiti juga mempunyai tanggungjawab sosial dan amanah bangsa untuk terus memastikan anak-anak muda yang datang dari luar bandar dan kampung-kampung, tidak terabai nasib mereka. Sesetengah mereka mungkin tidak sehebat rakan-rakan mereka yang berasal daripada golongan yang lebih bernasib baik di pekan dan bandar, tetapi para pensyarah tidak sewajarnya mengetepikan harapan dan aspirasi mereka dan keluarga mereka yang tinggi, dengan memandang rendah kepada keupayaan mereka. Tugas kita, tugas saudara-saudari dan tugas universiti adalah untuk membentuk dan mengubah mereka dan nasib mereka ini untuk menjadi rakyat yang berguna, bermoral dan berdisiplin dan akan menjadi pemimpin negara pada satu hari nanti. Pengkorporatan dan usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan harus selari dengan usaha sosio ekonomi bagi membantu golongan seperti ini untuk terus berjaya pada masa hadapan.

Tanggungjawab Utama Universiti

Saya yakin, ramai juga antara kita yang banyak melihat segala peraturan yang ada, baik di universiti mahupun di tempat-tempat lainnya, sebagai halangan dan dianggap tidak bebas. Apatah lagi bagi sesetengah ahli akademik yang masih mengharapkan kebebasan 'akademia total' secara sepenuhnya. Tidak kurang yang mendakwa, dunia akademik hari ini, hilang taring dan bisanya kerana dikongkong oleh kerajaan. Lalu, berfakulah polemik dan perdebatan yang sering berakhir di bilik kuliah dan seminar sahaja. Akibatnya, sebahagiannya mengabaikan tanggungjawab asasnya. Ada juga yang diberi peluang belajar ke luar negara hingga ke peringkat tertinggi, akibat terlibat dengan kegiatan bukan akademik ini, kembali dengan tangan kosong atau berakhir separuh jalan. Kemudiannya, kembali berdebat tentang idealisme dan segala kebebasan dan kongkongan yang perlu dirongkai, kononnya untuk mengatasi segala kekurangan dan kelemahan. Apabila diminta penjelasan mengenai prestasi yang menurun dalam tugas sebagai pengajar universiti termasuklah dalam bidang



penyelidikan dan penerbitan buku, pelbagai alasan diberi dan kemudiannya apabila tindakan diambil, sekali lagi pihak lain yang dituduh bersalah. Inilah sikap segelintir tenaga akademik universiti kita, segelintir yang membawa lumpur, setitik nila yang merosakkan susu sebelanga.

Sayangnya segelintir dari kita ini lupa yang golongan akademik seharusnya menunaikan tanggungjawab selaku pensyarah dengan sempurna, menunaikan amanah untuk menerokai dan menguasai ilmu sepenuhnya, malah berusaha membuktikan kewibawaan untuk menjadi pemimpin dalam bidang keilmuannya, dihormati sebagai sarjana dan pemuka ilmu yang terbilang di dunia, serta mampu pula mempengaruhi masyarakat ke arah pembangunan sosial dan fizikal yang sewajarnya. Terimalah hakikat bahawa saudara-saudari sebenarnya diberi kebebasan penuh untuk memajukan dunia akademia di universiti. Tidak ada siapa yang menahannya. Malah pelbagai dorongan dan insentif telah diberikan, terutamanya untuk memajukan sesuatu bidang ilmu melalui kerja-kerja R&D. Teruskanlah wacana ilmiah saudara-saudari. Banyak geran baik dari kerajaan mahupun pihak-pihak lain yang berada di sekeliling saudara-saudari. Berusahalah untuk mengambil dan meningkatkan usaha bagi menghasilkan penemuan-penemuan hebat dalam bidang ilmu masing-masing. Masih banyak ruang yang perlu diperbaiki. Kita tentunya akur bahawa bidang R&D kita sebenarnya masih belum mencapai tahap yang kita harapkan. Memajukan R&D bermakna membuka ruang seluas-luasnya untuk menerokai ilmu dalam bidang masing-masing secara bebas. Sayangnya, kita lebih banyak melihat kepada hal-hal remeh-temeh yang dianggap menghalang daripada menukarkannya kepada usaha proaktif untuk mendorong kita menjadi lebih maju dalam bidang ilmu masing-masing.

Terimalah hakikat bahawa kita mempunyai tanggungjawab besar dalam pembangunan bangsa dan negara ini. Kita juga mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan minda dan jiwa rakyat untuk membawa kita ke arah wawasan yang ingin kita capai. Kita tidak mampu hidup dalam idealisme yang usang, sebaliknya, perlu proaktif dan mendahului masa. Idealisme yang tidak realistik tidak akan membawa kita ke mana-mana. USM ini misalnya, tegak berdiri megah selama 30 tahun di atas landasan perjuangan untuk mengisi

kemerdekaan dan memberi makna kepada perjuangan yang telah diasaskan sekian lama, untuk memartabatkan bangsa kita dalam bidang sains dan teknologi. Mahu tidak mahu kita akan memasuki abad baharu pada alaf yang amat mencabar, yang berasaskan kepada pengetahuan khususnya sains dan teknologi. Kita perlu memaknakan universiti kita. Kita perlu memastikan yang universiti ini mempunyai komitmen yang teguh untuk pembangunan bangsanya. Bukan sahaja berusaha untuk melahirkan sumber manusia yang inovatif dan kreatif dan bersifat holistik, malah manusia yang tahu bersyukur dan realistik dalam tindakan. Usaha mendesak bangsa ke paradigma baharu ini amat sukar, bak menarik benang di dalam tepung, benang tidak putus, tepung tidak selera. Itulah namanya orang yang bijaksana, orang yang berilmu dan tahu memanfaatkan ilmu untuk faedah masyarakatnya. Kewujudan universiti, dilihat dari sudut manapun, harus mampu mengisi keperluan masyarakat dan negara, memartabatkan ilmu dan menerokai ilmu dan penyelidikan baru untuk menguasainya dan sekali gus menghadapi persaingan di arena global yang luas.

Tanggungjawab Mahasiswa

Demikian juga saranan saya kepada mahasiswa hari ini supaya realistik dan pragmatik. Saya harus mengingatkan bahawa saudara-saudari juga mempunyai tanggungjawab yang besar. Kadang-kadang sebagai anak muda, kita mudah terpengaruh dengan slogan dan idealisme yang lebih mudah untuk dicakap daripada dibuat. Ada pihak yang cuba mempengaruhi kita untuk menerima bulat-bulat mengikut perspektif mereka. Malah, mereka berhasrat ramai yang terpengaruh dengan propaganda kepada wujudnya kebebasan yang sebebas-bebasnya di universiti, tanpa batasan undang-undang. Bebas mencaci orang lain. Bebas mengkritik dan melemparkan tuduhan. Bebas dalam pelbagai perkara lagi. Sayangnya, kita pun sebenarnya tidak pernah bebas daripada dipengaruhi oleh pihak tertentu, mempercayai ideologi tertentu dan kerap bertindak mengikut acuan tertentu. Inilah masalah kita sebenarnya. Kita harapkan sesuatu yang kita sendiri pun gagal untuk menerima atau



melakukannya. Ambillah iktibar daripada apa yang berlaku di negara-negara lain. Bayangkan betapa banyaknya kerugian yang ditanggung oleh bangsa dan negara akibat rusuhan dan demonstrasi serta tutupnya banyak institusi ilmu yang ada. Universiti dan gedung-gedung pendidikan tidak dapat berfungsi dengan keadaan huru hara dan tidak stabil. Siapa kelak yang akan mengisi keperluan masyarakat terhadap tenaga ilmuwan pada masa depan? Negara kita yang baharu merdeka 42 tahun, sesungguhnya tidak mampu untuk menjadi sedemikian semata-mata kerana mengejar idealisme yang tidak berdiri kepada kenyataan. Percayalah, kita sebenarnya tidak mempunyai banyak masa untuk dibazirkan hanya untuk perkara remeh-temeh seperti itu.

Selaku bekas pemimpin pelajar semasa di universiti saya amat arif dan berpengalaman dengan sejarah gerakan mahasiswa. Maka itu ingin saya nasihatkan kepada saudara saudari supaya gunalah kesempatan selama berada di universiti untuk mengisi ilmu dan bergerak ke hadapan dengan menyelaminya sedalam mungkin. Saya gembira, kerana ramai pelajar di universiti hari ini yang berjaya menggunakan sepenuhnya kesempatan yang ada untuk berbakti kepada masyarakat dan menimba ilmu. Banyak program bakti siswa telah diadakan, tahniah. Tidak kurang juga program-program yang memupuk dan mengasah bakat kepimpinan dan menghasilkan bakat-bakat sastera, budaya, seni dan sukan yang berpotensi untuk diketengahkan. Malah ada yang menerokai ke peringkat antarabangsa untuk menunjukkan yang kita boleh mara ke hadapan, baik dalam sukan mahupun aktiviti lainnya.

Saya dimaklumkan ramai pelajar USM yang mengambil kesempatan daripada program-program pertukaran pelajar untuk meningkatkan nilai diri dan keupayaan mereka. Semuanya ini membuktikan yang mahasiswa hari ini sebenarnya berkebolehan dan berdaya saing, malah sentiasa berusaha memajukan keupayaan dirinya. Sekali lagi saya yakin, hanya segelintir yang mudah terpengaruh dengan pihak-pihak tertentu, yang masih bermimpi untuk membawa mahasiswa hari ini kembali ke era yang telah jauh kita tinggalkan. Tolaklah mereka dan jadilah mahasiswa yang berjiwa besar untuk menguasai alaf baharu kelak. Saya juga berharap ibu bapa serta keluarga mahasiswa universiti, jangan lepas tangan apabila anak-anak telah menjejakkan kaki ke

IPT, Ibu bapa dan keluarga perlu terus mengambil berat dan memastikan anak-anak ini mendapat perhatian dan tidak mudah dipengaruhi oleh ideologi-ideologi yang merugikan bangsa, negara dan diri mereka sendiri. Doronglah mereka menjadi manusia yang berguna.

Kepentingan Kualiti

Saya juga gembira kerana USM begitu memberikan perhatian kepada kualiti. Hari ini, USM akan menerima Sijil MS ISO 9002 untuk sistem kualiti pengurusan sumber manusianya. Sebelum ini, saya dimaklumkan yang USM juga berjaya memperoleh sijil MS ISO untuk perkhidmatan farmasi di hospitalnya. Semua pencapaian ini membuktikan USM serius dengan gerakan kualitinya. Oleh itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Naib Canselor dan semua mereka yang terbabit dalam memperkasa universiti ini. USM telah pun membuktikan yang slogan "***kami memimpin***" yang ada pada logonya benar-benar dilaksanakan. Sebenarnya, kualiti sahajalah yang akan membezakan kita daripada orang lain. Jika kita ingin bersaing, kualiti yang dalam segenap aspek urusannya perlu dipertingkatkan. Persaingan antara sesama IPT pada hari ini nampaknya amat ketara, terutamanya di arena antarabangsa. Bukanlah mustahil untuk kita menghadapinya, malah, kita telah pun menyematkan tekad untuk memastikan negara kita mampu menjadi pusat kecemerlangan pendidikan, dengan syarat kita ikhlas serta berusaha untuk mencapainya.

Kualiti yang tinggi harus ditunjuk dan diterapkan dalam semua perkara, baik sumber manusia mahupun dalam diri masing-masing. Dalam hal ini, jika kita katakan yang kita ingin menjadi ahli akademik yang berkualiti, maka kita harus mempunyai piawai yang tertentu sebagai asasnya. Jika kita ingin melahirkan siswazah berkualiti, maka piawai yang tertentu juga perlu disediakan sebagai ukuran. Hal yang sama perlu kita letakkan dalam urusan-urusan lainnya, termasuk kegiatan R&D yang dijalankan. Hanya dengan cara itu, IPT kita mampu bersaing dan memenuhi kehendak pelanggannya. Jika ingin berjaya dalam pengkorporatan, kualiti jugalah yang perlu semua IPT kita jadikan sandaran. Yang utama ialah kualiti yang ditetapkan itu mestilah bertaraf dunia dan diterima oleh semua, termasuk masyarakat dan negara.



Selepas 30 tahun USM telah melahirkan begitu ramai siswazahnya. Kita lihat hari ini, terdapat sebilangan siswazah USM yang tampil menghulurkan sumbangan untuk mengisi dana amanah alumninya. Ini ialah satu usaha murni yang harus diberi penghargaan. Sikap berterima kasih dan berusaha membantu institusi yang telah berjaya memberinya ilmu, tentulah amat perlu dipupuk, seperti mana pentingnya sikap berterima kasih dan menghargai apa yang diberikan negara kepada kita selama ini.

Saya yakin, jika sikap berterima kasih dan bersyukur ini benar-benar tersemai di kalangan segenap anggota masyarakat, kita akan dapat membangunkan negara dengan lebih berkesan untuk generasi yang akan datang. Baik ibu bapa, pensyarah di universiti, mahupun anak-anak yang masih di bangku sekolah, apatah lagi mereka yang menikmati bantuan untuk menimba ilmu selama ini, rasanya inilah hasil daripada perjuangan kita selama ini melalui sistem pendidikan yang berupaya melahirkan pemimpin-pemimpin masyarakat hari ini, yang tenaga fikiran dan ilmunya telah menyumbang kepada pembangunan negara. Dengan cara itu, yakni bersyukur akan nikmat yang kita peroleh dan menghargai sepenuh hati apa yang kita miliki hari ini kita akan berusaha lebih gigih lagi untuk memajukan diri kita dan universiti kita. Inilah sebenarnya yang saya maksudkan, memaknakan sebuah universiti, yakni, memberikan erti sebenar terhadap kewujudan sesebuah IPT.

Sekali lagi, saya menyampaikan tahniah kepada USM atas sambutan ulang tahun ke-30 ini dan saya berdoa agar USM akan terus berjaya mencapai hasratnya untuk menjadi universiti dan sebuah gedung ilmu yang disegani. Saya menyeru segenap lapisan anggota masyarakat universiti untuk bekerja keras dan terus memastikan kecemerlangan IPT kita. Kita mempunyai amanah yang harus dipikul dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan negara harus menjadi keutamaan dalam apa jua yang kita lakukan.

Teks ucapan

*YAB Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi
sempena Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke 30 USM
di Dewan Budaya USM, Pulau Pinang pada 14 Jun 1999.*

Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Nasional ke-11 mengenai Pendidikan

Kejayaan negara bergantung kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan keupayaan generasi muda. Sejak dulu, BARISAN NASIONAL telah berusaha untuk menyediakan peluang meluas bagi pendidikan:-

- Pembiayaan untuk sektor pendidikan terus menjadi komponen terbesar dalam pembelanjaan kerajaan.
- Kini terdapat 7,515 sekolah rendah, 1,902 sekolah menengah, 17 universiti dan kolej dan 16 politeknik.
- Bantuan kewangan diberi kepada pelajar miskin bagi setiap peringkat pendidikan.
- Terdapat peningkatan besar bagi pelajar tingkatan 5 menamatkan pengajian mereka, daripada 65% pada 1988 kepada 80% pada 2000.
- Kadar pendaftaran bagi prasekolah dan universiti telah bertambah dua kali ganda sejak 1990.

Bagi mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, kita perlu memperbaiki kualiti pendidikan. Kami bertekad:-

- memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang di semua peringkat persekolahan dan pengajian.
- Meningkatkan mutu pengajaran bagi kemahiran komunikasi termasuk Bahasa Inggeris, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran penyelesaian masalah dan berfikir secara kritis.
- Menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama melalui peningkatan kualiti, termasuk pengajaran bahasa ibunda yang lebih baik di samping memelihara kedudukan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang sedia ada.
- Mengukuhkan integrasi pelajar bagi menyuburkan lagi perpaduan negara.
- Memperbaiki suasana kerja bagi tenaga pengajar.
- Meningkatkan prestasi institusi pendidikan tinggi untuk melahirkan graduan yang berkaliber.

Bab 5

Menuju Kegemilangan Pendidikan

Angin Perubahan

Keterlibatan langsung Pak Lah dalam sistem pendidikan negara bermula pada tahun 1984, apabila beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran Malaysia. Sebagai menteri yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam pembangunan pendidikan negara, Pak Lah menyediakan landasan pemupukan integrasi nasional dengan memperkenalkan Program Integrasi Murid Untuk Perpaduan (Mohd Fuad Razali, *Berita Harian*, 1 November 2003). Meskipun ada pihak tertentu yang memandang dingin dan menentang usaha ini, namun semangat dan komitmen Pak Lah untuk mewujudkan perpaduan kaum mengatasi segala kepentingan segelintir pihak.

Pandangan Pak Lah jauh melewati dan menjangkau keperluan mewujudkan kestabilan dan perpaduan masyarakat. Pandangan ini tidak terusik dan tergugah oleh pandangan serong pihak-pihak berkepentingan yang meragui usaha murni ini. Atas kesedaran yang sama juga Pak Lah sewaktu menjadi Menteri Pelajaran menyarankan supaya pendidikan kewarganegaraan kerana bimbang dengan kecenderungan generasi muda yang menentang Dasar Pelajaran Kebangsaan, walhal dasar itu sebenarnya digubal dengan persetujuan semua kaum (Mohd Fuad Razali, *Berita Harian*, 1 November 2003). Pak Lah menaruh keyakinan tinggi terhadap pendidikan sebagai asas terpenting untuk mengatasi masalah polarisasi kaum. Dengan mewajibkan pendidikan kewarganegaraan, Pak Lah percaya masalah yang merumitkan negara ini akan dapat dikurangkan dan rakyat akan terus berusaha mengisi kemerdekaan.

Golongan guru dilihat sangat wajar diberi insentif yang lebih baik atas sifat tugasnya yang sangat mencabar dan penting kepada pembangunan manusia di negara ini. Pak Lah dapat memahami perit getir tugas seorang guru untuk membentuk anak murid mereka. Sebagai 'social engineer', guru ialah

pihak yang paling bertanggungjawab untuk mencorak, membentuk dan memberi warna kepada wajah keperibadian serta keelokan generasi yang akan menghuni negara ini.

Sewaktu membentangkan bajet negara tahun 2005, kerajaan Pak Lah memperuntukkan RM 21.5 billion untuk sektor pendidikan. Pembentangan bajet ini ialah pengalaman pertama Pak Lah sebagai Perdana Menteri. Pengalaman pertama ini sangat penting bukan hanya kepada diri Pak Lah yang baru menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri, tetapi juga kepada rakyat seluruhnya untuk menilai gagasan pembangunan Pak Lah untuk tempoh setahun bajet. Daripada pembentangan itu, rakyat sudah mula dapat mencium bau harum perubahan yang bakal diraih sektor pendidikan. Inilah harapan dan impian rakyat tatkala menyaksikan jumlah bajet yang besar diberikan kepada sektor pendidikan.

Selain itu, bajet tahun 2005 juga membayangkan wawasan pendidikan Pak Lah yang pernah dicituskan pada tahun 1984 itu, masih utuh. Ia merupakan satu perjuangan yang belum selesai. Hari ini, perjuangan itu akan diteruskan dengan penuh swadaya. Angin perubahan mula memancang arah. Kemajuan negara laksana pulau indah di tengah lautan. Bajet 21.5 billion seumpama ombak besar yang akan menggegar dan merubah pantai. Perjalanan menuju kemajuan dijangka lebih mencabar, tetapi persediaan yang dibuat boleh dikira amat berpatutan untuk menggalakkan angin perubahan bergerak menuju ke destinasiya.

Angin besar perubahan melanda struktur kementerian pendidikan. Perubahan ini menjadikan kementerian ini terbahagi dua menjadi Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Demikian juga skim perkhidmatan pendidikan. Sebanyak 12 jawatan guru cemerlang dan lima jawatan khas untuk penyandang JUSA. Pembaharuan ini menggambarkan kesediaan dan komitmen kerajaan untuk meningkat kualiti perkhidmatan di sekolah.

Bagi membina keperibadian murni dan akhlak mulia pelajar, Pak Lah mewajibkan semula mata pelajaran Sivik di sekolah rendah dan menengah, di samping memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab di sekolah rendah. Pelajar Islam pula dikehendaki 'khatam' al-Quran semasa alam persekolahan.



Pembaharuan ini boleh juga dianggap sebagai langkah pemeraksanaan kepada sistem yang sedia ada. Nampak jelas angin mengufuk perdu yang mendasari pembangunan sahsiah rakyat. Perubahan ini bersifat *neo-fundamental*, yakni kembali semula kepada asasnya. Inilah fokus pendidikan Pak Lah, menanam sahsiah agar tumbuh keperibadian mulia pelajar sebelum mereka terlibat dan menjadi agen perubahan dalam dunia pembangunan negara yang lebih besar dan mencabar. Setelah unsur-unsur dalaman diperkukuh dengan pendidikan agama, moral dan sivik, maka akan tumbuhlah kemanusiaan dalam diri rakyat. Kemanusiaan ini penting sebagai unsur pengimbang kepada unsur-unsur lain dalam bidang sains, teknologi dan ICT.

Dalam bidang teknologi, Pak Lah bergerak selangkah dengan memperkenalkan mata pelajaran baru di sekolah, iaitu mata pelajaran bioteknologi. Langkah ini sangat penting bagi melahirkan lebih ramai sumber tenaga manusia yang berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi alaf baru. Langkah ini juga akan memperkasakan lagi bidang sains, teknologi dan teknologi maklumat sebagai komponen dalam sistem pendidikan negara sebagai yang sudah sedia dibangun dan diperkenalkan sebelum ini.

Sebagai seorang yang pernah terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan negara, Pak Lah sangat memahami keperluan dan masalah yang dihadapi sektor ini. Pengalaman dua tahun sebagai Menteri Pelajaran pada tahun 1984-1986 membuka minda Pak Lah kepada keperluan sektor ini diperkasakan. Perubahan menjadi suatu kemestian bagi menggerakkan usaha-usaha pemeraksanaan, meskipun selama ini perubahan sememangnya sudah berlaku dan sedia berlaku dalam sektor ini.

Masyarakat melihat Pak Lah mempunyai persediaan yang mencukupi untuk menilai dan melakukan perubahan dalam pendidikan negara. Keyakinan ini disuarakan oleh banyak pihak dan mereka menunggu 'revolusi' itu. Setiausaha Eksekutif, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N. Siva Subramaniam berkata, kita akan menyaksikan perubahan besar dengan memberi keutamaan kepada tuntutan dan keperluan masyarakat pelbagai kaum (*Star*, February 8, 2004). Beliau menambah, Pak Lah tentunya akan memberi penekanan kepada penambahan kelas-kelas agama dan bahasa bagi mencapai matlamat ini.

Umum mengakui bahawa pendidikan merupakan asas terpenting dalam pembangunan negara. Dalam konteks pembangunan negara Malaysia yang sifatnya berbilang bangsa, agama dan budaya memerlukan keterbukaan minda terhadap penggunaan bahasa Inggeris. Pendekatan ini akan menyumbang sesuatu kepada celik maklumat dan limpahan ilmu yang pastinya memberi keuntungan besar kepada negara.

Sektor pendidikan bergerak dan berkembang seiring dengan sektor lain, malah pendidikanlah mendepani setiap langkah ke arah penguasaan bidang-bidang kehidupan lain. Hal ini amat disedari oleh Pak Lah, apabila sebahagian besar urusan ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi dunia hari ini berlaku secara 'online'. Dunia terkepong oleh jaringan siber. Dari sini muncullah konsep *k-ekonomi*, *k-knowledge*, *e-government* dan yang lainnya. Malaysia tidak terkecuali, malah telahpun mengaplikasikan kaedah baru ini dalam beberapa bidang pentadbiran negara. Di sinilah pentingnya 'revolusi' dalam pendidikan. Datuk Teo Chiang Liang, Ketua Eksekutif Kolej Antarabangsa Damansara Utama menyatakan bahawa, Perdana Menteri telah membuat satu keputusan yang tepat dengan mengenal pasti pendidikan sebagai sektor terpenting dalam negara terutama dalam waktu negara sedang bergerak ke arah ekonomi berasas pengetahuan (*Star*, Februari 8, 2004).

Pengurusan Sektor Pendidikan Lebih Berfokus

Ramai pihak tidak menjangka, Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pendidikan negara dibahagikan kepada dua setelah Pak Lah membentuk kabinetnya. Nama baru dua kementerian tersebut ialah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).

Pembahagian dua kementerian ini memperlihatkan komitmen Pak Lah yang tidak berbelah bagi terhadap pengurusan pendidikan negara. Kementerian Pelajaran menguruskan hal-ehwal pendidikan sekolah dan maktab, manakala Kementerian Pengajian Tinggi menguruskan hal-ehwal pendidikan institusi pengajian tinggi. Pembahagian dua kementerian memperlihatkan hasrat Pak



Lah yang mahukan supaya wujud 'keselarasan' dengan bidang tugas yang lebih terarah dalam pengurusan pendidikan negara. Bukan sekadar lebih selaras, tetapi lebih mudah dari segi birokrasinya dan lebih mudah ke arah mencapai matlamat pengurusan pendidikan negara itu sendiri.

Birokrasi dalam pengurusan pendidikan adalah perlu supaya proses pengurusan dapat dijalankan mengikut kaedah dan pemeringkatan yang betul. Konsep birokrasi ialah satu konsep yang teguh mengenai perjalanan dalaman sesuatu sistem organisasi yang bersifat mekanikal. Weber yang pernah memperkenalkan konsep birokrasi mengatakan, terdapat enam sifat. Salah satu sifat yang sangat berkaitan dengan tindakan Pak Lah mewujudkan dua buah kementerian ialah, pembahagian kerja dalam organisasi yang berdasarkan pengkhususan fungsional (Al Ramaiah, 1999:39). Tindakan Pak Lah ini boleh dilihat sebagai satu usaha mewujudkan pengkhususan dalam gerak kerja, supaya lebih kemas, teratur dan sistematik, di samping menjimatkan masa.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Tan Sri Dr Abu Hassan Othman menyatakan bahawa, keprihatinan Perdana Menteri dalam bidang pendidikan terbukti apabila beliau berupaya melakukan beberapa perubahan dan pembaharuan dalam bidang pendidikan dalam tempoh 100 hari menjadi Perdana Menteri. Katanya lagi, kewujudan Kementerian Pengajian Tinggi, membuktikan kesungguhan Perdana Menteri untuk melakukan satu revolusi baru dalam bidang pendidikan tinggi di negara ini yang berperanan utama melahirkan tenaga sumber yang berkualiti (*Berita Minggu*, 31 Oktober 2004).

Kewujudan dua kementerian ini dianggap sebagai satu signal ke arah perubahan yang lebih menyeluruh. Pengerusi Majlis Naib Canselor Universiti Awam, Profesor Tan Sri Dr Abu Hassan Othman mengatakan bahawa kewujudan Kementerian Pengajian Tinggi membuktikan kesungguhan Perdana Menteri untuk melakukan revolusi dalam bidang pendidikan tinggi di negara ini (Khairina Yasin, (*Berita Minggu*, 31 Oktober 2004).

Pengurusan yang dilakukan secara berfokus ini akan menjamin hasil kerja yang lebih pantas, berkualiti dan menjimatkan tenaga serta masa. Pendidikan ialah pusat penjaanaan sumber tenaga manusia. Negara bergantung kepada

keberkesanan kementerian-kementerian ini untuk mengisi keperluan sumber tenaga manusia dalam bidang-bidang lain. Keperluan kepada sumber tenaga berkualiti tinggi dan profesional, menuntut kementerian-kementerian ini melakukan usaha yang lebih berhala tuju, terarah dan berfokus.

Dr Khoo Soo Peng, Timbalan Presiden Persatuan Kolej dan Universiti Swasta Malaysia (MAPCU) menyuarakan kegembiraannya dengan langkah Pak Lah mewujudkan Kementerian Pengajian Tinggi. Katanya, langkah ini dilihat Dr Khoo sebagai memberi penekanan terhadap pembangunan pendidikan tinggi awam dan swasta.

Langkah yang diambil Pak Lah bukannya sesuatu yang boleh dianggap menongkah arus atau mengundur ke belakang. Tindakan Pak Lah ialah tindakan tokoh yang kaya dengan pengalaman. Beliau ialah manusia yang masak dengan asam garam, perit getir dan susah payah pembangunan negara. Pak Lah tahu di mana harus bermula dan bagaimana memulakannya. Lautan pengalaman dalam pelbagai agensi awam kerajaan dan pelbagai kementerian ialah asas terkukuh Pak Lah untuk melakukan sebarang perubahan, khususnya ketika menerajui Kementerian Pelajaran pada tahun 1984. *'As a former Education Minister, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi understand the needs and problems faced by the education sector which is priority for him (Gavin Gomez, The Star, February 8, 2004).*

Pak Lah yakin dengan perancangannya untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Kerana itu, sektor pendidikan menjadi agenda utama kerajaan ke arah pembangunan yang lebih menyeluruh yang akan meletakkan Malaysia mampu bergerak seiring dengan negara-negara maju di dunia hari ini.

Pengurusan pendidikan yang lebih berfokus dengan penubuhan dua buah kementerian ini dilihat sebagai satu 'signal' yang jelas tentang perubahan yang ingin dilakukan Pak Lah. Beliau juga menegaskan, institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kemudahan sokongan bagi membantu, memasarkan pelajar masing-masing, supaya menjadi *marketable* dalam semua bidang pembangunan.



Meninggikan Martabat Guru

Guru merupakan golongan terpenting yang akan menjayakan misi pendidikan negara. Golongan guru juga merupakan pihak terhampir dengan pelajar dalam proses pengajaran pembelajaran. Peranan guru tidak pernah dilupakan kerajaan, malah mereka sentiasa diberi keutamaan dari segi peningkatan mutu kerja dan perkhidmatan. Keprihatinan kerajaan terhadap golongan guru bergerak seiring dengan langkah-langkah pemerkasaan sektor pendidikan negara. Ini terbukti apabila kerajaan sentiasa memberi keutamaan dalam setiap peruntukan bajet tahunannya. Sektor pendidikan diberikan jumlah peruntukan yang paling besar berbanding sektor lain. Dalam bajet 2005, sektor pendidikan diperuntukkan RM 21.5 bilion, menjadikannya sebagai sektor tertinggi dalam peratusan jumlah terimaan.

Bajet yang besar ini tidak mungkin bermanfaat, sekiranya golongan guru yang berperanan besar menjayakan sektor ini tidak turut diberi suntikan perubahan. Justeru, Pak Lah melihat jauh kepada pokok yang menginti segala perubahan. Pokok itu ialah golongan guru itu sendiri. Pak Lah prihatin dengan tanggungjawab dan tugas guru di sekolah. Perit getir dan susah payah mendidik pelajar dilihat oleh Pak Lah sebagai suatu cabaran yang tidak mudah diharungi oleh semua manusia. Kedudukan dan status perjawatannya perlu diberi perhatian. Ada cakna dalam diri Pak Lah terhadap golongan ini.

Sikap perhatin terhadap tanggungjawab guru di sekolah telah membuka lembaran baru skim perkhidmatan pendidikan negara. Keprihatinan ini bertali sejak dari tahun 1984 lagi, iaitu sewaktu Pak Lah menjawat jawatan Menteri Pelajaran pada tahun 1984. Dua puluh tahun dahulu, Pak Lah telah memperkenalkan dua skim perkhidmatan pendidikan, iaitu Skim Perkhidmatan Perguruan Siswazah (PPPS) dan Skim Perkhidmatan Perguruan Bukan Siswazah (PPPBS). Langkah Pak Lah ini membuka ruang lega di kalangan guru siswazah, kerana dengan pelaksanaan dua skim ini, maka mereka berpeluang menikmati kenaikan gaji yang lebih baik, manakala guru-guru yang selama ini berkelulusan Sijil Perguruan dan Diploma dikumpulkan dalam satu kategori dengan tangga gaji baru.

Sebenarnya, skim seperti ini telah sekian lama diperjuangkan oleh kesatuan guru yang bertujuan mengurangkan perbezaan tangga gaji yang wujud sebelumnya, serta membuka peluang kenaikan pangkat lebih awal berasaskan pengalaman seseorang guru (Mohd Fuad Razali, *Berita Harian*, 1 November 2003).

Keprihatinan Pak Lah tidak terhenti dengan dua skim guru itu, malah Pak Lah pergi lebih jauh dengan mewujudkan jawatan guru khas bagi mengendalikan kegiatan kokurikulum di semua sekolah. Sebelum ini, guru kanan terdiri hanya dua orang, iaitu Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan Guru Penolong Kanan Hal-Ehwal Murid. Dengan pengenalan jawatan guru khas ini, maka jawatan guru kanan di sekolah bertambah kepada tiga, dengan tambahan satu jawatan, iaitu Guru Penolong Kanan Kokurikulum.

Dalam tempoh setahun menjawat jawatan Perdana Menteri, Pak Lah tetap menjadikan pendidikan agenda utamanya, dan para guru terus diungguli dalam pendidikan sebagai pihak terpenting yang akan menjayakan cita-cita pendidikan negara. Dengan penuh sedar, Pak Lah memperkenalkan pula satu gelaran '*guru super*' bagi mengangkat profesion ini pada kedudukan yang boleh dibanggakan oleh semua pihak.

Para guru yang cemerlang dan terbilang dalam tugasnya juga berpeluang menikmati tangga gaji JUSA dan boleh kekal di sekolah, tanpa perlu berpindah ke tempat lain. Sebelum ini, guru juga diberi jawatan baru, iaitu Guru Pakar bagi mengiktiraf keprofesionalisme seseorang guru yang mencapai tahap '*malim*' dalam bidang ilmunya. Dengan pengiktirafan ini, ruang kenaikan pangkat lebih luas dan memperlihatkan kedudukan profesion ini pada kedudukan yang '*high level*' dan '*high value*'.

Satu lagi langkah penting Pak Lah dalam usahanya memperkukuh institusi guru di sekolah ialah membuka peluang kepada pengetua cemerlang untuk menikmati kenaikan pangkat ke tahap JUSA (Jawatan Utama Sektor Awam). Ketika membenteng Bajet 2005 di Parlimen pada 20 September 2004, Pak Lah mengumumkan cadangan baru untuk menaikkan taraf guru. Menurut Pak Lah, kerajaan akan mewujudkan sebanyak 12 jawatan bagi Guru Cemerlang dan lima jawatan khas untuk penyandang JUSA C bagi Pengetua Cemerlang.



Langkah ini dilihat sebagai satu usaha ke arah penambahbaikan skim perguruan sejajar dengan kepentingan yang dimainkan oleh golongan tersebut dalam melahirkan pelajar yang berkualiti. Kementerian Pelajaran diberi tanggungjawab untuk melaksanakan cadangan ini. Proses pemilihan calon akan dibuat berdasarkan kepada ketokohan, kepakaran dan komitmen guru-guru sendiri. Komitmen ini termasuklah kesanggupan mereka untuk berkhidmat di kawasan pedalaman.

Cadangan Pak Lah sebenarnya bukan perkara baru. Idea untuk mewujudkan jawatan Guru Cemerlang ini pernah dibangkitkan oleh Pak Lah sewaktu beliau menjawat jawatan Menteri Pelajaran 20 tahun yang lalu. Hari ini idea itu dapat direalisasikan dengan harapan para guru yang menjadi tunggak kecemerlangan pendidikan negara diberi ganjaran yang setimpal dengan ketokohan mereka.

Sebagai satu penambahbaikan yang memperlihatkan ketelitian dalam segala pertimbangan. Guru Cemerlang dan Pengetua Cemerlang tidak perlu meninggalkan tugas mengajar atau ditukarkan ke Jabatan Pelajaran Negeri atau Pejabat Pelajaran Daerah akibat daripada kenaikan pangkat. Mereka boleh terus berkhidmat di sekolah, dan pada masa yang sama berpeluang mendapat kenaikan pangkat ke jawatan Gred Khas C. Demikian juga dengan Pengetua Cemerlang, mereka boleh terus kekal di sekolah tanpa kehilangan peluang kenaikan pangkat ke jawatan JUSA C.

Persiapan Menghadapi Era Globalisasi

Era pascamoden menyaksikan kemunculan globalisme sebagai wadah baharu yang menggerakkan swadaya dan minda manusia untuk kehidupan masa hadapan. Globalisasi telah membuka beberapa pandangan baharu dunia kepada konsep dunia tanpa sempadan dan langit terbuka. Liberalisme pula dijadikan sarana yang menjustifikasi keakuran dunia kepada globalisme. Negara Malaysia, khususnya orang Melayu tidak terkecuali daripada rempuhan gelombang globalisasi ini, malah kehadirannya mencabar negara dan masyarakat Malaysia supaya berfikir, bertindak dan berjaja global juga. Mahu tidak mahu minda

masyarakat perlu diajak dan dididik dengan cara-cara berfikiran global. Globalisasi mendedahkan negara dan rakyat kepada kuasa persaingan yang lebih terbuka dalam semua bidang kehidupan. Rakyat tidak lagi boleh terkongkong dengan paradigma usang yang meletakkan minda pada jaminan kuota, subsidi, hak keistimewaan dan bantuan kerajaan.

Bagi menyediakan minda masyarakat supaya lebih memahami tuntutan dan karenah globalisme ini, pendidikan dilihat Pak Lah sebagai asas terbaik dan landasan untuk menerapkan kefahaman yang betul dan terarah rakyat terhadap globalisasi, tanpa mengorbankan nilai-nilai insani yang menunjangi jati diri bangsa. Masyarakat perlu disedarkan dengan cabaran baru ini. Sudah pasti, cara berfikir dan bertindak perlu disesuaikan dengan keperluan global jika kita tidak mahu melihat masyarakat dan negara ini ketinggalan dan tersisih dalam ruang persaingan dunia yang arusnya tidak terelak ini.

Justeru, Pak Lah mengatur strategi bagi menjadikan pendidikan negara ini bertaraf dunia dan dalam waktu yang sama menekankan pembangunan insaniah. Dalam waktu Pak Lah menguak tangan menyambut globalisasi, pandangannya pula tidak pernah terlepas pada jati diri yang mengakar peribadi bangsa. Di sini, Pak Lah berusaha mengimbangi tuntutan cabaran baru globalisasi dengan tuntutan jati diri bangsa.

Pada peringkat asas lagi, pendidikan mula dijuruskan kepada adunan minda rakyat dengan nilai-nilai insaniah, disiplin, agama dan ilmu baru yang akan mengukuhkan asas pembangunan manusia dalam dunia global. Guru dan pelajar menjadi fokus utama sebagai *key player* yang akan menjayakan hasrat ini. Seperti yang disebutkan oleh Pak Lah sempena 365 hari menjadi Perdana Menteri, tempoh sekarang ialah menanam dan menyemai benih, peringkat seterusnya ialah mengawal selia supaya benih yang tumbuh tidak dimakan ulat.

Dalam menangani cabaran baharu, Pak Lah lebih selesa berpijak pada landasan kronologi tetapi ideanya membugar misi yang strategik. Mengatur sesuatu perancangan dengan melihat asas mulanya supaya masyarakat yang membangun daripada perancangan ini benar-benar kukuh dan mantap sebelum berdepan dengan dunia global. Profesor Datuk Khoo Kay Kim berpandangan,



Pak Lah sangat mementingkan pendidikan paling asas dalam membangunkan rakyatnya. Kata Datuk Khoo, Abdullah banyak menanamkan nilai-nilai murni dalam masyarakat dan ciri-ciri itu adalah penting untuk membentuk generasi muda ke arah sahsiah diri yang baik (*Mingguan Malaysia*, 8 Februari 2004).

Globalisasi samalah halnya dengan arus modenisasi yang melanda dunia Eropah pada abad ke-18. Kesan modenisasi tidak sekadar mengubah teknologi yang berasaskan tradisional kepada moden, tetapi juga mengubah paradigma masyarakat yang akhirnya meninggalkan banyak kesan buruk. Modenisme menjadi fahaman baru yang 'bertuhankan' materialisme, kapitalisme dan rasionalisme. Meskipun ada manfaat dan kebaikannya daripada modenisasi ini, namun, ia telah banyak mengorbankan nilai jiwa nurani yang berasaskan pertimbangan moral dan agama. Semakin meluas modenisasi di Barat semakin menipis nilai-nilai murni dan akhlak mulia.

Institusi agama dan ajaran moral semakin terpinggir. Pendidikan yang berdasar kepada nilai-nilai material telah menjadikan masyarakat Barat menggilai kebendaan tanpa batas. Inilah kesan rempuhan modenisme yang tidak dibentengi nilai-nilai murni dan kekuatan jati diri. Pengalaman ini ialah pengajaran buat negara Malaysia ketika berhadapan dengan gelombang baru yang disebut globalisme ini. Justeru, Pak Lah melihat kekuatan dalaman, rohani dan akhlak para pelajar perlu dimantapkan.

Sebagai persediaan menghadapi globalisasi ini juga, sistem pendidikan sains, teknologi dan ICT dipertingkat dan diperkasa. Dunia global ialah dunia persaingan. Kuasa persaingan menjadi kuasa penakluk terunggul, manakala teknologi informasi ialah sarana ampuh penaklukan. Dunia hari ini terbuka kepada peperangan dan penjajahan bentuk baru yang akan memperlihatkan penguasaan sesebuah negara terhadap sesebuah negara lain secara atas talian (*cyber*). Jika kita tidak mahu dijajah maka amat perlu negara dan rakyat kita menguasai teknologi siber ini. Inilah strategi yang telah dimulakan oleh Tun Dr Mahathir dan kini diteruskan oleh Pak Lah.

Membangunkan Keperibadian Mulia Pelajar

Salah satu pendekatan baru yang diambil oleh Pak Lah dalam bidang pendidikan ialah mengintegrasikan secara berhemah sistem pendidikan Islam dengan kurikulum kebangsaan. Matlamat pelaksanaan strategi ini adalah supaya pelajar dapat khatam al-Quran dalam alam persekolahan (*Mingguan Malaysia*, 8 Februari 2004).

Pendekatan ini dipertegas lagi oleh Pak Lah dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO pada 23 September 2004. Aspek pendidikan disentuh secara serius di bawah tema Islam Hadhari sebagai salah satu prinsip utamanya. Islam Hadhari termasuk penguasaan ilmu pengetahuan masyarakat yang harmonis, kerajaan yang adil dan beramanah, pembangunan ekonomi yang komprehensif, pemeliharaan alam semula jadi, keutuhan budaya dan moral, kehidupan yang berkualiti dan kekuatan pertahanan.

Pak Lah memiliki kekuatan ilmu agama yang meyakinkan. Kekuatan ini menjadi aset penting apabila beliau berusaha mengaplikasi pengintegrasian pendidikan sedia ada dengan pendidikan agama. Menurut Profesor Madya Dr Ahmad Atory Hussein, latar belakang Abdullah yang kuat dari segi agama membuatkan beliau amat prihatin terhadap ajaran Islam di sekolah-sekolah. Dalam tempoh tiga bulan selepas dilantik menjadi Perdana Menteri, Pak Lah telah meminta sekolah-sekolah membuka kelas mengaji al-Quran, menekankan aspek ajaran Islam yang membawa nilai-nilai murni kepada pelajar sekolah dan lain-lain (*Mingguan Malaysia*, 8 Februari 2004).

Pendekatan yang diambil oleh Pak Lah tidak terkeluar daripada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Salah satu matlamat pendidikan kebangsaan ialah melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera. Akar kepada matlamat ini ialah ajaran agama, ajaran akhlak dan moral.

Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohamad Nor berkata, komitmen dan usaha Perdana Menteri memartabatkan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kita hari ini ialah langkah positif bagi membentuk generasi baru Muslim sejati yang berperwatakan Islam (Khairina Yasin, *Berita Minggu*, 31 Oktober 2004). Langkah Pak Lah melakukan 'revolusi' dalam sistem pendidikan Islam di negara ini dengan mewajibkan semua pelajar Islam



mempelajari bahasa Arab, Jawi dan harus khatam al-Quran dianggap Tan Sri Murad sebagai satu langkah 'baik pulih' yang akan menyumbang kepada pembinaan keperibadian pelajar Islam yang lebih menyeluruh.

Menurut Tan Sri Murad lagi, usaha Perdana Menteri ini kena pada tempat dan masanya, kerana realiti hari ini, generasi muda Islam rata-ratanya sedang bergelut dengan konflik penyimpangan moral yang kian menggoncang. Hakikatnya, komitmen dan usaha Perdana Menteri memartabatkan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kita hari ini ialah langkah positif dalam membentuk generasi baru Muslim sejati, selain cemerlang dalam bidang kepakaran dan profesionalisme masing-masing.

Pak Lah meletakkan harapan tinggi kepada generasi pelajar sebagai aset penting bagi sebuah negara yang terbilang. Justeru, beliau mahu asas pendidikan di sekolah dan di rumah diperkukuh. Keutuhan sistem pendidikan dan institusi keluarga dapat mempengaruhi dan menjamin kestabilan negara. Kegawatan sosial masyarakat Malaysia kini amat membimbangkan negara. Kecenderungan yang tidak berasaskan kepada ajaran agama dan pendidikan akhlak yang baik. Ketika negara mengecapi pelbagai corak kemajuan, banyak gejala sosial dan penyakit masyarakat yang berlaku. Gejala-gejala ini boleh mengganggu gugat keamanan masyarakat, menjejaskan perpaduan bangsa dan membantutkan perkembangan negara.

Bagi Pak Lah, generasi muda ialah komponen penting yang terdiri daripada 45 peratus keseluruhan penduduk negara yang berada di bawah usia 21 tahun. Mereka bukan hanya penting dari segi angka ataupun dari segi sumbangan mereka sebagai sumber manusia, tetapi mereka penting sebagai jambatan penghubung antara generasi dahulu dengan generasi yang akan datang, serta benteng pertahanan negara.

Malaysia masih dalam proses membangunkan sebuah negara berbilang kaum yang bersatu teguh dan masyarakatnya hidup dalam aman damai. Menurutnya, negara kita ini akan berjaya jika kita mempunyai angkatan bella yang berdisiplin, sederhana dan progresif. Pendidikan merupakan landasan terpenting yang perlu dilalui untuk meningkatkan dan mencapai tahap pembangunan yang dikehendaki. Menurut Pak Lah, para pendidik perlu

menanamkan nilai-nilai murni dalam masyarakat dan ciri itu adalah penting untuk membentuk generasi muda ke arah sahsiah diri yang baik.

Di sinilah letak asas idea Pak Lah yang juga mahukan supaya usaha yang berterusan dilaksanakan untuk membangun dan memperkukuh sahsiah pelajar yang berteraskan pendidikan agama dan sivik. Pak Lah mahu para pelajar memantapkan keperibadiannya, mempunyai rasa tanggungjawab untuk membangunkan diri sendiri dan masyarakat.

Menurut Pak Lah, kegemilangan sesebuah negara bukan hanya terletak kepada kekuatan sumber tenaga manusia yang berimbu dan berkemahiran, tetapi juga bergantung kepada warga yang percaya kepada kewujudan Tuhan, mempunyai disiplin yang tinggi dan mengamalkan nilai-nilai murni, memiliki semangat patriotik dan menghormati undang-undang. Justeru, generasi muda perlu sentiasa meningkatkan kualiti diri dalam aspek keilmuan, ketrampilan dan sahsiah.

Keterbukaan Sikap Terhadap Pelajar

Pak Lah mempunyai persepsi tersendiri terhadap pelajar. Keperihatinan Pak Lah terhadap pelajar umpama ayah yang kasih kepada anak. Pelajar ialah aset penting negara. Asas pembinaan diri pelajar bermula dari peringkat awal lagi. Dalam sistem pendidikan, pemupukan keperibadian pelajar wajar disemai sejak di sekolah rendah. Justeru, Pak Lah memberi perhatian tinggi terhadap beberapa perkara asas yang mempengaruhi perkembangan potensi pelajar.

Sebagai sebuah negara berbilang kaum, Pak Lah meletakkan perpaduan sebagai salah satu fokus matlamat pendidikan. Bagi mencapai matlamat perpaduan, pelajar-pelajar daripada pelbagai bangsa dan agama perlu dilengkapi dengan nilai-nilai universal masyarakat Malaysia. Pelajar berbangsa Melayu perlu belajar bahasa kaum-kaum lain seperti Cina, Tamil dan yang lainnya. Demikian juga pelajar-pelajar keturunan bukan Melayu perlulah menguasai bahasa Melayu dan menjadikan bahasa Melayu sebagai alat menyatupadukan pelajar pelbagai bangsa.



Golongan pelajar juga dilihat Pak Lah perlu disemai nilai-nilai agama dan moral yang baik. Para pelajar Islam khususnya, dibekalkan dengan pendidikan agama bermula pada peringkat rendah lagi. Malah, hal ini diberi penegasan menerusi pelaksanaan kelas al-Quran dan bahasa Arab di sekolah rendah. Pak Lah mahu para pelajar dari awal lagi sudah ditanam dengan nilai-nilai agama dan moral yang tinggi. Pak Lah mahu pelajar dapat khatam al-Quran dalam waktu pelajar berada dalam alam persekolahan.

Sebagai aset penting kepada pembangunan negara, pelajar ditatag bagai minyak yang penuh. Tujuannya supaya, negara tidak dibeban pelbagai karenah dan masalah sosial yang akhirnya menyusahkan negara. Bukan setakat masalah sosial, tetapi juga masalah pengangguran, sumber manusia yang tidak efisien, tidak produktif dan sebagainya.

Pak Lah mengingatkan pelajar Malaysia di luar negara, agar memastikan jurusan yang diambil relevan atau menepati kehendak semasa dan keperluan masa depan supaya dapat menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Perdana Menteri berkata, pelajar juga perlu sentiasa menimba ilmu pengetahuan dan mencari teknologi baru sebagai persediaan untuk memainkan peranan apabila pulang nanti.

"Persediaan untuk menjadi pembuat dasar perlu dimulakan ketika kita masih muda dan masih belajar lagi. Kita perlu bersiap sedia bukan saja dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran, malah dari segi kekuatan rohani dan jasmani," katanya pada pertemuan dengan kira-kira 200 pelajar Malaysia di Korea Selatan. Pada masa ini, 206 pelajar Malaysia menuntut di Korea Selatan termasuk 194 ditaja Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Daripada 194 pelajar tajaan JPA, 72 menuntut di Seoul National University, Hanyang University (8), Korea University (17) dan Donyang Technical College (97).

Abdullah berkata, menjelang 2020 negara memerlukan sumber tenaga kerja yang bukan saja berkelulusan tinggi, malah berkualiti tinggi, bersemangat waja dan berkeupayaan. Katanya, untuk menjadikan Malaysia sebuah negara cemerlang, gemilang dan terbilang, rakyat perlu mampu menghasilkan mutu kerja berkualiti, mencapai produktiviti tinggi dan berdaya saing.

Di samping itu, katanya, kepakaran dalam bidang yang ada kaitan dengan sumber semula jadi di negara sendiri juga perlu untuk mereka menyumbang dalam pembangunan negara. "Kalau kita ada banyak minyak misalnya, ia tidak akan memberi banyak manfaat kalau tidak ada tenaga tempatan yang pakar dalam bidang kejuruteraan petroleum," katanya. Beliau juga berkata, kerajaan tidak boleh memaksa, tetapi pelajar Malaysia di luar negara termasuk di Korea Selatan amat digalakkan balik ke tanah air dan membantu pembangunan negara apabila tamat pengajian atau selepas mendapat pengalaman bekerja di negara tempat mereka menuntut.

"Bagi mereka yang mendapat peluang belajar di sini, manfaatkan peluang ini sebaik mungkin untuk mencapai keputusan yang cemerlang, selain menimba kemahiran yang ditawarkan," katanya. Abdullah berkata, generasi muda hari ini yang masih menuntut, bakal menjadi penentu masa depan negara dan mencorak hala tuju negara selepas 2020. "Masa depan negara kita amat cerah dan ia amat bergantung kepada golongan muda hari ini yang bakal mengambil alih tampuk pemerintahan negara satu hari kelak. Terserah kepada mereka untuk memastikan Malaysia bertambah maju, selain kekal aman dan harmoni."

"Semua golongan, tanpa mengira kaum dan agama, mesti bersatu, bergabung tenaga dan bekerjasama untuk menjadikan Malaysia sebuah bangsa yang maju," katanya. Beliau turut memaklumkan pelajar terbabit mengenai kewujudan dasar '*walk in interview*' yang diperkenalkan Kementerian Luar untuk graduan yang berminat menyertai perkhidmatan diplomatik. Difahamkan, dasar berkenaan diperkenalkan sejak sebulan lalu dan setakat ini hanya seorang graduan datang ke Kementerian Luar untuk temu duga.

Skim Pembiayaan Pengajian Pelajar

Perancangan Pak Lah membangun dan memperkasakan sektor pendidikan bergerak secara komprehensif. Selain memberi perhatian kepada perubahan-perubahan besar dalam pengurusan sektor pendidikan, Pak Lah juga tidak lupa kepada ibu bapa yang menjadi penggerak utama di peringkat akar umbi dalam merealisasikan pengajian anak-anak di semua peringkat pendidikan.



Ibu bapa lazimnya dikaitkan dalam proses pendidikan ini kerana pendidikan anak-anak bermula di rumah. Ibu bapalah yang menjadi agen terawal yang akan menggerakkan minat dan potensi anak-anak mereka dalam pelbagai aspek. Salah satu aspek yang sering menjadi kekangan kepada kemajuan potensi pendidikan anak-anak ialah sumber kewangan. Selain terpaksa bergantung kepada keupayaan tulang empat kerat, terdapat sebilangan besar ibu bapa pelajar yang terpaksa bergadai dan berhutang untuk menyediakan dana pengajian anak-anak.

Kerumitan kewangan akan menyumbang kepada kemelesetan pendidikan secara terancang. Ada pelajar yang terpaksa berhenti sekolah di peringkat rendah, menengah dan universiti kerana ibu bapa tidak dapat menampung pelajaran. Ada mahasiswa yang menjalankan kerja sampingan, untuk mendapat wang bagi menampung pengajian. Masalah dana pengajian menjadi isu besar negara ini, apabila bantuan kerajaan dalam bentuk biasiswa telah dihapuskan. Ibu bapa berpendapatan rendah atau berada di bawah garis kemiskinan berhadapan dengan kemelut yang berpanjangan.

Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Bermula pada tahun 1998 semua pelajar boleh meminjam wang daripada tabung ini untuk membiayai pengajian mereka. Pinjaman ini perlu dibayar semula setelah pelajar mendapat pekerjaan tetap nanti. Kaedah pinjaman ini dilihat oleh Pak Lah boleh membantu pelajar mengatasi masalah kewangan pengajiannya. Namun begitu, daripada pinjaman ini juga, Pak Lah memikirkan mekanisme baru yang boleh mendatangkan kebaikan kepada ibu bapa pelajar itu juga. Atas kesedaran itu, maka kerajaan telah memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

Pada 6 Ogos 2004, bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Pak Lah telah melancarkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) tersebut dengan modal awal sejumlah RM300 juta bagi membolehkan ibu bapa menabung untuk membiayai kos pelajar yang melanjutkan pelajaran. Skim ini ialah yang pertama dilancarkan yang berkonsepkan pelaburan jangka panjang yang akan memberi manfaat kepada ibu bapa pelajar dan pelajar sendiri.

Menerusi skim ini, penabung akan menikmati dividen tahunan selain geran sepadan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

(PTPTN), Perkiraan mudah bagi ibu bapa yang melabur dalam skim ini seperti yang berikut. Sekiranya ibu bapa melabur RM10,000 untuk seorang anak yang berumur sehari hingga 18 tahun, PTPTN akan menambah RM10,000 lagi ke dalam tabung itu sebaik sahaja anak mereka ditawarkan tempat di pusat pengajian tinggi.

Walau bagaimanapun, geran sepadan ini hanya ditawarkan kepada ibu bapa yang berpendapatan bulanan RM1,200 ke bawah. Pak Lah percaya dengan adanya peruntukan asas yang disalurkan melalui PTPTN itu, ia akan dapat meringankan bebanan ibu bapa yang turut menabung dalam skim itu bagi membiayai kos anak mereka melanjutkan pelajaran kelak.

Kata Pak Lah sewaktu perasmian skim ini, kerajaan terus membuktikan keperihatinan bagi membantu sektor pendidikan semua kaum apabila menyediakan RM300 juta untuk SSPN. Pak Lah menaruh harapan dengan adanya SSPN ini, akan menyedarkan semua ibu bapa terhadap peranan dan tanggungjawab mereka bagi merancang, berjimat dan menabung untuk pendidikan anak mereka sendiri yang berusia seawal satu hari hingga 18 tahun.

Jumlah peruntukan RM300 juta itu bersifat sebagai modal awal bagi menampung kemasukan simpanan berikutnya yang akan dibuat oleh ibu bapa. Dengan konsep tabungan ini, bermakna ibu bapa memperoleh dua manfaat, iaitu geran PTPTN dan keduanya ialah dividen hasil daripada simpanan yang dibuat.

Jelas Pak Lah lagi, SSPN menggabungkan konsep simpanan dan insuran yang bermakna penabung akan diberi manfaat perlindungan insuran dan pampasan atau khairat kematian secara percuma. Selain itu, SSPN turut menawarkan pelbagai keistimewaan lain termasuk pengecualian cukai pendapatan ke atas dividen dan jaminan penuh kerajaan terhadap simpanan."

Peruntukan geran RM300 juta daripada kerajaan itu adalah bagi membolehkan SSPN menarik lebih ramai penabung dan berdaya saing dalam pasaran terbuka supaya PTPTN dapat menggunakannya sebagai modal permulaan untuk membuat pelaburan. Pak Lah mahu melihat para ibu bapa berpandangan jauh dalam menguruskan perbelanjaan anak-anak mereka, di samping, dalam masa yang sama memikirkan kebaikan daripada setiap ringgit



yang digunakan. Dengan menabung dalam skim ini, bermakna, geran PTPTN pelajar akan menghasilkan dua kebaikan, iaitu menampung pengajian dan juga menyediakan dividen tahunan atas tabungan yang dibuat.

Menurut Pak Lah, "hasil pulangan daripada pelaburan ini nanti akan diagih-agihkan kepada penabung dalam bentuk dividen tahunan". Sebanyak empat buah institusi kewangan telah dilantik sebagai ejen bagi kemudahan pendeposit SSPN, iaitu Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat dan Bumiputera Commerce.

Bagi Pak Lah, tanggungan para ibu bapa ialah pokok kepada kejayaan pembelajaran anak-anak. Justeru, tanggungan ini perlu dirancang dengan kaedah yang menguntungkan bukan hanya dalam masa pendek, tetapi juga dalam masa panjang. Kerajaan, menurut Pak Lah, mengambil masa yang lama untuk mewujudkan SSPN dengan menjanjikan keuntungan kepada penabung. Ini bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Perancangan teliti ini dibuat supaya tabungan akan menguntungkan semua pihak. Matlamat utama penubuhan SSPN ini adalah untuk menggalakkan ibu bapa pelbagai kaum untuk membuat perancangan yang rapi menerusi penabungan khusus bagi tujuan menyediakan dana pendidikan anak-anak mereka sehingga ke institusi pengajian tinggi, demikian kata Pak Lah sewaktu ucapan perasmian skim berkenaan.

Selain geran RM300 juta yang disediakan oleh kerajaan, SSPN turut menerima sumbangan berjumlah RM220,000 daripada tujuh buah institusi kewangan serta badan korporat. Mereka ialah Bank Islam Malaysia Berhad (RM100,000), Malaysian Resources Corporation Bhd (RM50,000), Takaful Malaysia (RM50,000), Bank Simpanan Nasional (RM5,000), Bumiputera Commerce (RM5,000), Bank Pertanian Malaysia (RM5,000) dan Bank Rakyat (RM5,000).

Sekolah Kebangsaan Institusi Asas Perpaduan

Pendidikan merupakan asas terpenting yang boleh merealisasikan integrasi nasional. Kedua aspek ini menjadi mata rantai yang menentukan masyarakat

yang berbilang kaum dapat bergerak seiring, berkongsi wawasan yang sama, berkongsi misi sejalan membangunkan negara dalam segenap bidang. Atas semangat itu, matlamat pendidikan dirangka bertujuan:-

- untuk melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu
- melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera
- menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara
- memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara

Matlamat pendidikan yang digariskan ini, menyediakan landasan yang kukuh bagi menjayakan misi integrasi nasional. Aspek bersatu padu dan taat setia dilanggan supaya terhasil kestabilan, dan kestabilan ini tidak mungkin dapat dicapai, melainkan masyarakat berbilang kaum diberi kesedaran menyeluruh tentangnya. Sekian lama, polarisasi kaum membarah dalam masyarakat. Masalah ini tidak menyumbang apa-apa kebaikan kepada kestabilan negara, malah telah memperlahankan usaha kerajaan untuk menyediakan negara ini sebuah masyarakat yang bersatu padu. Justeru, Pak Lah melihat pendidikan memilik ruang yang mencukupi untuk menjayakan hasrat murni kerajaan mewujudkan kestabilan negara. Dalam ucapannya di Petaling Jaya pada 24 April 2004, Datuk Seri Abdullah menegaskan, sistem pendidikan dan tahap integrasi nasional perlu dipertingkatkan bagi menjamin masyarakat Malaysia sentiasa aman dan stabil.

Pak Lah memandang berat tahap integrasi kaum pada masa ini, kerana ada sekolah mempunyai hanya satu kaum dan bilangan pelajar bukan Melayu di sekolah kebangsaan semakin mengecil. Beliau khawatir dengan perkembangan yang berlaku di sekolah dan universiti di mana kumpulan-kumpulan pelajar di asingkan mengikut kaum dan pengasingan ini akan menyemai ciri-ciri salah faham dan saling syak wasangka apabila pelajar itu menjadi dewasa. Tegas Pak Lah, jika ini berlaku bermakna kita akan meminggirkan diri dan hubungan antara kaum yang tidak tulen. Atas alasan ini menurut Pak Lah, portfolio



pendidikan dipecahkan kepada dua, iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Jurang dalam mutu pendidikan dan perpaduan nasional ialah isu mendesak, dan sebab itulah, saya mahu kedua-dua menteri berkenaan memberikan tumpuan kepada perkara-perkara kecil tetapi yang sama penting yang turut memerlukan perhatian" demikian tegas Pak Lah. Tambah Pak Lah lagi, untuk menjamin mutu dan meningkatkan tahap integrasi kaum sebagai mandat bersama bagi mencapai objektif sistem pendidikan, dua strategi utama perlu diusahakan, iaitu menambah baik sistem sekolah kebangsaan dan penyediaan mata pelajaran yang mempunyai nilai tinggi faktor budaya dan agama.

Idea ini menjadi gagasan penting ke arah perubahan dan penambahbaikan sekolah kebangsaan supaya institusi ini menjadi sekolah pilihan dan pada masa yang sama memperkukuh kedudukan sekolah berbanding sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Tegasnya, Pak Lah mahu supaya sekolah kebangsaan menjadi tonggak untuk menyemai sifat tolak ansur dan saling memahami antara kaum sebagai pendorong kepada pemupukan integrasi kaum yang lebih komprehensif.

Proses pengintegrasian masyarakat secara bersistem bermula di peringkat sekolah rendah. Bagi Pak Lah, sekolah kebangsaan (SK) merupakan institusi terbaik untuk menanam semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. SK semestinya menjadi pilihan rakyat Malaysia, kerana sekolah itu diwujudkan untuk kanak-kanak semua kaum. Menurut Pak Lah, segala usaha yang dibuat oleh kerajaan kini adalah untuk memberi kemudahan pelajaran terbaik kepada kanak-kanak kita.

Satu lagi langkah yang dicadangkan Pak Lah ialah pengajaran mata pelajaran Mandarin, Tamil atau Arab di semua SK, serta menjadikannya sebagai satu pilihan kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa. Langkah ini boleh dianggap sebagai usaha untuk meningkatkan perpaduan dan saling memahami bahasa-bahasa yang menjadi milik bersama rakyat. Langkah ini boleh merupakan pendekatan 'silang bahasa kita' yang tidak pernah dilakukan mana-mana secara institusional. Seajar dengan perubahan semasa, beberapa mata pelajaran bahasa asing seperti Sepanyol turut diajar di sekolah rendah.

Beberapa langkah pembaharuan yang dicituskan oleh Pak Lah dalam tempoh setahun menjadi Perdana Menteri dilihat sebagai satu agenda negara yang perlu dimanfaatkan semua pihak. Datuk Asiah Abu Samah, mantan Ketua Pengarah Pendidikan Kelima (1991-1993), yang kini Pesuruhjaya dan Pengerusi Kumpulan Kerja Pendidikan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dalam reaksinya kepada idea Pak Lah ini berkata, beliau sangat tertarik dengan sikap Pak Lah yang sering menekankan isu perpaduan yang dilihat mampu dimanfaatkan untuk mencapai matlamat perpaduan nasional dan kecemerlangan pendidikan (Khairina Yasin, *Berita Minggu*, 31 Oktober 2004).

Tumpuan Pak Lah lebih terarah dan berfokus apabila menjadikan sekolah sebagai institusi paling penting yang akan menjayakan proses pengintegrasian kaum. Sekolah menurut Datuk Asiah, ialah tempat yang paling sesuai untuk melatih anak yang mengutamakan perpaduan yang sihat kerana mereka ialah sumber manusia yang boleh dibentuk daripada pendidikan yang diterima di sekolah.

Penyeragaman Jadual Waktu untuk ICT

Bagi membolehkan semua pelajar di negara ini mengikuti pelajaran mata pelajaran ICT di sekolah-sekolah negara ini, Pak Lah telah mencadangkan supaya jadual waktu persekolahan diseragamkan. Menurut Pak Lah, pendekatan ini boleh menolong sekolah yang kekurangan guru dan kemudahan-kemudahan tertentu. Penyeragaman jadual waktu akan memudahkan pihak sekolah memanfaatkan program-program TV Pendidikan yang banyak membantu pengajaran beberapa mata pelajaran tertentu. Dengan cara ini juga dapat memberi kemudahan kepada guru-guru pakar dalam mata pelajaran tertentu, khususnya sains dan matematik untuk memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar secara serentak melalui TV yang meliputi semua negeri, tanpa perlu kepada kehadiran guru itu di sekolah.

Cadangan Pak Lah disambut baik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, malah kementerian ini akan bertindak segera meningkatkan kualiti pendidikan menerusi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti yang dicadangkan oleh Pak Lah. Malah, Menteriinya, Dato' Seri Hishammuddin



Hussein, mengatakan bahawa usaha itu ke arah yang sudah dimulakan Kementerian berkenaan sebelum ini dengan melakukan kajian yang berkaitan. Kementerian, katanya, telah mendengar taklimat agensi ICT seperti Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dan akan membentangkan rumusannya kepada kabinet tidak lama lagi untuk tujuan berkenaan.

Menurut Hishammuddin lagi, cadangan Pak Lah boleh dilaksanakan secepat mungkin kerana kemudahan ICT sememangnya sudah sedia ada hampir di semua sekolah, manakala kemudahan televisyen sudah sedia ada di semua sekolah. Usaha ini tidak memerlukan peruntukan besar dan Kementerian juga katanya, tidak akan memohon peruntukan baru.

Sekolah Bestari

Sebelum ini, pelaksanaan sekolah bestari dibuat secara berasingan. Hal ini dilihat oleh Pak Lah sebagai satu tindakan yang kurang membantu kepada peningkatan mutu pendidikan negara secara komprehensif. Kesan daripada pelaksanaan sekolah bestari secara berasingan ini menyebabkan kebanyakan sekolah lain khususnya di kawasan-kawasan luar bandar ketinggalan dari pelbagai aspek kemudahan.

Memikirkan perlunya mutu pendidikan di semua peringkat sekolah dipertingkatkan dan supaya semua pelajar dapat menikmati kemudahan pendidikan yang bertaraf tinggi, maka Pak Lah telah mencadangkan supaya konsep sekolah bestari ini diperluas yang merangkumi semua sekolah. Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar akan diberikan keutamaan di bawah projek menaik taraf semua sekolah di negara ini kepada status sekolah bestari. Usaha ini merupakan satu perancangan jangka panjang kerajaan untuk mempertingkatkan kemahiran golongan masyarakat di kawasan luar bandar dengan kemahiran-kemahiran terbaharu yang dalam masa yang sama akan dapat juga mempertingkatkan mutu kehidupan mereka.

Menurut Pak Lah, penekanan kepada sekolah-sekolah di kawasan luar bandar diberikan memandangkan sekolah-sekolah ini masih kekurangan bahan-bahan keperluan bantuan mengajar yang lebih moden dan terkini, seperti

komputer. Dengan tindakan ini, menurut Pak Lah, kerajaan juga berharap akan dapat mengurangkan jurang digital antara pelajar di kawasan luar bandar dengan bandar.

Pelajar dan masyarakat di kawasan luar bandar merupakan golongan terkemudian menerima kemudahan-kemudahan, pembaharuan-pembaharuan dalam pelbagai aspek kehidupan. Pembangunan dan kemudahan teknologi baharu lazimnya sampai di kawasan bandar yang dianggap lebih maju dan menjamin di samping terdapatnya kemudahan-kemudahan infrastruktur sokongan yang boleh membantu mempercepat aplikasi teknologi baharu.

Perkara yang serupa diharapkan berlaku di kawasan luar bandar. Bagi Pak Lah, kawasan luar bandar juga perlu diperkenalkan dengan teknologi-teknologi terkini yang boleh menggerakkan bidang ekonomi asasnya, iaitu pertanian. Menurut Pak Lah, teknologi baru yang akan dibawa ke kawasan luar bandar ini tidak akan merugikan, malah beliau percaya ia boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk membangunkan bidang pertanian, khususnya aktiviti pertanian yang berasaskan pengeluaran makanan. Demikianlah keyakinan Pak Lah, pandangannya yang menyeras (horizontal) mengukuhkan kepercayaan umum bahawa Pak Lah tidak mahu rakyat negara ini, tanpa mengira rupa bangsa, agama, bandar dan luar bandar, tersisih daripada pembangunan negara. Inilah yang ingin dilakukan Pak Lah dan inilah yang ditegaskannya secara bersungguh-sungguh.

Pendidikan Sains dan Teknologi Diperkukuh

Bidang sains dan teknologi menjadi bidang utama pembangunan negara menuju sebuah negara maju pada tahun 2020. Asas ini telah dibina baik oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dengan memperkenalkan pelbagai dasar pembangunan berteraskan sains dan teknologi. Kemuncak daripada asas yang dibina itu ialah pelaksanaan projek Koridor Raya Multi-Media (MSC).

Program pembangunan berasas sains dan teknologi akan berhadapan dengan masalah besar untuk berkembang, sekiranya bidang pendidikan tidak digerakkan dengan penuh upaya untuk menghasilkan sumber tenaga yang



secukupnya. Pendidikan menjadi landasan yang kukuh untuk melahirkan sumber manusia yang berkemahiran tinggi.

Pendidikan dilihat Pak Lah sebagai jentera penjana dan pembangunan ilmu pengetahuan untuk semua bidang lain. Justeru, Pak Lah memperkenalkan langkah untuk mencergaskan lagi bidang sains dan teknologi dalam komponen sistem pendidikan negara, bagi memenuhi keperluan ini. Menurut Pak Lah, langkah berkenaan bukan sahaja akan menghasilkan lebih ramai graduan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sains dan kejuruteraan dalam tempoh beberapa tahun akan datang, tetapi juga akan mempersiapkan negara ke arah matlamat menjadi negara maju pada tahun 2020 kelak. Katanya, langkah itu ialah langkah inovatif kerajaan berdasarkan pengalaman yang dilalui untuk memberi penekanan kepada pendidikan sumber manusia kerana pembangunan sumber manusia amat penting dalam menentukan masa depan negara.

Selain daripada mata pelajaran dan kursus-kursus sains dan teknologi yang sedia ada, Pak Lah juga memperkenalkan teknologi baru bidang bioteknologi untuk diajar sebagai satu mata pelajaran di peringkat sekolah. Bagi menjayakan hasrat ini, Pak Lah berharap lebih ramai guru akan diambil dan dilatih dalam bidang berkenaan. Menurut Pak Lah lagi, suasana dan prasarana telah sedia diwujudkan bagi membolehkan pelajar mengikuti mata pelajaran dan kursus ini.

Sewaktu melawat Cuba pada bulan November 2004, Pak Lah dan anggota delegasi telah melawat Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi (CIGB) dan University of Information Technology Sciences (UGI). Daripada kunjungan itu, Pak Lah mendapati Cuba sudah membuktikan kejayaan hasil daripada penyelidikan yang telah diusahakan sekian lama. Secara prinsip Malaysia bersetuju untuk bekerjasama dengan Cuba dalam bidang bioteknologi ini, terutama yang berhubung dengan bidang perubatan. Inilah langkah konkrit yang diambil oleh Pak Lah. Beberapa perjanjian kerjasama penyelidikan pengeluaran vaksin yang membabitkan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan universiti di Cuba akan dimeterai.

Pak Lah sedar keperluan negara kepada tenaga pekerja yang berpengetahuan, berkemahiran, inovasi dan juga produktif. Oleh sebab itu, beliau

telah memutuskan supaya kumpulan baru pekerja pada masa depan akan memiliki diploma yang khusus dalam pengajian tertentu, terutamanya yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Ini yang belum dilakukan sebelum ini, dan akan dilaksanakan tidak lama lagi.

"Apa yang kita ada ialah kumpulan yang baharu menamatkan sekolah menengah yang lebih mirip kepada akademik. Kita perlu satu lagi peringkat dan inilah peringkat di Malaysia yang kita nyatakan sebagai peringkat teknikal." Demikian tegas Pak Lah ketika merasmikan Sidang Kemuncak Perniagaan Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) kelapan di Pusat Konvensyen Putrajaya tahun 2004. Dalam masa yang sama, Pak Lah berasa optimis dengan pembangunan MSC sebagai mercu tanda pembangunan negara berasaskan teknologi, sains dan multimedia yang dikenali di seluruh dunia.

Dalam era siber dan teknologi digital ini, Pak Lah sering memperingatkan cabaran yang perlu ditempuh oleh negara. Cabaran dunia lebih bersifat kompetitif, dan negara tidak ada pilihan lain, melainkan berhadapan dan menempuhnya dengan penuh swadaya. Sekiranya persaingan ini tidak dapat dilalui dengan penuh komitmen, Pak Lah membayangkan tidak perlulah diangankan untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 nanti.

Pak Lah turut memberi penegasan mengenai industri perkongsian perkhidmatan dan pengagihan sumber. Kata Pak Lah, kerajaan akan memberi insentif kepada syarikat luar dalam bentuk kemudahan untuk mendapatkan pekerja mahir dan bermaklumat serta menyediakan tempat yang mempunyai infrastruktur secukupnya, manakala yang membawa teknologi baru, kemudahan mendapatkan status perintis akan diberikan. Katanya lagi, ia akan menjadi daya penarik bagi mana-mana syarikat korporat untuk memulakan perusahaan di negara ini.

Dalam lawatannya ke Cuba pada November 2004, Pak Lah menguangi peringatannya mengenai pentingnya institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini untuk melahirkan pakar sains yang mampu menghasilkan teknologi rekaan mereka sendiri. "Kita tidak mahu pakar sains hanya bersedia menggunakan



teknologi yang dibuat di negara lain". Demikian katanya pada sidang akhbar di penginapannya di Rumah Protokol, Havana, Cuba.

Pak Lah turut menegaskan bahawa para pelajar juga tidak seharusnya meletakkan kebergantungan untuk maju dalam bidang sains dan teknologi hanya dengan mengharapkan kemudahan yang disediakan oleh universiti. Perkara yang lebih penting daripada itu ialah kesungguhan tenaga pengajar serta pelajar itu sendiri. Pak Lah mahu tenaga pengajar memberi pengajaran dengan baik, manakala pelajar pula haruslah bersedia belajar bersungguh-sungguh. Dengan demikian barulah ilmu pengetahuan tentang sains dan teknologi ini dapat dikembangkan dan diaplikasikan.

Pendidikan Vokasional dan Teknik

Seperti yang termaklum, sektor pendidikan menerima peruntukan tertinggi berbanding sektor lain dalam bajet 2005 dengan jumlah sebanyak RM21.5 bilion, iaitu kira-kira satu perempat daripada peruntukan keseluruhan mengurus dalam tahun 2005 yang berjumlah RM117.4 bilion. Peruntukan bajet yang tinggi ini menggambarkan prioriti Pak Lah terhadap pendidikan sebagai sektor terpenting yang akan menggerakkan kemajuan sektor-sektor lain di negara ini.

Daripada jumlah itu, Kementerian Pelajaran menerima RM16.3 bilion manakala Kementerian Pengajian Tinggi ialah RM5.2 bilion. Peruntukan ini tidak termasuk peruntukan RM670 juta bagi membina institusi kemahiran dan vokasional yang baru, di samping RM248 juta bagi menaik taraf kemudahan yang sedia ada. Manakala, sebanyak 30,000 tempat tambahan dikenal pasti untuk diperuntukkan kepada pelajar lepasan sekolah menengah bagi membolehkan mereka mengikuti latihan kemahiran. Menurut Pak Lah, langkah yang diambil ini bertujuan bagi memenuhi keperluan peralihan strategik dalam industri yang memerlukan peningkatan lulusan pelajar vokasional dan teknik di Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan sebagainya. Langkah ini dijangka akan lebih berkesan sekiranya segala kemudahan yang

ada termasuk melaksanakan program dua syif di Politeknik, ILP, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dapat dioptimumkan.

Berasaskan kepada jumlah peruntukan yang besar ini, Pak Lah tidak ragu-ragu lagi, malah beriltizam untuk memperkukuh secara komprehensif sektor pendidikan negara bersekali dengan pengukuhan bidang teknikal dan vokasional di peringkat sekolah dan institut, sebelum negara ini benar-benar bersedia untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 nanti.

Pendidikan dan kemahiran bergerak seiring dalam perancangan Pak Lah. Justeru, pendidikan yang dijuruskan hasilnya tidaklah semata-mata untuk melahirkan warganegara yang berilmu dan tinggi pemikirannya, namun mereka juga harus dilahirkan sebagai sumber tenaga yang berkemahiran tinggi dan inovatif. Hasil inilah kelak yang akan mengisi keperluan negara sebagai sumber tenaga pakar yang akan membangunkan negara dengan acuan sendiri.

Dengan itu jugalah Pak Lah sangat memberi penekanan pendidikan dalam aspek teknikal dan vokasional ini. Bagi menggerakkan sebahagian daripada usaha ini, Program Pembangunan Kemahiran Teknikal dan Peningkatan Kemahiran Perindustrian akan mula dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri bagi membantu dan mengatasi masalah bekalan tenaga kerja mahir negara. Kerajaan juga akan menambah bilangan tempat bagi pelajar tajaan MARA untuk mengikuti pengajian di luar negara di bawah Skim Pelajar Cemerlang daripada 700 kepada 1,000 pelajar setiap tahun.

Negara sangat memerlukan sumber tenaga mahir bagi mengisi keperluan pembangunan menjelang tahun 2020. Sumber tenaga mahir ini perlu diberi pendedahan meluas tentang teknologi, kemahiran dan kepakaran terkini di luar negara. Pak Lah yakin, dengan langkah ini, masalah kebergantungan kepada tenaga mahir dari luar negara akan dapat dikurangkan.

Beberapa badan swasta dan kerajaan diberi tanggungjawab untuk membiayai dan menaja pengajian pelajar di luar negara dalam bidang-bidang teknikal. Pada hari ini, secara keseluruhannya, seramai 4,000 pelajar tajaan agensi-agensi kerajaan seperti Petronas, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dihantar ke luar negara pada setiap tahun.



Di samping itu, Khazanah Nasional pula menaja 100 pelajar cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di universiti terkemuka luar negara dalam subjek teknikal dan profesional. Program yang dirancangkan ini bermatlamat untuk memilih dan membimbing kerjaya mereka yang akan memimpin syarikat milik kerajaan (GLC) kelak dengan matlamat meninggikan lagi keupayaan dan kualiti pengurusan syarikat GLC.

Perancangan Pak Lah hari ini, sebenarnya telah dicetuskan oleh beliau sendiri sewaktu menjawat jawatan Menteri Pelajaran. Pada waktu itu, Pak Lah telah memasukkan pendidikan teknikal secara menyeluruh di semua sekolah. Sebelum itu, pendidikan teknikal hanya tertumpu kepada sekolah-sekolah menengah teknik. Langkah yang diambil Pak Lah itu sebenarnya sejajar dengan matlamat negara untuk mengeluarkan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang teknikal.

Justeru, tidak hairan, pada hari ini Pak Lah dilihat sangat menitikberatkan pendidikan teknik. Beliau melihat jauh kepada keperluan dan matlamat negara untuk menyediakan sumber tenaga mahir dalam bidang teknikal.

Dalam ucapannya sewaktu merasmikan Kompleks Akademik Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Tronoh, Perak pada 22 Ogos 2004, Pak Lah telah memberi penegasan tentang kepentingan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi dan mahir dalam teknologi dan teknikal, sebagai elemen terpenting bagi mewujudkan industri berasaskan sains, bioteknologi, teknologi maklumat, teknikal dan komunikasi serta aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Oleh itu katanya lagi, sektor pendidikan negara harus melalui satu arus perubahan yang terancang untuk melahirkan tenaga kerja tersebut.

Perubahan-perubahan secara bertahap tetapi komprehensif dilakukan bertujuan supaya bidang-bidang pendidikan yang berasaskan sains dan teknologi, teknikal dan vokasional dapat digerakkan secara bersepadu di peringkat sekolah dan pascasekolah. Usaha memperkasa kolej-kolej teknikal sedang giat dilaksanakan. Langkah ini akan menjadi pelengkap kepada keperluan tenaga mahir dalam negara.

Pendidikan Swasta

Kerajaan mengiktiraf peranan pihak swasta dalam membangun dan memajukan sektor pendidikan di negara ini. Keyakinan kerajaan kepada pihak swasta dibuktikan dengan penubuhan Jabatan Pendidikan Swasta, Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan meminda Akta Pendidikan 1995. Jabatan Pendidikan Swasta berperanan menguruskan urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan pendidikan oleh agensi swasta. Lembaga Akreditasi Negara sebagai badan penilai standard kualiti pendidikan yang dianjurkan oleh pihak swasta. Dua buah agensi ini bertanggungjawab dalam aspek dasar dan jaminan kualiti, manakala aspek pelaksanaan menjadi tanggungjawab pihak swasta sendiri.

Satu langkah yang dianggap paling penting kepada perluasan pelaksanaan pendidikan swasta ini ialah pindaan Akta Pendidikan 1995 yang membolehkan institusi-institusi pendidikan swasta ditubuhkan. Pindaan ini telah menyaksikan ratusan institusi pendidikan swasta tumbuh bagai cendawan. Muncullah di sana sini, institut itu institut ini, kolej itu kolej ini.

Sikap Pak Lah positif terhadap perkembangan pendidikan swasta telah menimbulkan perasaan senang hati dalam kalangan tokoh yang terlibat dalam penganjuran kolej-kolej pendidikan swasta. Pak Lah dalam kenyataannya kepada media di Ipoh menyebutkan, Malaysia tidak akan mengehendakan jumlah universiti swasta di negara ini, malah, Pak Lah mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat perkembangan pendidikan swasta di rantau ini.

Pak Lah melihat peranan pihak swasta sangat penting dalam konteks menyemarakkan lagi pembangunan dan kemajuan pendidikan negara. Kerajaan tentu tidak dapat memenuhi keperluan semua pihak untuk menyediakan keperluan dan peluang belajar. Walhal dalam waktu yang sama, kerajaan mahu supaya setiap warganegara ini mendapat pengetahuan dan menuntut ilmu sebaik dan setinggi mungkin, yang kemudiannya boleh pula memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Justeru, dalam ucapannya sewaktu merasmikan Kompleks Akademik Universiti Teknologi Petronas pada 22 Ogos 2004 di Tronoh, Perak, Pak Lah mengalu-alukan penglibatan pihak swasta dalam membangunkan sektor



pendidikan negara, terutama dalam bidang sains dan teknologi. Bagi Pak Lah, dengan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta, maka akan lebih banyak peluang pembelajaran pada peringkat tinggi dapat diwujudkan bagi menampung permintaan yang kian meningkat, sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Dengan menggalak penubuhan IPTS juga akan dapat mengurangkan pengaliran ringgit Malaysia ke luar negara. Kesan ini akan memberi rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi domestik, terutama yang ada kaitan langsung dengan industri pendidikan. IPTS juga akan membantu dan mengaktifkan rangkaian hubungan produk pendidik dengan pihak industri yang dapat memberi manfaat yang baik kepada pasaran guna tenaga manusia. Secara tidak langsung IPTS membantu kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran.

Isu buta huruf, celik komputer, pengangguran, jumlah pelajar yang lulus bertambah dan keterbatasan ruang dan peluang menjustifikasikan kepentingan pendidikan swasta itu wujud dan memainkan peranannya di negara ini. Jadi, kerajaan tidak akan membataskan had beberapa banyak institusi pendidikan swasta diwujudkan dalam negara ini.

Malah dalam pada itu, Pak Lah sendiri yang menggalakkan supaya syarikat-syarikat yang berminat untuk membangunkan universiti boleh terus berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi tanpa perlu menunggu dipelawa untuk berbuat demikian. Menurut Pak Lah, syarikat-syarikat yang berminat ini hendaklah bertindak secara proaktif dan mengemukakan permohonan kepada kerajaan. Namun begitu, Pak Lah mengingatkan bahawa keperluan jaminan kewangan yang kukuh dan pemilihan kursus-kursus yang ingin ditawarkan, supaya kursus-kursus tersebut relevan dengan permintaan semasa.

Meskipun pihak swasta diberi peluang luas untuk menganjurkan penubuhan universiti dan kolej, namun Pak Lah memberi peringatan terhadap beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh pihak swasta, iaitu kedudukan kewangan yang kukuh, jenis kursus yang dapat memenuhi *current demands* dan standard pengajaran yang tinggi lagi bermutu. Menurut Pak Lah jika semua perkara ini dapat dijamin oleh pihak swasta, beliau yakin dan percaya universiti dan kolej swasta dapat menghasilkan graduan yang dapat memenuhi keperluan tenaga di negara ini. Sekiranya hal-hal seperti ini tidak dapat diberi

jaminan dan permohonan pihak swasta tidak memenuhi syaratnya, maka cadangan atau permohonan mereka akan ditolak. Demikian penegasan Pak Lah sewaktu ditanya pemberita pada majlis pembukaan Universiti Teknologi Petronas di Bandar Seri Iskandar, Perak.

Pak Lah juga berkata, sekiranya sesebuah syarikat korporat mempunyai kedudukan kewangan yang mantap dan kukuh, kursus-kursusnya relevan dengan keperluan semasa, seperti yang dilakukan oleh Telekom Malaysia Bhd, Petronas dan Tenaga Nasional Bhd sudah pasti akan menjamin mutu pendidikan yang terbaik dan dapat pula menarik ramai pelajar asing belajar di negara ini.

Pak Lah sangat optimis dengan kesediaan syarikat-syarikat besar untuk menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi, lebih-lebih lagi yang memberi tumpuan khusus kepada bidang yang diperlukan oleh industri negara. Selain itu, beliau melihat pendekatan yang bersifat *'industry driven'*, infrastruktur yang canggih serta tenaga pengajar dan pelajar yang berdedikasi, IPTS mampu menjana hasil penyelidikan yang bermutu untuk kepentingan negara.

Sikap Pak Lah yang lebih terbuka terhadap pertumbuhan dan perkembangan pendidikan swasta mendapat reaksi positif daripada banyak pihak. Ketua Pengawai Eksekutif Kolej Damansara Utama (KDU) Datuk Teo Chiang Liang berharap sikap baharu terhadap pendidikan swasta akan memberi kebaikan kepada industri pendidikan swasta. Beliau juga menganggap Pak Lah sangat mementingkan pendidikan dalam pembangunan negara. Pernyataan ini disandarkan kepada kenyataan Pak Lah bahawa pendidikan merupakan aspek terpenting dalam pembangunan negara dan ia sangat diperlukan jika sekiranya kita mahu kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (*knowledge-based economy*).

Bagi Dr Khoo Soo Peng, Timbalan Presiden Kolej dan Universiti Swasta Malaysia, Pak Lah memberi penekanan terhadap pembangunan pendidikan tinggi dalam sektor awam dan swasta. Langkah yang diambil Pak Lah dilihat sebagai satu usaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang lebih menyeluruh. Dengan langkah ini juga menurut Khoo, pendidikan swasta akan dapat disepadukan, manakala sistem serta prosesnya turut diseragamkan dalam tempoh setahun Pak Lah menjadi Perdana Menteri.



Sudah pasti akan berlaku hubungan yang lebih erat dan intim antara Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Kementerian Pengajian Tinggi dengan sektor pendidikan swasta. Khoo juga menambah, pendidikan swasta di negara ini sangat perlu memberi tumpuan kepada pembangunan harta intelek bagi jangka pendek dan sederhana, di samping penekanan yang berterusan kolej swasta terhadap aspek penyelidikan pendidikan dan industri.

Sehingga kini, negara ini telah memiliki 21 buah universiti swasta dan 519 kolej swasta yang melibatkan jumlah keseluruhan pelajar seramai 314,344 orang (*Utusan Malaysia*, 7 Disember 2004). Apa yang menarik daripada jumlah itu ialah 23,000 daripadanya ialah pelajar luar negara. Data ini membuktikan bahawa sektor pendidikan swasta juga memainkan peranan penting kepada perkembangan pendidikan negara, dan dalam masa yang sama dapat menarik pelajar-pelajar asing belajar di negara kita.

Bab 6

Penutup

Selepas Setahun Menyemai Benih

Pak Lah sering menyebutkan bahawa tahun pertama pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri ialah tempoh menyemai benih. Tempoh selepas itu ialah tempoh menjaga, memupuk dan membelai supaya benih yang disemai tidak rosak atau dimakan ulat. Pak Lah berasa yakin dengan dengan usaha yang telah dilakukannya dalam tempoh setahun awal pemerintahannya. Tanda-tanda perubahan sikap dan pandangan masyarakat terhadap gerak kerja kerajaan terutama dalam usaha kerajaan memerangi rasuah, meningkatkan integriti perkhidmatan awam, penambahbaikan perkhidmatan polis, pengenalan konsep Islam Hadhari, pemantapan perkhidmatan pendidikan dan sekolah wawasan.

Tanggal 31 Oktober 2004 lalu, genaplah tempoh setahun Pak Lah menjawat jawatan Perdana Menteri. Dalam tempoh setahun jagung itu, Pak Lah telah menampilkan imej diri sebagai peneguh wawasan. Lebih penting daripada imej itu ialah kemerdekaan mindanya dalam menyediakan asas pengukuhan dan perubahan. Maksudnya, Pak Lah tidak sekadar meneruskan kebaikan yang dimulakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, tetapi dalam masa yang sama merangka jalan dan pendekatan sendiri bagi mencapai matlamat-matlamat negara.

Dalam tempoh setahun sebagai Perdana Menteri, Pak Lah mengemukakan banyak idea baru yang bertujuan menambah baik dan memperkasakan sektor bidang pendidikan negara. Dalam masa yang sama, para cendekiawan dan warga pendidik menaruh keyakinan tinggi terhadap kemampuan Pak Lah untuk meletakkan bidang pendidikan negara sebagai bidang terpenting untuk membangun negara dan masyarakat, di samping meletakkannya setaraf dengan bidang pendidikan di negara-negara maju di dunia.



Harapan dan Cabaran

Selaku pemimpin negara, komitmen Pak Lah terhadap pembangunan negara adalah jitu dan tidak berbelah bagi. Inilah keyakinan dan kepercayaan Pak Lah terhadap negaranya. Justeru, Pak Lah juga menuntut kepercayaan dan sokongan masyarakat terhadap segala usaha yang hendak dilakukannya. Pak Lah mengemukakan slogan 'bekerja bersama-sama saya' seawal langkahnya menjejak tampuk pemerintahan tertinggi negara. "Saya tidak minta tuan-tuan dan puan-puan (rakyat) bekerja untuk saya, tetapi saya meminta tuan-tuan dan puan-puan bekerja bersama-sama saya". Proklamasi awal Pak Lah ini ialah satu renungan yang nyata kepada mereka yang bercita-cita untuk membodek beliau, mencium tangan beliau tidak kira tempat, menyambut dan mengekori beliau ke mana sahaja dan lebih parah, mengagung-agungkan Pak Lah (Roslan Abdul Hamid, 2004:23).

Untuk menjayakan cita-cita pendidikan negara bukan sesuatu yang mudah. Pendidikan umpama jantung yang menggerakkan segala urat saraf pembangunan. Pendidikan ialah induk pengetahuan yang menginjak nadi segala bahagian kehidupan. Pendidikan terabadi secara azali dengan ketetapan Tuhan sebagai proses pertama yang membugar segala tindak-tanduk manusia dalam apa jua perkara. Cita-cita murni Pak Lah memajukan dan memperkasakan pendidikan negara sangat bergantung kepada sokongan dan kepercayaan semua peringkat masyarakat, bermula daripada diri individu, ibu bapa, pelajar, guru, pentadbir, ahli politik dan semuanya. Semua peringkat golongan ini dijemput dengan penuh sopan dan rendah diri oleh Pak Lah agar berganding bahu bekerja bersama-samanya untuk bangsa, negara dan agama.

Kepercayaan dan sokongan rakyat ialah sesuatu yang penting dan berharga bagi Pak Lah. Pak Lah pernah menyebutkan hal ini 20 tahun yang lalu. Katanya, kepercayaan dan sokongan yang hendak diberikan ini bukanlah barang yang boleh dijual beli, kerana ia ialah hak individu yang paling bernilai (Rosnah Majid, 1985:311). Pak Lah memiliki pendirian yang jelas terhadap sokongan dan kepercayaan masyarakat terhadap kepimpinan, kerana di situlah letaknya asas kejayaan sesuatu perancangan. Kenyataan Pak Lah juga membayangkan bahawa tidak ada makna mandat yang diberikan oleh rakyat kepadanya untuk

memimpin negara, sekiranya rakyat tidak memberikan kepercayaan dan sokongan kepada kepimpinannya. Ada hujah dan sebabnya mengapa Pak Lah mengutarakan slogan 'bekerja bersama-sama saya' seawal langkahnya menuju takhta kepimpinan negara.

Harapan Pak Lah menjayakan misi pendidikan negara menuju kegemilangan bergantung sepenuhnya kepada kepercayaan dan sokongan seluruh lapisan masyarakat khususnya dari kaum pendidik sendiri. Harapan ini juga harapan kerajaan, harapan negara yang sepatutnya menjadi hasrat yang terpenuh secara normal oleh rakyat seluruhnya.

Pendidikan juga menjadi tempat bergantung Pak Lah untuk menjayakan proses pengintegrasian kaum. Impian ini wujud sebagai igauan yang sering kali diganggu mimpi ngeri. Peristiwa 13 Mei 1969 ialah puncak sengketa yang tercetus daripada semangat perkauman. Perkauman umpama api dalam sekam yang sering kali mengusik dan mengganggu ketenangan, keharmonian dan perpaduan kaum sekian lama. Telah banyak usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini, bermula dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Rukun Tetangga, penggunaan satu bahasa rasmi negara, toleransi kepelbagaian budaya dan kebebasan beragama dan berbagai-bagai lagi. Namun, usaha multidimensi ini masih tidak mampu menghapuskan kesangsian yang mencengkeram di lubuk perkauman.

Selain saluran ekonomi, sosial dan kemasyarakatan, pendidikan menjadi saluran paling ampuh bagi mengatasi masalah perkauman. Pak Lah menaruh harapan penuh kepada keupayaan sekolah kebangsaan sebagai institusi paling asas untuk menjayakan perpaduan kaum di kalangan murid pelbagai bangsa, agama dan keturunan. Pak Lah berharap dan mahukan supaya sekolah kebangsaan menjadi sekolah pilihan semua kaum, sekolah pilihan utama rakyat Malaysia.

Harapan ini bukanlah sesuatu yang mudah. Pak Lah sedar, terdapat banyak halangan yang menanti, akan timbul banyak kesangsian di kalangan ibu bapa pelbagai kaum. Namun, Pak Lah yakin, pendidikan ialah saluran terbaik untuk menanam benih perpaduan dari peringkat awal. Jika ini dapat dilaksanakan, ruang perpaduan akan menjadi lebih luas dan melebar dalam bidang-bidang lain pula.

BIBLIOGRAFI

Buku

- Al.Ramaiah, 1999. *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Petaling Jaya, Selangor: Penerbitan IBSbuku Sdn Bhd.
- Chamil Wariya, 2004. *Perjalanan Politik PM Ke-5*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- INTAN, 2003. *Peneraju Warisan Terbilang*. Petaling Jaya: INTAN dan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.
- Mohd Idris Jauzi (ed), 1991. *Reformasi Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Roslan Abdul Hamid, 2004. Abjap *Kemuliaan 100 Hari Pertama Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Indah Abjad.
- Rosnah Majid, 1985. *Koleksi Temu Ramah Khas Tokoh-Tokoh*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Akhbar

- Berita Harian, 1 November 2003
- Berita Harian, 25 Julai 2004
- Berita Harian, 7 Ogos 2004
- Berita Harian, 22 Ogos 2004
- Berita Harian, 24 Ogos 2004
- Berita Harian, 25 Ogos 2004
- Berita Harian, 2 September 2004
- Berita Harian, 27 November 2004
- Berita Harian, 7 Disember 2004
- Berita Minggu, 31 Oktober 2004
- New Straits Times, 5 July 2004
- New Straits Times, 23 August 2004
- The Star, 8 February 2004
- The Star, 7 July 2004
- The Star, 7 August 2004
- The Star, 23 August 2004